

BAB 2

KONSEP DAN TEORI

2.0. Pendahuluan

Bab dua membincangkan tentang dua perkara iaitu konsep dan teori. Bahagian konsep membincangkan tentang konsep ketaksamaan sosial (sosiologi, ketaksamaan sosial, stratifikasi sosial, status, kelas dan kuasa serta faktor-faktor yang mempengaruhi ketiga-tiga aspek ini) dan filem (Tafsiran, kepentingan, filem dalam bidang akademik, realiti dan filem, filem dalam sosiologi). Seterusnya pada bahagian teori pula, teori strukturan-fungsional, teori konflik dan teori semiotik (teori semiologi komunikasi, kod-kod budaya, semiotik sosiologi) diperjelaskan. Teori-teori tersebut didekati berdasarkan keperluan kajian.

2.1. Konsep

Konsep dapat ditafsirkan sebagai huraian abstrak yang memberikan suatu penjelasan terhadap sesuatu perkara dalam beberapa dimensi (Syed Arabi Idid, 1998, pp.25-26). Pelbagai dimensi atau sudut pandangan ini terbentuk atau ditentukan mengikut kehendak

kajian (Bailey, 1978, p.33). Biasanya dalam sesebuah kajian, konsep hendaklah diperjelaskan berdasarkan pandangan yang berbeza yang mempunyai kaitan dengan perkara yang dihuraikan (Azirah Hashim, 2005, p.11). Hal ini amat penting dalam sesuatu kajian kerana penjelasan yang dikemukakan dalam sesuatu penyelidikan akan memberikan suatu pemahaman secara khusus kepada pengkaji untuk mengendalikan analisisnya dengan teliti (Syed Arabi Idid, 1998, pp.25-26).

Sarjana bernama Lawrance Newman (2007, p.26) menjelaskan bahawa konsep ini akan terbentuk dalam simbol ataupun perkataan dan ia dikatakan sebagai pemahaman yang terbentuk daripada pengalaman. Sebenarnya manusia terdedah dengan pelbagai konsep yang wujud dalam kehidupan sosial, tetapi mereka menghadapi kesukaran untuk menjelaskannya secara teratur. Penjelasan yang sistematik inilah yang dirujuk sebagai konsep dalam penulisan akademik (Syed Arabi Idid, 1998, p.26). Dalam hal ini, pengalaman kehidupan harian dan ilmu pendidikan memainkan peranan penting dalam merekabentuk sesuatu konsep yang bersifat akademik (Lawrance Newman, 2007, p.26).


Dalam sesuatu kajian, pembentukan konsep hendaklah dibuat berasaskan penyelidikan. Jika tidak maka ia mungkin akan memuatkan perkara yang tidak berkaitan dan tidak relavan dengan objektif sesuatu kajian. Konsep juga penting dalam kajian kerana ia memberikan suatu fahaman dan memainkan peranannya sebagai panduan kepada bahan yang dikaji (Syed Arabi Idid, 1998, p.26).

Fokus kajian semasa adalah terhadap ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat India Malaysia sepertimana digambarkan dalam FFTM (filem-filem Tamil Malaysia). Oleh yang demikian, ada baiknya jika konsep ketaksamaan sosial dan filem diperjelaskan terlebih dahulu. Berikut adalah carta yang menggambarkan keseluruhan penerangan tentang konsep ketaksamaan sosial berdasarkan lingkungan dan kehendak kajian ini.

2.2. Ketaksamaan Sosial

Berikut adalah carta yang menggambarkan keseluruhan penerangan tentang ketaksamaan sosial berdasarkan lingkungan dan kehendak kajian ini.

Rajah 2.1: Kerangka ketaksamaan sosial.



Kerangka ini adalah direka oleh pengkaji berdasarkan kehendak kajian semasa. Kerangka ini pada dasarnya telah direka berdasarkan pemahaman pengkaji secara umum tentang kewujudan ketaksamaan sosial dalam sesuatu kelompok masyarakat dan telah distabilkan berdasarkan tiga prinsip utama ketaksamaan sosial (status sosial, kelas sosial dan kuasa) dan faktor-faktor yang membentuk ketaksamaan sosial.

Ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat adalah merujuk kepada perbezaan kedudukan yang wujud dalam kehidupan sosial. Ketaksamaan sosial merupakan unsur yang penting dalam kajian sosiologi. Ketaksamaan sosial dalam kajian sosiologi dikatakan wujud dalam semua institusi sosial dan juga dalam kelompok masyarakat (Bottomore, 1966, p.15). Hal ini dikatakan sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan sepenuhnya dalam kehidupan sosial kerana kewujudannya terbentuk secara semula jadi dan telah distabilkan dalam kehidupan sosial (Hurst, 1992, p.1).

Sosiologi dapat ditafsirkan sebagai ilmu penyelidikan tentang kumpulan masyarakat, struktur sosial, perubahan yang berlaku dalam sosial dan juga berkaitan dengan institusi-institusi sosial (Berry, 1974, p.5). Walau bagaimanapun secara keseluruhannya kajian sosiologi dikatakan sebagai kajian tentang manusia sahaja kerana kesemua aspek lain adalah berkaitan dengan manusia dan menjadi fungsi-fungsinya yang tidak dapat dipisahkan daripada manusia (Alex Inkeles, 1965, pp.14-15). Sosiologi melihat manusia sebagai suatu sistem gerakan secara berterusan dengan persekitarannya dan juga mempunyai persaingan dan konflik antara satu sama lain (Rohana Yusuf, 2010, p.15).

Sosiologi juga melibatkan kajian yang dilakukan untuk mencari pengertian tentang kehidupan sosial berdasarkan sifat semula jadi manusia itu sendiri (Durkheim. 1964, p.102). Kehidupan manusia pula merangkumi segala aspek sosial termasuk interaksi, budaya, birokrasi, populasi, jantina, umur, tingkah-laku, politik, kuasa, stratifikasi, norma dan sebagainya (Rohana Yusuf, 2010, p.15). Menurut ilmu sosiologi, bentuk kehidupan sosial yang sistematik dan tersusun akan memberikan ruang yang secukupnya kepada manusia untuk memahami sifat dunia dan juga cara bagaimana berkelakuan dalam sesuatu kelompok sosial itu (Berry, 1974, p.36).

Kajian dalam sosiologi dibahagikan kepada dua bentuk iaitu statik dan dinamik (Alex Inkeles. 1965, p.4): -

- i) Statik sosial – institusi-institusi utama dalam sosiologi seperti keluarga, agama, politik dan sebagainya yang dianggap sebagai perkara yang penting dalam kajian sosiologi. Institusi-institusi sosial adalah saling berhubung antara satu sama lain dan sukar untuk dipisahkan kerana ia wujud dalam satu bentuk kombinasi.
- ii) Dinamik – hal ini mengkaji tentang keseluruhan masyarakat yang berkaitan dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam kehidupan sosial.

Kedua-dua jenis pendekatan ini merujuk kepada kajian tentang manusia dalam bentuk individu dan juga masyarakat. Dalam bidang sosiologi, individu dan masyarakat mempunyai kepentingan yang sama kerana kedua-dua ini adalah saling bergantung antara satu-sama lain dan tidak boleh diasingkan (Ting Chew Peh, 1979, p.31). Individu adalah gabungan penjumlahan kelompok masyarakat dan kelompok masyarakat pula menentu

peranan dan identiti individu (Berry, 1974, 27 & p.36). Masyarakat dalam sesuatu kumpulan sosial bukan sekadar jumlah sahaja tetapi ia adalah sistem yang terhasil daripada hubungan antara individu yang mempunyai ciri-ciri tersendiri (Durkheim, 1964, p.102). Individu dan masyarakat adalah bahan kajian yang penting dalam ilmu sosiologi kerana sosiologi adalah kajian tentang sains kemasyarakatan (Alex Inkeles. 1965, p.6).

Masyarakat adalah istilah umum tentang penjumlahan individu. Manakala kelompok masyarakat dalam sosiologi pula merujuk kepada sesuatu kumpulan masyarakat yang unik (Durkheim, 1964, p.103). Dalam sosiologi kelompok dirujuk sebagai kumpulan yang mempunyai identiti yang sama, bersatu padu, bersahabat, dan mempunyai tujuan yang sama (Ting Chew Peh, 1979, p.55). Kelompok masyarakat ini terbentuk daripada kaum, bangsa, kumpulan masyarakat, institusi, agama dan sebagainya. Perhubungan antara individu dan masyarakat dikatakan sebagai aspek penting bagi pembinaan kelompok sosial dalam sistem sosial kerana perhubungan inilah yang membentuk aktiviti dan tingkah laku dalam sosial (Rohana Yusuf, 2010, pp.4 & 7).

Weber (1947, p.88) melihat sosiologi sebagai sains yang digunakan untuk memahami aktiviti atau tindakan sosial yang membawa kepada sebab dan akibatnya. Tindakan sosial ini merujuk kepada semua tingkah-laku dan aktiviti yang dilakukan oleh manusia yang membawa kepada sesuatu makna. Biasanya tingkah-laku individu mahupun kelompok masyarakat adalah lebih berkait rapat dengan peranan (Ting Chew Peh, 1979, pp.90-92).

Peranan manusia tidak boleh diasingkan daripada konsep sosiologi. Manusia melakukan aktiviti berdasarkan peranannya dan hal inilah yang membentuk tindakan sosial. Masyarakat akan menentukan peranan yang harus dimainkan oleh seseorang individu termasuklah pemilihan kerja, mendirikan institusi keluarga, tanggungjawab yang lain berdasarkan tingkah laku dan juga dalam institusi-institusi sosial yang lain (Berry, 1974, pp.12 & 75).

Dalam kehidupan sosial hubungan dan interaksi akan menentukan peranan yang harus dimainkan oleh individu dan individu akan melaksanakan tindakan berdasarkan peranannya (Ting Chew Peh, 1979, p.103). Peranan masyarakat tidaklah ditentukan hanya berasaskan pekerjaan mereka. Sebenarnya ia adalah lebih luas merangkumi segala kegiatan yang dilakukan oleh individu untuk diri sendiri dan bagi institusi-institusi sosial yang lain (Berry, 1974, p.12). Justeru itu, peranan akan membentuk status dan kedudukan individu dalam masyarakat yang melakukan tindakan yang berbeza berdasarkan kedudukan masing-masing (Ting Chew Peh, 1979, p.103).

Dalam sosiologi, individu yang ingin mendapatkan status tertentu harus sedia untuk memikul peranannya kerana peranan biasanya mempunyai kaitan rapat dengan status dan kedudukan sosial. Oleh itu, peranan menjadi asas pembentukan status dan kedudukan. Manakala status dan kedudukan pula mewujudkan kesaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat (Rohana Yusuf, 2010, pp.121-126).

Kehidupan harian manusia memang diselubungi oleh pelbagai perbezaan dari segi politik, sosial, dan ekonomi yang secara langsung memberikan dan meninggalkan kesan dalam perasaan dan minda individu (Hurst, 1992, p.1). Manusia dikatakan sukar untuk mengelakkan diri daripada perbezaan sosial ini. Perkara-perkara yang membentuk perbezaan dalam kalangan masyarakat memainkan peranan penting dalam pembentukan konsep ketaksamaan dalam sosial (Kerbo, 2012, pp.9-10).

Ketaksamaan sosial ini dikatakan wujud di mana-mana jua dan perbezaan antara manusia dalam kehidupan sosial dikatakan wujud sejak zaman awal lagi. Hal ini dikatakan telah wujud sejak manusia memberikan tumpuan kepada keunikan individu yang telah mendedahkan pandangan dan pemikirannya (Rohana Yusuf, 2010, p.219). Maka keadaan ini telah mewujudkan pemikiran tentang kelainan dalam kalangan masyarakat. Dengan itu ketaksamaan sosial ini menjadi sebagai parameter dalam menentukan kedudukan individu dalam sosial (Rasmun Hoffmann, 2008, p.29).

Ketaksamaan sosial ini secara umumnya ditafsirkan sebagai kedudukan manusia dalam struktur sosial yang tidak memberikan ganjaran ataupun keistimewaan sosial yang sama rata kepada semua masyarakat (Ilan Marsh & Mike Keating 1996, p.268). Ketaksamaan sosial dalam pengedaran ganjaran atau keistimewaan sosial ini boleh mewujudkan perbezaan dalam struktur sosial dan seterusnya membentuk lapisan sosial dalam kalangan masyarakat (Kerbo, 2012, p.9).

Pengedaran atau pengagihan ganjaran dan sumber sosial ini dilakukan dalam pelbagai dimensi yang berbeza kepada institusi-institusi sosial mengikut kepentingan dan juga kedudukan statusnya dalam lapisan sosial masyarakat (Ridgeway & Sandra Nakagawa. 2014, p.11). Dalam keadaan ini pengagihan ini secara langsung mahupun tidak langsung melahirkan ketaksamaan sosial. Sarjana Judah Matras (1975, p.9) menyatakan bahawa ketaksamaan sosial dalam sosial bukan sahaja wujud disebabkan oleh berkebolehan individu tetapi juga disebabkan oleh kedudukan seseorang itu.

Ketaksamaan sosial juga membuka ruang kepada seseorang individu atau kumpulan masyarakat untuk membandingkan kedudukan mereka dengan individu atau kumpulan masyarakat yang lain. Pada masa yang sama hal ini juga memberikan peluang kepada orang lain atau kumpulan lain untuk menilai kedudukan diri individu atau kumpulan tersebut (Kerbo, 2012, p.9). Sebagai contohnya, seseorang yang mencapai suatu kedudukan yang tinggi dalam ekonomi boleh mengubahsuai gaya hidupnya berdasarkan tahap pencapaian ekonominya. Maka dalam keadaan ini perubahan yang berlaku dalam kehidupan individu tersebut akan menjadi alat pengukur kedudukan sosialnya. Begitu juga dengan hal orang lain yang menilai kedudukan seseorang individu yang lain. Contohnya, seseorang individu pada alam kanak-kanaknya mungkin ditegur dan tidak dilayani dengan baik oleh gurunya, tetapi kemudiannya apabila individu tersebut berjaya dalam hidupnya maka sudah tentu layanan guru itu terhadap individu tersebut akan berubah.

Ketaksamaan sosial dikatakan wujud dalam kalangan masyarakat dalam dua bentuk (Bottomore, 1966, p.15) seperti berikut:-

- i) Ketaksamaan sosial itu wujud secara semula jadi dan tidak memerlukan sebarang pengiktirafan daripada mana-mana pihak atau individu kerana hal ini telah distabilkan secara semula jadi. Sebagai contohnya umur, jantina, kekuatan badan, kekuatan minda adalah berbeza antara satu sama lain yang membentuk ketaksamaan sosial secara semula jadi.
- ii) Kedua adalah, ketaksamaan sosial yang terbentuk melalui proses bergantung kepada hubungan kumpulan atau individu lain dalam usaha untuk distabilkan dan diautoritikan. Dalam keadaan ini peranan masyarakat dan institusi sosial memainkan peranan penting dalam usaha memberikan pengiktirafan terhadap kedudukan yang dicapai oleh seseorang individu itu. Sebagai contohnya pendidikan, kedudukan dalam politik dan sebagainya adalah kedudukan yang memerlukan pengiktirafan dan sokongan daripada pihak lain untuk mencapai kedudukan tersebut.

Dalam kedua-dua unsur ini, yang pertama adalah terbentuk secara semula jadi dan yang kemudiannya terbentuk daripada sistem sosial tersebut.

Ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat juga terbentuk daripada proses penempatan seseorang individu atau golongan pada sesuatu kedudukan tertentu untuk memperoleh manfaat atau perkhidmatan. Dalam keadaan ini kepentingan hanya diberikan kepada perkhidmatan yang diberikan oleh individu atau golongan yang ditempatkan pada sesuatu kedudukan tersebut. Prestij dan penghormatan hanya dilihat sebagai aspek yang kedua dalam proses ini (Kerbo, 2012, p.10). Sebagai contohnya kedudukan tinggi atau pemilikan sesuatu jawatan boleh memberikan kuasa kepada seseorang individu untuk

melaksanakan beberapa tugas yang dipertanggungjawabkan. Perkhidmatan yang diberikan oleh individu tersebut berpeluang untuk membawa anugerah dan pangkat kepada individu tersebut. Dalam keadaan ini pangkat dan anugerah itu akan membawa penghormatan dan prestij kepada individu tersebut. Walau bagaimanapun dalam hal ini tugas yang dilaksanakan oleh individu itulah yang memainkan peranan penting dalam membawa anugerah tersebut kepada individu tersebut. Dalam keadaan ini walaupun seseorang individu tidak menerima sebarang anugerah ia akan tetap melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Selain itu, ketaksamaan sosial juga boleh dirasai melalui usaha membuat keputusan. Dalam keadaan ini keputusan yang telah dibuat (sama ada keputusan yang betul atau salah) dalam evolusi sosial akan menentukan perbezaan dalam kehidupan sosial. Berdasarkan keputusan yang telah dibuat individu mungkin akan menilai ketaksamaan sosial dan kedudukan berbeza yang wujud dalam sosial. Oleh yang demikian ketaksamaan sosial kedudukan sosial yang terbentuk daripada keputusan itu akan membentuk prestij pada individu tersebut (Gallivan, 2003, p.46).

Ketaksamaan sosial adalah suatu fakta yang telah menjadi konkrit dalam kehidupan sosial kerana hal ini telah diinstitusikan (Hurst, 1992, p.1). Apabila dikatakan ketaksamaan sosial dalam masyarakat adalah diinstitusikan maka ia membawa maksud bahawa sistem kedudukan lapisan masyarakat adalah telah distabilkan. Oleh yang demikian, sistem sosiologi semacam menentukan sifat seseorang individu mahupun kelompok masyarakat. Hal ini sedemikian kerana mereka terpaksa menerima hakikat tentang kedudukan diri

mereka dalam struktur sosial dan harus menjalankan tugas dan tanggungjawab sepertimana yang telah ditetapkan (Kerbo, 2012, p.10). Dengan ini sistem perhubungan sosial akan menentukan siapa yang perlu melakukan apa dan kenapa ia dilakukan dalam kehidupan sosial.

Itulah antara sebab mengapa ketaksamaan sosial telah disalurkan dan dikatakan telah distabilkan dalam kalangan masyarakat mengikut kelompok masyarakat tersebut (McAll, 1992, p.56). Bukan itu sahaja, malah kedudukan sosial juga mewujudkan beberapa peraturan dan undang-undang yang memberikan justifikasi terhadap tindakan sosial yang menghasilkan ketaksamaan sosial (Kerbo, 2012, p.10). Sebagai contohnya, penetapan beberapa peraturan dalam memberikan anugerah dan pangkat kepada individu-individu tertentu adalah suatu sistem sosial untuk menjustifikasikan kenapa mereka telah dianugerahkan pangkat tersebut.

Masyarakat mungkin boleh menerima atau tidak menerima akan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kehidupan sosial tetapi hakikatnya ketaksamaan sosial itu tetap wujud dalam pelbagai sudut kehidupan mereka (Henslin, 2007, p.231). Biasanya ketaksamaan sosial dalam bidang sosiologi adalah lebih berkaitan dengan konsep stratifikasi kerana stratifikasi sosial adalah istilah yang digunakan untuk melambangkan ketaksamaan sosial yang terbentuk dalam kehidupan sosial (Bottomore, 1966, p.15).

2.2.1. Stratifikasi Sosial

Stratifikasi sosial adalah fahaman tentang kewujudan ketaksamaan sosial dalam kehidupan sosial (Ting Chew Peh, 1979, p.109). Stratifikasi sosial adalah sesuatu yang diterima umum oleh masyarakat bagi menentukan kedudukan dalam struktur sosial (Rohana Yusuf, 2010, p.220). Perbezaan dalam kalangan masyarakat yang telah ditentukan melalui stratifikasi sosial telah membentuk hierarki pada struktur kehidupan manusia (Yunus Kaya & David Brady, 2008, p.166). Hierarki ini pula mewujudkan sistem lapisan sosial dalam sesuatu masyarakat. Hal ini menentukan kedudukan dan peranan seseorang individu atau kelompok masyarakat itu (Ting Chew Peh, 1979, p.109).

Sistem hierarki yang merujuk kepada kedudukan lapisan masyarakat juga dikenali dengan istilah 'strata' (Rohana Yusuf, 2010, p.219). Strata akan membentuk kehidupan masyarakat sosial yang berlainan dalam susunan lapisannya dan menyediakan keistimewaan dan peluang kehidupan seperti memperoleh tuntutan, menikmati kemewahan dan juga mencapai matlamat kehidupan sosial (Ting Chew Peh, 1979, p.110). Hal ini dirujuk sebagai ganjaran atau sumber sosial (Senstadt, 1971, p.61). Sehubungan dengan itu, Engon Ernest Bergel (1962, p.4) mentafsirkan stratifikasi sosial sebagai sistem yang mengukur dan menentukan kedudukan dalam lapisan masyarakat yang membentuknya ketaksamaan sosial dalam kalangan mereka.

Selain itu, Karl Marx (1969, p.16-21) menghubungkan stratifikasi sosial dengan institusi ekonomi. Beliau menyatakan bahawa stratifikasi sosial membentuk dua golongan masyarakat iaitu golongan berkuasa (tuan tanah/pelabur modal) yang memainkan peranan penting dalam pengeluaran dan pengawalan terhadap pengeluaran. Golongan yang kedua adalah golongan pekerja yang dirujuk sebagai golongan yang tidak berkuasa. Berdasarkan kenyataan Karl Marx, stratifikasi sosial ini didapati lebih cenderung dengan institusi ekonomi. Kedudukan ekonomi inilah yang menentukan struktur lapisan masyarakat dalam ilmu sosiologi.

Manakala Davis dan Moore (1969, p.496) pula menghubungkan stratifikasi sosial dengan jawatan yang lebih cenderung dengan unsur kuasa dalam ilmu sosiologi. Kedua-dua sarjana ini menyatakan bahawa jawatan dan kedudukan akan sentiasa wujud dalam kehidupan sosial. Masyarakat memerlukan kebolehan dan kemahiran yang secukupnya untuk memenuhi jawatan dan kedudukan tersebut. Kemahiran itu pula diperoleh daripada pendidikan dan latihan yang melibatkan aspek-aspek seperti pengorbanan masa, tenaga, perbelanjaan dan sebagainya. Daripada usaha tersebut sebagai ganjarannya mereka akan memperoleh kedudukan dan jawatan dalam sosial (Ting Chew Peh, 1979, p.110). Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa kedudukan yang diperoleh daripada jawatan juga memainkan peranan penting dalam menentukan stratifikasi sosial.

Kedua-dua kenyataan yang telah dikemukakan oleh Karl Marx, Davis dan Moor adalah berkaitan dengan institusi ekonomi yang mempunyai pengaruh yang kuat dalam kalangan masyarakat. Hal ini dengan jelasnya menggambarkan bahawa ekonomi dan kuasa

adalah dua perkara yang menonjol dalam kewujudan ketaksamaan sosial dalam kehidupan sosial sesuatu kelompok masyarakat.

Sistem sosiologi mengemukakan enam ukuran terhadap penilaian kedudukan individu dalam sistem stratifikasi sosial (Ting Chew Peh, 1979, p.111) seperti berikut:-

- i) Unit kekeluargaan yang terbentuk daripada warisan dan juga perkahwinan.
- ii) Sifat-sifat peribadi yang dinilai berdasarkan kelakuan seseorang individu.
- iii) Pencapaian seseorang individu dalam pelbagai institusi sosial seperti dalam institusi ekonomi, pendidikan, agama dan sebagainya.
- iv) Benda-benda yang dimiliki seperti kekayaan, hartanah dan sebagainya.
- v) Kewibawaan seseorang individu.
- vi) Kuasa yang dimiliki oleh seseorang individu seperti kuasa politik, kuasa dalam sesuatu institusi.

Stratifikasi dalam sistem sosial bukan sahaja menggambarkan perbezaan yang wujud dalam kalangan masyarakat tetapi juga menentukan peranan mereka yang harus dimainkan (Senstadt, 1971, p.8). Manakala setiap peranan dan tugas juga turut mempunyai nilai-nilai tertentu dan hal inilah yang mewujudkan kepentingan dalam sosiologi (Rohana Yusuf, 2010, p.220).

Secara kesimpulannya, stratifikasi sosial adalah dikatakan sebagai suatu keadaan yang wujud pada semua masyarakat dalam bentuk kecil mahupun besar. Hal ini juga terbentuk daripada perwatakan yang berbeza dalam kalangan masyarakat yang terbentuk daripada peranan dan tugas yang berbeza yang dilakukan oleh individu. Manakala peranan dan tugas yang berhubung dengan sesuatu aliran tertentu ini juga akan menentukan kewujudan perbezaan dalam kalangan masyarakat (Senstadt, 1971, p.5).

Secara ringkasnya boleh dikatakan bahawa stratifikasi dalam sosial yang menjadi asas kepada ketaksamaan sosial ini wujud dalam tiga unsur iaitu status sosial, kelas sosial dan kuasa. Setiap unsur ini memainkan peranan berdasarkan kepentingannya dalam sosial. Unsur-unsur ini juga mempunyai ciri-ciri dan nilai yang tersendiri. Dalam pada ini ada yang bergantung antara satu-sama lain dan ada juga yang bersaing antara satu sama lain. Walau apa pun, kesemua aspek ini tetap mewujudkan ketaksamaan dalam kehidupan sosial (Tischler, 2006, p.209).

2.2.2. Status Sosial

Status adalah suatu polisi yang membentuk kedudukan dalam kalangan masyarakat (Hurst, 1992, p.37). Istilah 'status' adalah berasal daripada perkataan Latin, '*statum*' yang membawa maksud berdiri (Middleton, 2008, p.621). 'Berdiri' dalam konteks status menandakan penghormatan atau prestij. Status merupakan kedudukan sosial individu.

Kedudukan ini wujud sebagai satu lokasi yang diduduki oleh seseorang yang mungkin mempunyai hierarki ataupun tanpa hierarki (Ting Chew Peh, 1979, p.108).

Status sosial biasanya dihubungkan dengan darjat, penghormatan, dan pangkat sosial kerana kedudukan sosial dalam masyarakat adalah terbentuk dalam dua keadaan yang dikenali sebagai superioriti (tinggi) dan inferior (rendah) (Rohana Yusuf, 2010, p.111). Kedua-dua aspek ini adalah lebih berkaitan dengan unsur ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa status sosial adalah suatu kedudukan untuk pencapaian prestij dalam sosial (Judah Matras, 1975, p.67).

Weber (1969, p.24) menyatakan bahawa status adalah suatu penghormatan sosial yang berkaitan dengan masyarakat. Beliau juga menyatakan bahawa status adalah berbeza dari kelas dan ia wujud daripada penghormatan dan prestij. Hal ini kerana pembentukan kelas adalah lebih cenderung dengan pencapaian dalam bidang ekonomi manakala status pula wujud dalam pelbagai aspek dan institusi sosial. Status dalam kehidupan sosial terbentuk daripada aspek-aspek seperti latar belakang individu, warisan, pendidikan, cara berkomunikasi, tempat tinggal dan sebagainya (Judah Matras, 1975, p.67).

Setiap status mempunyai peranannya dalam sifat-sifat tertentu. Setiap kedudukan yang wujud dalam status sosial mempunyai makna tersendiri dan makna tersebut akan menentukan kedudukan individu tersebut sama ada di atas mahupun bawah yang menjadi asas kepada ketaksamaan sosial yang wujud daripada darjat, martabat, penghormatan,

pangkat, ketuanan dan sebagainya (Ting Chew Peh, 1979, p.108). Sebagai contohnya status sosial yang diperoleh daripada pendidikan boleh mencerminkan diri seseorang itu sebagai cendekiawan ataupun ilmuwan dalam kalangan masyarakat. Manakala seseorang kaya yang rela membantu masyarakat pula akan diberikan statusnya sebagai dermawan. Dalam konteks sosial kedua-dua status ini mempunyai peranan dan fungsi yang berlainan. Bukan itu sahaja malah golongan masyarakat yang memperoleh faedah daripada kedua-dua orang dalam status sosial tersebut juga adalah berlainan.

Linton (1936, pp.115-116) menyatakan bahawa status dalam sosiologi wujud dalam dua bentuk:-

i) Status yang wujud daripada warisan / semula jadi

Warisan adalah status yang diperoleh secara turun-temurun dan generasi demi generasi. Status ini diperoleh daripada kelahiran atau diperoleh apabila mencapai suatu tahap. Sebagai contohnya jantina, umur, kaum dan sebagainya tergolong dalam status warisan. Status ini boleh diperoleh tanpa sebarang usaha dan juga ia akan menentukan peranannya pada masa semasa dan juga masa hadapan. Status ini boleh diperoleh melalui beberapa unsur seperti berikut:-

a) Jantina – Setiap jantina masing-masing mempunyai peranan tertentu sejak lahir dan juga pada pencapaian sesuatu tahap. Sebagai contohnya jika perempuan secara biologikalnya harus melahirkan anak manakala kaum lelaki pula dipertanggungjawabkan untuk menjaga keluarga. Selain itu, tradisi kehidupan juga akan menetapkan beberapa status. Contohnya dalam

upacara perkahwinan orang India, lelaki harus duduk di sebelah kanan dan wanita harus duduk di sebelah kiri.

- b) Umur – Manusia yang ditentukan statusnya berdasarkan umur akan memainkan peranan dan tanggungjawabnya melalui pelbagai peringkat kehidupan. Manakala tahap umur ini bukanlah semata-mata bergantung sepenuhnya kepada perkembangan fizikal tetapi juga berkaitan dengan nilai, tingkah-laku dan kematangan seseorang individu.
- c) Perhubungan keluarga – Hal ini merupakan kedudukan yang wujud dalam institusi keluarga, seperti ayah, ibu, abang, datuk, nenek yang ditentukan daripada jantina, umur dan juga pertalian keluarga. Kadang-kala hubungan keluarga ini juga boleh menentukan status dalam sosial. Sebagai contohnya Anak Raja menjadi Raja selepas kemangkatan ayahnya secara warisan. Hal ini juga akan membentuk status dalam sosial.
- d) Status bangsa – Status ini juga wujud secara semula jadi dan tidak boleh diubah. Status sebagai kaum Melayu, Cina, India, Iban dan sebagainya adalah status sosial yang terbentuk daripada status warisan.

ii) Status yang diperolehi

Status ini adalah tidak berkaitan dengan kelahiran atau warisan. Status ini diperolehi daripada kebolehan, kemahiran, usaha, keintelektualan dan pengetahuan seseorang individu. Status sosial ini dapat dikatakan sebagai suatu kedudukan yang dicapai oleh individu. Hal ini juga terbentuk daripada pemilihan dan mempunyai persaingan. Sebagai contohnya status sosial yang dicapai seperti pengawas, pegawai, hakim, perdana menteri, ketua dan

sebagainya adalah terhasil daripada unsur pemilihan dan ia secara langsungnya akan mewujudkan persaingan. Status sosial ini biasanya terbentuk dalam alam kerja dan juga dalam institusi sosial yang lain seperti politik, ekonomi dan sebagainya. Status perolehan juga adalah sesuatu mengikut pilihan individu dan juga tidak terhad. Seorang individu boleh memiliki status-status yang diinginkan dengan usahanya pada masa yang sama. Sepertimana status warisan, status perolehan juga mempunyai beberapa peranan, tanggungjawab dan kelakuan yang tersendiri.

Status sosial juga berkait rapat dengan peranan seseorang individu. Status seperti emak, ayah, polis adalah sesuatu kedudukan dalam sosial tetapi ia berkaitan dengan peranan dan juga akan menentukan apa yang boleh dilakukan dan apa yang tidak boleh dilakukan oleh seseorang individu (Eisenstadt, 1971, pp.2-5). Status dalam kehidupan sosial juga mempunyai kuasa, tanggungjawab dan kelakuan yang tersendiri. Hal ini terpulang kepada peranan yang dimainkan oleh seseorang individu (Rohana Yusuf, 2010, pp.112). Dengan ini dapat dikatakan bahawa status dan peranan tidak boleh dipisahkan; jika wujud status maka di sana sudah tentu wujud peranan (Yorburg, 1982, pp.96).

Seseorang individu boleh mencapai status yang paling tinggi atau paling rendah. Pada masa yang sama individu tersebut juga boleh memegang lebih daripada satu status pada satu-satu tempoh waktu yang tertentu (Kelsall & Helen, 1974, pp.72-78). Sebagai contohnya, seseorang individu yang berstatus pengerusi dalam sesuatu persatuan juga boleh memegang status sebagai ayah, suami, ketua keluarga anak dan sebagainya dalam institusi

keluarga. Maka dalam keadaan ini, seseorang individu itu didapati memiliki beberapa status yang berbeza dalam jangka tempoh masa yang sama.

Status sosial juga boleh mewujudkan kelakuan yang berbeza mengikut suasana dan keadaan (Eisenstadt, 1971, pp.5). Sebagai contohnya seseorang guru akan marah pada seorang pelajar yang tidak melakukan kerja rumahnya dan memuji seorang lagi pelajar yang memperoleh markah yang tinggi dalam peperiksaan. Dalam keadaan ini suasana memainkan fungsinya dalam menentukan tindakan yang harus dimainkan oleh seseorang individu berdasarkan status dirinya.

Weber (1969, pp.28) menyatakan bahawa walaupun dua orang individu mencapai kedudukan ekonomi yang sama, ini tidak bermaksud mereka berdua adalah berada pada status yang sama. Hal ini kerana aspek-aspek lain juga akan memainkan peranan dalam penentuan status. Dalam keadaan ini walaupun mereka berdua ini mencapai kedudukan yang sama dalam ekonomi tetapi mempunyai latar belakang yang berbeza maka status sosial mereka juga akan mengalami perbezaan. Oleh yang demikian adalah sukar untuk menentukan status seseorang individu kerana ia akan berubah mengikut masa (Judah Matras, 1975, p.67). Selain itu, sesuatu status sosial juga boleh berpengaruh dan berkebolehan untuk mendominasi status sosial yang lain (Rohana Yusuf, 2010, pp.111). Hal ini jelas kelihatan dalam unsur gender di mana wanita biasanya dikatakan didominasi oleh kaum lelaki dalam pelbagai aspek.

Secara kesimpulannya, penerangan tentang status sosial berdasarkan pelbagai sudut pandangan menggambarkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat. Kedudukan status sosial ini mengekalkan strata dalam kalangan masyarakat secara semula jadi dan juga melalui usaha yang dilakukan (Middleton, 2008, pp.621). Justeru itu, status sosial adalah suatu aspek yang sesuai digunakan untuk mengkaji tentang ketaksamaan sosial dalam kajian sosiologi.

2.2.3. Kelas Sosial

Kelas sosial adalah sesuatu yang diperoleh daripada perkembangan individu dalam bidang ekonomi dan kelas adalah kuasa yang berkesan dalam mengukuhkan kedudukan seseorang individu pada kehidupan sosial (Toennies, 1968, p.16). Kebanyakan sejarah perkembangan masyarakat dikatakan telah berlaku daripada pergelutan kelas. Hal ini dilihat sebagai suatu peluang kepada kumpulan masyarakat untuk menyedari tentang kepentingan dan kedudukan mereka (Ting Chew Peh, 1979, pp.52). Biasanya, tahap kedudukan kelas dalam kalangan masyarakat diperoleh daripada pencapaian ekonomi dan produktiviti (Leon, 2008, p.563). Karl Marx (1968, p.5) merujuk kepada kelas sosial sebagai sesuatu kedudukan yang diperolehi daripada kuasa mendominasi ekonomi.

Seterusnya, Weber (1968, p.21-22) didapati mengaitkan kelas sosial dengan institusi ekonomi. Beliau juga menyatakan bahawa kelas adalah ditentukan berdasarkan

peluang dalam perkembangan ekonomi yang dimiliki oleh sesuatu golongan masyarakat dalam usaha menentukan pengeluaran dan mengawal pasaran.

Pada umumnya kelas sosial dalam masyarakat dapat ditafsirkan sebagai suatu kedudukan yang telah dicapai oleh golongan masyarakat yang mempunyai ketaksamaan sosial dalam susunan lapisan masyarakat yang memperoleh ganjaran sosial seperti kekayaan, prestij, penghormatan dan kuasa (Weber. 1969, p.25). Seseorang individu, boleh lahir dalam mana-mana kelas sosial dan juga boleh mencapai mana-mana kedudukan kelas sosial. Oleh yang demikian kelas sosial adalah sesuatu yang bukan kekal kepada individu (Rohana Yusuf, 2010, p.223). Kelas sosial merupakan istilah yang paling banyak digunakan untuk mengenali lapisan masyarakat dalam bidang sosiologi (Judah Matras, 1975, p.90).

Sistem kelas sosial adalah terhasil daripada usaha individu dan kemahiran yang dimilikinya (Bottomore, 1966, p.16). Tetapi hal ini lebih merujuk kepada usaha dan kebolehan untuk membawa pembangunan dalam ekonomi. Hal ini kerana, biasanya sistem kelas sosial dalam kalangan masyarakat adalah dikatakan terbentuk daripada institusi ekonomi (Kerbo, 2012, p.61). Kedudukan ekonomi dan pendapatan akan menentukan kedudukan kelas sosial seseorang individu (Bottomore, 1966, p.16).

Apabila seseorang individu itu mencapai sesuatu kedudukan dalam pembangunan ekonomi maka beberapa kriteria seperti tempat tinggal, gaya hidup, kemudahan yang

diperoleh dan sebagainya akan berubah dalam kehidupan sosial individu tersebut. Perubahan dalam kriteria-kriteria tersebut boleh menentukan kedudukan kelas sosial seseorang individu tersebut (Worsley, 1987, p.374).

Kelas sosial dalam sesuatu kelompok masyarakat juga ditentukan berdasarkan kedudukan individu dari segi kekayaan, politik, pendapatan, martabat pekerjaan dan lain-lain. Hal ini kerana kesemua ini adalah aspek-aspek yang membawa kepada kehidupan yang tinggi nilai dalam sosial. Dalam hal ini, pendidikan juga dilihat sebagai salah satu kriteria dalam kewujudan kelas sosial. Hal ini sedemikian kerana seseorang yang mempunyai pendidikan yang tinggi berpeluang untuk mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi. Maka kelas sosial ini dapat dikatakan mempunyai kaitan dengan pendidikan (Judah Matras, 1975, p.90).

Weber (1968, pp.21-22) mengemukakan beberapa ciri tentang kelas sosial seperti berikut:

- i) Masyarakat kelas mempunyai persamaan dalam lokasi dalam aspek tempat tinggal.
- ii) Mempunyai kepentingan yang sama berdasarkan kelasnya.
- iii) Membentuk gaya hidup yang tersendiri.
- iv) Mempunyai dan mengembangkan ideologi dan etika yang tersendiri.

Kesemua ciri-ciri yang tersebut di atas melambangkan identiti golongan kelas sosial. Ciri-ciri tersebut tetap wujud dalam kalangan kumpulan kelas tetapi bentuk kewujudan ciri-ciri

tersebut adalah bergantung kepada kedudukan kelasnya (Yorburg, 1982, p.348-349). Sebagai contohnya seorang pemilik syarikat dan seorang peniaga runcit adalah tergolong dalam kelas peniaga, tetapi kedudukan kelas mereka akan ditentukan berdasarkan pendapatan dan pendapatan itulah yang akan menentukan bentuk kewujudan ciri-ciri tersebut.

Sebenarnya kelas adalah suatu sistem sosial yang terbuka di mana ia tidaklah dibentuk oleh mana-mana pihak, tidak disokong dan juga tidak mempunyai sebarang peraturan atau undang-undang tertentu serta tidak dikawal oleh institusi agama mahupun institusi-institusi yang lain (Worsley, 1987, p.369).

Mereka yang berkedudukan tinggi dalam bidang ekonomi tetapi tidak mempunyai sebarang kesedaran tentang kelasnya tidak akan dianggap sebagai tergolong dalam kelas sosial tersebut. Hal ini kerana mereka yang mempunyai kesedaran tentang kelas sosial akan mengetahui identiti, kepentingan, peranan dan juga tanggungjawab sosial mereka. Individu biasanya akan mendapat kesedaran kelas sosial apabila menyedari tentang kepentingannya (Berry, 1974, p.154).

Seseorang individu juga boleh lahir dalam kelas sosial yang rendah, tetapi usaha gigihnya akan membawa individu tersebut kepada kelas sosial yang tinggi. Dalam hal ini seseorang individu harus mempunyai pengeluaran yang tinggi dan juga berkebolehan

mengawal institusi ekonomi. Dengan itu seseorang individu boleh meningkatkan kedudukan kelasnya kepada kelas atasan (Rohana Yusuf, 2010, p.223).

Biasanya kelas dibahagikan kepada lima jenis (Hurst, 1992, pp.14-15) seperti berikut:-

i) Kelas atasan

Golongan atasan ini sering kali dirujuk sebagai golongan elit. Golongan ini mempunyai kedudukan yang tinggi dalam ekonomi dan hierarki lapisan masyarakat. Kekayaan dan kestabilan ekonomi ini mungkin boleh diperoleh secara warisan. Selain itu, ada juga golongan yang mencapai kelas atasan dengan usaha dan kebolehan diri sendiri dengan mencapai suatu kedudukan yang tinggi dalam ekonomi.

ii) Kelas pertengahan atas

Golongan ini adalah golongan yang berjaya berdasarkan kerjaya mereka. Golongan kelas pertengahan atas ini dikategorikan sebagai golongan profesional seperti pengarah, doktor, peguam, jurutera, hakim, akauntan dan sebagainya. Biasanya golongan kelas ini juga mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Tahap pendidikan yang tinggi ini membuka ruang bagi mereka memperoleh pendapatan yang tinggi dan keadaan ini akan membentuk kehidupan yang selesa dengan memiliki harta benda seperti rumah mewah, tanah, kereta mewah dan tempat tinggal yang mempunyai segala kemudahan.

iii) Kelas pertengahan bawah

Kelas ini adalah terdiri daripada golongan pekerja seperti guru, jururawat, polis dan sebagainya. Mereka ini akan mempunyai pendidikan dan latihan asas yang diperlukan untuk kerjaya mereka. Kelas masyarakat ini dapat dikatakan mengamalkan kehidupan sosial yang stabil dan sederhana. Kadang-kala golongan masyarakat ini juga mempunyai harta benda seperti kereta, motosikal, rumah dan sebagainya yang bernilai sederhana atau rendah seperti rumah kos rendah, kereta bukan mewah dan sebagainya.

iv) Kelas pekerja

Mereka ini sering kali digelar sebagai kelas pekerja kolar biru. Golongan ini adalah golongan pekerja mahir dan separuh mahir. Kelas pekerja ini biasanya adalah terdiri daripada pekerja kilang, pekerja kontraktor, pemandu lori, taksi, bus, tukang kebun dan sebagainya. Dari segi tahap pendidikan pula, mereka hanya mempunyai pendidikan asas. Masyarakat kelas ini didapati akan bekerja lebih masa untuk menampung saraan kehidupan harian.

v) Kelas bawahan

Mereka ini adalah golongan miskin yang tidak berpeluang untuk menikmati sebarang ganjaran atau sumber sosial seperti golongan-golongan yang berada pada kelas-kelas sosial yang lain. Golongan kelas bawahan biasanya tidak ada pendidikan atau sebarang kemahiran. Golongan ini juga tidak mempunyai sebarang harta benda. Kehidupan mereka adalah melarat. Tidak mempunyai sebarang kedudukan dalam sosial. Juga tidak berpeluang untuk

menikmati kehidupan yang sempurna. Dalam stratifikasi sosial kelas inilah yang dikategorikan sebagai golongan yang terendah.

Kewujudan jenis-jenis kelas sosial di atas menggambarkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kehidupan sosial. Hierarki yang terbentuk daripada kelas sosial yang berasaskan ciri-ciri seperti kekayaan dan kedudukan ekonomi dalam struktur sosial menyebabkan berlakunya pengagihan sumber sosial yang tidak sama rata (Bottomore, 1966, p.16).

Weber (1968, p.21) berpendapat bahawa ketaksamaan sosial dalam kelas sosial adalah terbentuk daripada ciri-ciri seperti: -

- i) Bagaimana seseorang pekerja dipandang berdasarkan pekerjaan yang dilakukan,
- ii) Peluang untuk berkembang dalam ekonomi dan
- iii) Perbezaan hubungan dalam sesuatu pekerjaan atau perniagaan.

Ketiga-tiga ciri tersebut tidak berkaitan antara satu sama lain dan terbentuk secara semula jadi dalam kebiasaan yang mengatur alam kerja dan kehidupan sosial (Judah Matras, 1975, p.67). Perbezaan antara kelas sosial ini bukan sahaja terbentuk daripada perbezaan pendapatan yang diperoleh tetapi juga berkaitan dengan kestabilan kedudukan (Berry, 1974, p.152).

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa kelas sosial bukan sahaja melambangkan kedudukan seseorang individu tetapi juga menggambarkan perbezaan dan ketaksamaan sosial yang wujud antara seseorang individu dengan individu yang lain.

2.2.4. Kuasa

Kuasa merupakan satu lagi aspek yang penting dalam membentuk kedudukan sosial dalam sistem pentadbiran sosial (Hurst, 1992, p.92). Kuasa adalah unsur yang penting dalam organisasi sosial kerana tiada organisasi sosial yang wujud tanpa kuasa. Kuasa juga adalah elemen yang penting dalam kewujudan stratifikasi sosial (Judah Matras, 1975, p.68). Kuasa biasanya merujuk kepada kebolehan seseorang atau sesuatu pihak untuk membuatkan orang lain atau golongan lain melakukan apa yang diinginkan (Liza Langenbach, 1995, p.664). Kuasa adalah unsur yang dapat mengawal dan mempengaruhi individu atau pihak lain (Saul Newman, 2008, p.412). Kuasa juga digunakan untuk mendominasi orang lain dalam apa jua bentuk (Berry, 1974, p.133).

Kuasa adalah alat yang dimiliki oleh golongan atau individu untuk mencapai matlamat mereka. kuasa ini membolehkan orang lain akur pada kehendak pemiliknya (Mayer & Buckley, 1970, p.49). Hal ini sedemikian kerana, kuasa berfungsi dalam usaha mengawal dan memenuhi kehendak pemilik kuasa tersebut. Pemilikan kuasa membolehkan untuk mengawal dan mendapatkan perkhidmatan atau barangan daripada pihak lain (Peter Blau, 1964, pp.188-125).

Kuasa juga memberikan ruang kepada pemiliknya untuk melakukan sesuatu yang tidak dapat dilakukan oleh orang biasa dan dengan itu mereka juga memperoleh kemewahan, prestij, peluang dan faedah (Judah Matras, 1975, p.48). Biasanya seseorang individu atau kelompok akan dikawal oleh pihak lain dengan menggunakan kuasanya walaupun kumpulan tersebut tidak suka dengan tindakan tersebut (Rohana Yusuf, 2010, p.170).

Weber (1947, p.328) menyatakan bahawa, dominasi melalui kuasa dalam kalangan masyarakat berlaku secara tradisi, undang-undang dan juga melalui karisma.

- i) Tradisional - kuasa tradisional adalah kuasa yang diperoleh melalui warisan kelahiran. Kerajaan beraja dapat dikategorikan pada tahap ini.
- ii) Undang-undang rasional - hal ini adalah penggunaan kuasa yang sah yang selaras dengan undang-undang atau peraturan yang telah diautoritikan.
- iii) Karisma - kuasa ini terbentuk daripada kewibawaan peribadi yang dimiliki oleh seseorang individu sehingga mempengaruhi dan mendominasi orang lain.

Kuasa adalah asas kepada pemerintahan dan pentadbiran dalam sebarang bidang sama ada dalam pentadbiran negara, mahupun dalam menguruskan keluarga. Hal ini wujud dalam semua institusi. Dalam pada ini, kuasa politik dilihat sebagai kuasa yang mempunyai unsur dominasi yang paling kuat untuk mengawal minda dan bertindak kelompok sosial (Weber, 1947, p.152). Kuasa ini tidak wujud secara mendadak, tetapi terbentuk daripada

pengaruh dan mempunyai sumber-sumber tertentu untuk mengawal masyarakat (Ting Chew Peh, 1979, p.67).

Talcott Parson (1969, pp.243-244) pula menyatakan bahawa kuasa adalah sumber sosial yang boleh digunakan untuk mencapai keseluruhan matlamat masyarakat dan untuk memilih integrasi sosial. Berdasarkan kenyataan tersebut dapatlah dikatakan bahawa pentadbiran yang tidak mempunyai kuasa, tidak dapat melaksanakan sebarang tugas dan tanggungjawab dengan betul. Pada masa yang sama pengagihan sumber sosial juga tidak akan berlaku secara sistematik. Dalam keadaan ini kuasa memainkan peranannya untuk mengawal individu dan kelompok masyarakat dalam usaha mencapai matlamat sosial yang ditemukan (Yorburg, 1982, p.108).

Pengaplikasian kuasa melibatkan tiga dimensi (Saul Newman, 2008, p.413) seperti berikut.

- i) Kuasa mempunyai unsur dominasi yang boleh membawa kesan terhadap individu atau golongan lain sehingga mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh mereka. Ini bermaksud bahawa kuasa boleh menyekat kebebasan dalam mengambil keputusan terhadap seseorang yang berada dalam pendominasian kuasa oleh orang lain terhadap dirinya.
- ii) Kuasa bukan sahaja melibatkan diri dalam membuat sesuatu keputusan tetapi juga mempunyai kebebasan untuk tidak membuat sesuatu keputusan. Hal ini terhasil daripada kuasa mutlak yang tidak dapat dipersoalkan oleh mana-mana pihak.

iii) Kuasa juga berkebolehan untuk mempengaruhi orang lain bagi membuat keputusan bagi pihak mereka. Hal ini sering kali berlaku dalam hierarki pentadbiran di mana pegawai atasan akan membuat pegawai bawahan untuk membuat keputusan dalam hal melaksanakan sesuatu tugas bagi pihaknya.

Kuasa biasanya mempunyai suatu sistem untuk mengekalkan kedudukan dan meneruskan unsur dominasi. Dalam keadaan ini kuasa itu akan dibahagikan kepada beberapa ruang dalam bentuk tugas dan tanggungjawab. Berdasarkan sistem ini, kadangkala kuasa itu akan diagihkan dalam bentuk piramid untuk memberikan kuasa kepada orang lain bagi melaksanakan perkara yang ingin dilaksanakan dan juga untuk membenarkan mereka terlibat dalam proses membuat keputusan. Dengan kedudukan ini dalam hierarki dipertahankan (Kelsall & Helen, 1974, p.34).

Suatu lagi perkara yang tidak dapat dielakkan dalam kuasa adalah konflik dan pertelingkahan (Judah Matras, 1975, p.68). Steven Lukes (1974, p.26) menyatakan bahawa kuasa adalah sesuatu yang dipertandingkan untuk diperolehnya. Mereka yang berkebolehan dan berkelayakan akan memperoleh kuasa. Ini kerana, kuasa adalah sesuatu yang bukan diperoleh dengan mudah. Justeru itu, seseorang yang ingin memiliki kuasa haruslah merebut untuk memperolehnya (Berry, 1974, p.133).

Dalam perebutan kuasa sudah pasti berlaku konflik dan pertelingkahan antara seseorang individu dengan individu yang lain atau antara satu pihak dengan pihak yang lain. Hal ini dapat dilihat dalam kerajaan demokrasi khususnya semasa pilihan raya di mana

setiap parti politik terpaksa bersaing untuk merebut kuasa pentadbiran negara. Pihak yang gagal dalam persaingan ini akan kekurangan kuasa. Hal ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati yang akhirnya boleh mengakibatkan pemberontakan dan peralihan kuasa (Dahrendorf, 1968, p.139).

Daripada kenyataan-kenyataan yang telah dikemukakan di atas dapatlah dikatakan bahawa unsur dominasi secara langsung menggambarkan keadaan atau kewujudan ketaksamaan sosial dalam sosiologi. Hal ini adalah suatu sistem sosial yang sukar untuk dielakkan dalam kehidupan sosial.

2.2.5. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kewujudan Status, Kelas Dan Kuasa

Pada dasarnya status sosial, kelas sosial dan kuasa adalah tiga unsur yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan perbezaan kedudukan sosial dalam kalangan masyarakat. Perbezaan kedudukan ini pula membuka ruang kepada terhasilnya ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat. Namun demikian ketiga-tiga unsur tersebut tidaklah menghasilkan ketaksamaan sosial secara langsung kerana terdapat beberapa faktor yang lain mempengaruhinya. Ini antara lain termasuklah aspek-aspek seperti politik, pentadbiran, pendidikan, agama, ekonomi, budaya, gender dan sebagainya. Kesemua ini mampu mempengaruhi status sosial, kelas sosial dan kuasa dalam kalangan masyarakat.

2.2.6. Politik Dan Pentadbiran

Politik adalah sebuah institusi sosial yang melibatkan kuasa dalam usaha mengekalkan struktur sosial masyarakat. Kuasa dan politik tidak dapat diasingkan kerana kuasa adalah ciri utama dalam politik (Talcott Parson, 1969, p.352). Pada umumnya politik dapatlah ditafsirkan sebagai kuasa yang terbentuk dalam sesuatu sempadan tanah yang mempunyai autoriti dalam mentadbir negara dan juga mengawal masyarakat (Rohana Yusuf, 2010, 169). Dalam pada ini, kuasa autoriti adalah merujuk kepada kuasa yang paling tinggi dalam sesuatu negara yang melebihi kuasa-kuasa lain (Hamdan Hj Aziz, 2012, p.1).

Kuasa politik adalah tidak sama dalam sesuatu negara mahupun kerajaan dan hal ini jelas kelihatan khususnya dalam politik demokrasi (Key Lehman Schlozman, 2008, p.3). Dalam organisasi politik biasanya kuasa akan diagihkan mengikut unit-unit tertentu untuk melancarkan sistem pentadbiran negara dan juga masyarakat (Weber, 1946, p.78). Pengagihan ini akan mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kuasa pentadbiran.

Walaupun seseorang individu dipilih melalui pilihan raya dalam sistem demokrasi, kuasa yang wujud pada pentadbiran adalah tidak sama di mana perbezaannya wujud berdasarkan kuasa dan juga jawatan yang dipegang dalam organisasi pentadbiran politik.

Sebagai contohnya, wakil rakyat dalam sistem demokrasi biasanya akan dipilih sesuatu pilihan raya. Namun demikian, apabila tertubuhnya kerajaan maka kuasa itu akan dibahagikan berdasarkan kedudukan dalam organisasi pentadbiran (Key Lehman Schlozman, 2008, p.3). Perdana menteri, timbalan perdana menteri, menteri kabinet dan sebagainya adalah jawatan yang wujud dalam organisasi pentadbiran tetapi ia akan membentuk kedudukan dan ketaksamaan sosial kuasa dalam organisasi pentadbiran.

Kuasa politik dalam sesuatu kerajaan akan mengendalikan pentadbiran kerajaan berdasarkan undang-undang yang terhasil dalam sistem kehidupan sosial masyarakat. Dalam pada ini pihak yang mempunyai kuasa akan membuat keputusan bagi pihak masyarakat (Rohana Yusuf, 2010, p.169). Biasanya keputusan ini akan dibuat berdasarkan undang-undang. Kadang-kala keputusan ini juga akan terhasil dari luar kawalan undang-undang. Keadaan ini wujud kerana sistem politik semua negara adalah tidak sama dan mempunyai perbezaan. Berikut adalah beberapa sistem politik yang sedia ada: -

- i) Sistem Monarki – Sistem monarki adalah sistem pentadbiran beraja. Sistem ini wujud dalam bentuk warisan. Dalam sistem ini raja mempunyai kuasa mutlak membuat keputusan dalam pentadbiran (Henslin, 2007, p.424).
- ii) Sistem Oligarki – Sistem pentadbiran yang mempunyai kuasa kepada seseorang atau sesuatu golongan sahaja. Biasanya golongan ini adalah terdiri daripada golongan elit (Yorburg, 1982, p.369).
- iii) Sistem Autoritarian – Sistem ini merujuk kepada sistem pentadbiran sesuatu negara di mana kuasa pemerintahan sepenuhnya dimiliki oleh pemerintah yang dikenali

sebagai diktator. Pemerintah ini akan mengawal masyarakat berdasarkan undang-undang mahupun dalam bentuk paksaan (Macionis, 1987, p.449).

- iv) Sistem Totalitarian – Dalam sistem politik totalitarian, kuasa pentadbiran sepenuhnya adalah dikawal oleh pemerintah. Rakyat sama sekali tidak boleh membuat keputusan. Sistem komunis adalah salah satu sistem politik totalitarian (Popenoe, 2000, p.395).
- v) Demokrasi – Dalam sistem politik ini pihak pentadbir akan dipilih oleh rakyat berdasarkan amalan pilihan raya. Ini adalah suatu sistem politik orang ramai untuk orang ramai. Pemerintahan akan dijalankan berdasarkan undang-undang di mana undang-undang terletak pada kedudukan yang paling tinggi berbanding dengan individu, masyarakat dan juga kerajaan (Henslin, 2007, p.425).

Politik mempunyai kaitan rapat dengan ekonomi. Biasanya politik didominasi oleh ekonomi. Hal ini sedemikian kerana pentadbiran sesuatu negara adalah bergantung pada keadaan ekonomi negara tersebut. Jika kedudukan ekonomi tidak kukuh maka biasanya keadaan politik dan kerajaan sesuatu negara juga tidak akan stabil dan mendapat tentangan daripada rakyat (Landesman, 2008, p.303).

Pada masa yang sama kestabilan politik juga akan menentukan kedudukan ekonomi sesuatu negara. Biasanya pelabur luar negara tidak akan melabur di negara di mana keadaan politiknya tidak stabil. Pada masa yang sama mereka juga jarang menerima pelaburan daripada negara yang tidak stabil keadaan politiknya kerana hal ini boleh menyebabkan berlakunya kerugian dalam pelaburan pada bila-bila masa. Oleh hal yang demikian dapatlah

dikatakan bahawa politik dan ekonomi adalah saling bergantung di antara satu sama lain (Helene Poirson, 1998, p.5).

Sebagai rumusannya dapatlah dikatakan bahawa politik merujuk kepada kuasa. Pada masa yang sama politik juga mempunyai hubungan yang rapat dengan ekonomi. Kedua-dua hal ini akan mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kalangan individu mahupun masyarakat kerana ia boleh mendominasi orang lain. Justeru itu, politik dapatlah dirujuk sebagai unsur yang penting dalam kewujudan ketaksamaan sosial.

2.2.7. Kedudukan Ekonomi

Ekonomi biasanya menjadi aspek penting dalam kajian tentang ketaksamaan sosial (Osberg, 1991, p.xi). Ekonomi ataupun kewangan merupakan sesuatu yang penting dan asas untuk kehidupan duniawi. Istilah ekonomi berasal daripada gabungan dua perkataan bahasa Greek, '*Oikos*' dan '*Nomos*' yang membawa maksud, peraturan-peraturan ataupun hukum rumah tangga. Maksud ini merujuk kepada pengurusan perbelanjaan pendapatan di rumah (Siti Rohani Yahya, 1988, p.42).

Ekonomi ialah salah satu cabang ilmu sains sosial kerana ianya mengkaji gelagat manusia dalam usaha mengagihkan dan menggunakan faktor-faktor pengeluaran untuk

memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas (Normaz Wana Ismail, 2000, p.1). Ekonomi juga turut dirujuk sebagai sains kebajikan kerana ia dikatakan sebagai ilmu untuk mengkaji tentang kebajikan dalam usaha mengagihkan sumber-sumber sosial (Abdul Talib, Rosma Tasmin Alina, Shamsuddin & Eta Wahab, 2003, p.1).

Biasanya bidang ekonomi ini dibahagikan kepada sub bidang iaitu makroekonomi dan mikroekonomi. Makroekonomi mengkaji tentang bidang pengagihan kewangan dan sumber ekonomi dalam lingkungan yang besar dan luas seperti ekonomi negara, pendapatan negara, pelaburan, ekonomi secara global, inflasi dan sebagainya. Manakala mikroekonomi mengkaji ekonomi dalam unit kecil seperti pembuat keputusan tentang perbelanjaan di rumah, firma dan sebagainya (Ahmad Mahdzan Ayob, 2005, p.6).

Kedudukan ekonomi memainkan peranan dalam menentukan taraf sesuatu negara sama ada berada pada tahap negara mundur, sedang membangun dan maju. Ekonomi memainkan peranan penting dalam pembentukan perbezaan kedudukan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat dan juga individu (Jeff Hass, 2007, p.119).

Kestabilan ekonomi akan menjamin kestabilan politik, sosial dan semua aspek yang lain. Kedudukan kelas masyarakat juga ditentukan berdasarkan kedudukan ekonomi (Weber, 1968, p.21-22). Pendapatan dan pemilikan harta benda adalah dua perkara yang asas dalam menentukan kedudukan ekonomi seseorang individu dalam kehidupan sosial (Kerbo, 2012, p.21).

Pendapatan merupakan ganjaran yang diperoleh bagi kerja yang telah dilakukan oleh seseorang individu (Mark Rider, 2008, p.603). Pendapatan ini boleh diperoleh dalam bentuk gaji mahupun perkhidmatan (Kerbo, 2012, p.21). Pendapatan juga didapati ditentukan berdasarkan produktiviti seseorang individu (Wolff, 2008, p.8). Pendapatan tersebut boleh bertambah berdasarkan kepakaran yang dimiliki oleh pekerja (Henry, 1938, p.50). Bekerja adalah suatu ciri kehidupan sebahagian besar manusia dan biasanya gaji adalah asas dalam sumber pendapatan seseorang individu (Keith Grint, 2005, p.1).

Tim Strangleman dan Tracey Warren dalam bukunya berjudul *Work And Society: Sociological Approaches, Themes And Methods* (2008, p.1) mentafsirkan kerja sebagai, sesuatu yang asas dalam membawa pendapatan dan juga membawa penghormatan kepada diri seseorang individu. Kajian sosiologi menyatakan bahawa aktiviti bekerja adalah sebagai sesuatu yang dilakukan secara berterusan untuk mencapai matlamat yang berkaitan dengan ekonomi dan untuk meneruskan kehidupan. Pekerjaan yang mempunyai ganjaran yang lebih tinggi akan meningkatkan lagi kedudukan dan prestij seseorang individu dan sebaliknya (Wolff, 2008, p.8).

Selain itu, kerja juga menjadi lambang prestij seseorang individu dalam kalangan masyarakat (Hurst, 1992, p.10). Pekerjaan yang dilakukan juga akan menentukan kedudukan status sosial dan kelas sosial seseorang individu (Rohana Yusuf, 2010, p.225). Penghormatan, keutamaan, dan kepentingan yang diberikan kepada seseorang doktor dan pemandu lori dalam institusi sosial adalah berlainan. Walaupun nilai ganjaran yang

diterima menjadi faktor utama dalam hal ini, tetapi faktor-faktor lain seperti pendidikan, nilai profesional dalam kerja dan sebagainya juga menentukan taraf kedudukan seseorang individu dalam kehidupan sosial (Steven Vago, 2004, p.151).

Kesemua kenyataan ini dengan jelasnya menggambarkan kepentingan pekerjaan dan pendapatan dalam kehidupan sosial dan hal ini juga menentukan kedudukan sosial seseorang individu. Tetapi pekerjaan sahaja tidak dapat dikatakan sebagai penentu kedudukan ekonomi seseorang individu kerana pendapatan dan gaji tidak boleh dikatakan sebagai kekayaan dalam institusi ekonomi (Kerbo, 2012, p.21).

Kekayaan adalah satu lagi aspek yang memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan kedudukan ekonomi seseorang individu. Istilah kekayaan biasanya digunakan untuk menandakan pemilikan wang yang banyak dan pemilikan aset (Pender & Shahha Ratner, 2014, p.16). Kekayaan dalam bentuk aset ini adalah merujuk kepada pemilikan kebendaan atau hartanah yang diperoleh seperti rumah, bangunan, tanah, wang tunai dan sebagainya dalam bentuk simpanan. Kekayaan ini mempunyai nilai ekonomi yang boleh dibeli, dijual dan dilaburkan serta boleh mengalami perubahan yang membawa keuntungan kepada pemiliknya (Kerbo, 2012, p.21). Harta adalah stok yang disimpan dalam bentuk aset (Chima, 2005, p.74).

Seterusnya, harta yang dimiliki oleh seseorang individu dan keluarga juga mampu membawa pendapatan kepada mereka tanpa bekerja (Pender & Shahha Ratner, 2014, p.16).

Sebagai contohnya pelaburan saham, pemilikan rumah, bangunan, kedai dan penyimpanan duit di bank mampu membawa pendapatan dalam bentuk dividen, sewa dan faedah. Hal ini memerlukan ilmu dalam pengurusan dan pelaburan kewangan.

Walaupun pendapatan tidak dirujuk sebagai harta tetapi ia adalah asas kepada pemilikan harta. Pendapatan yang diperoleh oleh seseorang individu atau keluarga bukan sahaja berfungsi untuk memenuhi keperluan dan kehendak harian mereka tetapi juga menjadi simpanan bagi mereka. Simpanan ini pula satu hari nanti akan menjadi harta (Wolff, 2008, p.8). Sebagai contohnya, bayaran daripada gaji untuk pemilikan rumah, kereta, tanah, simpanan di bank, pembelian emas, pembelian insurans, dalam bentuk ansuran lama-kelamaan akan menjadi harta kepada pemilik.

Selain itu, pendapatan berfungsi untuk saraan kehidupan harian tetapi harta yang dimiliki pula membawa fungsi yang berlainan dalam hidup pemiliknya (Wolff, 2008, p.8).

Ini termasuklah:-

- i) Harta membawa kebaikan secara langsung dalam kehidupan harian. Ini termasuklah harta seperti, rumah, kereta dan sebagainya adalah menjadi harta kegunaan harian.
- ii) Harta juga akan membantu pemiliknya pada masa kecemasan. Harta seperti emas, berlian, saham dan sebagainya boleh ditukar kepada bentuk wang pada bila-bila masa untuk kegunaan kecemasan. Harta benda tersebut juga boleh dijual atau digadai kerana mempunyai nilai tertentu sepanjang masa.

- iii) Harta juga akan membantu seseorang individu untuk meneruskan kehidupan dalam keadaan kehilangan pendapatan yang berpunca daripada sebab-sebab seperti jatuh sakit, mengalami kemalangan, pengangguran, masa peperangan dan sebagainya. Dalam keadaan seperti ini harta dapat digunakan untuk menanggung perbelanjaan kehidupan harian.
- iv) Harta juga berfungsi dalam menambahkan pendapatan harian. Sebagai contohnya, harta yang dimiliki akan membantu seseorang individu untuk melabur dalam perniagaan. Justeru itu, dapat dikatakan bahawa harta mungkin boleh meningkatkan lagi kedudukan ekonomi.

Harta yang dimiliki oleh seseorang itu adalah sukar untuk membandingkan nilainya dengan harta yang dimiliki oleh orang lain. Harta yang dimiliki oleh seseorang individu dengan individu yang lain adalah berbeza kerana harta wujud dalam pelbagai bentuk seperti Tanah, wang tunai, bangunan, kenderaan, pelaburan saham, dan sebagainya. Justeru itu, setiap harta mempunyai nilai yang berbeza. Hal ini pula akan menjadi lebih rumit apabila menilai harta-harta seperti saham, insurans, perniagaan rakan kongsi, tanah, hak paten dan sebagainya kerana nilainya akan berubah daripada masa ke semasa (Judah Matras, 1975, pp.19-20).

Perbincangan setakat ini menunjukkan bahawa pemilikan pendapatan dan kekayaan sudah tentu membentuk nilai kehidupan yang berbeza dalam kehidupan sosial. Cara penggunaan pendapatan dan kekayaan juga boleh membentuk kedudukan tertentu dalam kalangan masyarakat kerana ekonomi berkuasa untuk mempengaruhi individu yang lain

(Kerbo, 2012, pp.21). Pengaruh ini akan membentuk prestij, kehormatan, dan suatu kedudukan yang tinggi dalam kehidupan sosial. Hal ini juga akan mempopularkan diri seseorang pada arena dunia. Tetapi kepada masyarakat kelas bawahan pula ekonomi menjadi suatu pergelutan dalam hidup mereka (Noran Fauziah Yaakub, 1987, pp.138-139). Justeru itu, kedudukan dalam institusi ekonomi adalah sesuatu yang amat penting dalam penilaian tentang ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat.

2.2.8. Budaya

Budaya adalah institusi yang penting dalam kehidupan sosial kerana keseluruhan kehidupan sosial masyarakat adalah terbentuk berdasarkan budaya. Biasanya bangsa yang mempunyai ciri-ciri budaya yang tersendiri adalah dianggap sebagai bangsa yang bertamadun (Abdul Latiff abu Bakar, 1987, p.v). Budaya bukanlah sesuatu yang sudah tamat atau mencapai puncaknya dalam sistem sosial, tetapi ia merupakan sebuah penunjuk arah kepada sesuatu tugas atau boleh dikatakan sebagai ibarat sesebuah cerita yang masih dan harus disambung (Van Peursen, 1976, p.13). Budaya merupakan sesuatu yang sukar untuk ditafsirkan kerana ia mempunyai pengertian yang lebih luas dan mendalam berdasarkan pandangan sarjana-sarjana dari pelbagai pelosok dunia (Abdul Latiff Abu Bakar, 1987, p.v).

Walau bagaimanapun pada umumnya para sarjana menerima pandangan Edward B.Taylor sebagai tafsiran umum tentang budaya. Beliau mentafsirkan budaya sebagai

keseluruhan kehidupan manusia yang merangkumi unsur-unsur seperti ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, nilai-nilai moral, undang-undang, adat resam, sifat tersendiri yang diadaptasi oleh manusia dalam kehidupannya (Taylor 1958, p.1). Manusia sebagai sebahagian daripada kelompok masyarakat adalah memperoleh identiti tersendiri berdasarkan amalan budaya mereka. Hal ini kerana budaya adalah keseluruhan warisan sosial yang diwarisi oleh manusia daripada generasi demi generasi (Ralph , 1936, p.78).

Budaya dikatakan berkembang melalui proses pembelajaran oleh individu sebagai sebahagian dalam pengalaman kehidupannya (Patrik Nolan, 1999, p.15). Budaya juga dikatakan boleh mengalami perubahan mengikut perkembangan masa, tempat tinggal, sistem pemerintahan, pembangunan sains dan teknologi dan sebagainya (Van Peursen, 1976, p.17). Manakala simbol dan tanda juga memainkan peranan penting dalam kewujudan identiti budaya dalam kalangan sesuatu kelompok masyarakat. Boleh juga dikatakan bahawa hampir semua aspek tentang budaya dapat dikenali secara simbol dan tanda (Hoebel, 1966, p.8).

Budaya dapat dibahagikan kepada empat buah komponen berdasarkan fungsi budaya tersebut dalam kehidupan kelompok masyarakat. Ini termasuklah sistem normatif, sistem kepercayaan, budaya ekspresif dan budaya kebendaan.

Pada dasarnya sistem normatif ditafsirkan sebagai peraturan yang menentukan pola-pola perlakuan kelompok masyarakat dalam kehidupan mereka. Hal ini merangkumi adat

resam, nilai-nilai kehidupan, kebiasaan yang mengatur kehidupan, pantang-larang, institusi, dan sebagainya. Normatif memberikan garis panduan tentang tingkah laku yang wajar kepada masyarakat. Garis panduan ini boleh terhasil sama ada secara formal atau tidak formal. Pada dasarnya normatif memberikan keutamaan kepada nilai dan etika dalam kehidupan manusia yang dapat mencerminkan keagungan budaya sesuatu kelompok masyarakat (Schaefer, 1995, p.68).

Seterusnya, sistem kepercayaan dalam budaya membincangkan tentang nilai-nilai abstrak, dan pelbagai kepercayaan yang menghubungkan masyarakat dengan Tuhan, kuasa ghaib, alam semula jadi dan kehidupan. Kepercayaan terhasil daripada keyakinan tanpa keraguan terhadap sesuatu perkara. Pada masa yang sama hal ini juga menghasilkan pelbagai identiti budaya dalam kehidupan masyarakat (Abdul Latiff abu Bakar, 1987, p.v).

Selain itu, budaya ekspresif pula merujuk kepada lambang dan kesenian yang membawa makna-makna tertentu dalam kehidupan manusia. Budaya ekspresif merangkumi pemikiran yang ada pada sesuatu golongan masyarakat. Manakala pemikiran tersebut pula diberikan makna daripada pelbagai tanda, simbol dan lambang yang terbentuk daripada unsur-unsur kesenian, perlakuan dan juga bahasa yang berperanan sebagai simbol komunikasi (Wan Abdul Kadir, 2002, p.127).

Manakala budaya kebendaan pula merujuk kepada segala jenis peralatan yang digunakan oleh sesuatu kelompok masyarakat dalam kehidupan mereka. Budaya kebendaan

terhasil daripada penggunaan pelbagai jenis peralatan, pengetahuan tentang penghasilan serta pengendalian peralatan dalam kehidupan sosial. Dalam pada ini, makna yang dibawa oleh peralatan ini memainkan peranan penting dalam penghasilan budaya kebendaan (Rohana Yusof, 2010, p.77).

Walaupun budaya telah dibahagikan kepada empat buah komponen berdasarkan penggunaannya dalam kehidupan sosial tetapi setiap komponen budaya ini boleh membawa berbezaan dalam kalangan masyarakat. Hal ini boleh terhasil daripada cara pengamalan budaya, perbezaan antara satu budaya dengan budaya yang lain dalam sesuatu kelompok masyarakat, kepentingan yang diberikan terhadap budaya dan lain-lain. Perbezaan ini pula boleh mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat tersebut. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa budaya juga memainkan peranan yang penting dalam penghasilan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat.

2.2.9. Agama

Pada umumnya agama dapatlah ditafsirkan sebagai suatu sistem yang mengatur hubungan manusia dengan dunia ghaib dan kuasa yang digelar sebagai tuhan, mengatur hubungan manusia dengan manusia yang lain dan juga mengatur hubungan manusia dengan alam semula jadi (Haviland, 1988, p.193 & Clifford Geertz, 1972, p.398-400). Agama juga

adalah aliran kepercayaan individu yang melibatkan emosi yang bersifat peribadi (Robertson, 1997, pp.IX & XI).

Istilah agama adalah berasal daripada perkataan Sanskrit '*aagama*' yang merujuk kepada teks-teks agama yang mengandungi ajaran yang memberikan panduan kepada umat manusia untuk menyedari, mengetahui, menghayati kuasa yang digelar Tuhan (Satguru Sivaya Subramuniaswami, 2004, p.846).

Agama adalah suatu sistem yang kompleks dalam sesuatu kelompok masyarakat yang merangkumi kepercayaan, tindak-tanduk, struktur organisasi dan simbol yang bergantung kepada amalan kumpulan masyarakat tersebut (Clements, 2008, p.154). Agama turut dikatakan sebagai institusi yang melayani keperluan manusia dalam usaha mencari kebenaran dan mengatasi pelbagai dugaan dalam kehidupan sosial (Geertz, 1966, pp.1-46). Agama juga dikatakan wujud daripada kehendak emosi manusia kerana adanya agama maka manusia akan berpeluang untuk mengatasi sesuatu keadaan yang luar daripada kawalan (Rohana Yusuf, 2010, p.182).

Biasanya amalan agama antara suatu kelompok masyarakat dengan masyarakat yang lain adalah berbeza, tetapi etika dan nilai yang menjadi ajaran agama adalah bertujuan untuk melahirkan manusia yang bermoral (Durkheim, 1926, p.47 & Malinowski, 1948, pp.37-40). Agama juga mempunyai peranan untuk memberikan jawapan kepada masalah yang dihadapi dalam kehidupan sosial selepas kematian (Clements, 2008, p.154). Agama

juga membekalkan suatu sistem yang teratur untuk menyatupadukan manusia melalui program-program yang dapat menjamin dunia akhirat. Penyatuan ini dicapai melalui institusi agama dan upacara sembahyang (Malinowski, 1948, pp.37-40).

Menghormati agama lain merupakan suatu ciri yang penting dalam kehidupan. Hal ini kerana, setiap agama mempunyai kepercayaan dan sistem amalan yang tersendiri yang berkait rapat dengan kepercayaan, maruah dan emosi masyarakat tersebut. Menurut kitab *Nandinatha Sutra: 232*, seseorang penganut agama Hindu sama sekali dilarang untuk menghina atau berpandangan buruk tentang agama lain. Kitab ini juga menyatakan bahawa semua agama harus dihormati atas syarat manusia berhak untuk menganut agama masing-masing berdasarkan kepercayaan ketuhanan masing-masing (Satguru Sivaya Subramuniyaswami, 2004, p.756).

Agama mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam sistem sosial. Agama juga memberikan identiti tertentu kepada manusia berdasarkan amalan dan tradisi agama yang diamalkan oleh individu masing-masing (Clements, 2008, p.154). Perbezaan boleh wujud di antara penganut agama yang sama. Hal ini mungkin wujud daripada perbezaan fahaman tentang ajaran agama dan juga daripada kewujudan pelbagai falsafah dalam sesuatu agama. Pemahaman tentang ajaran agama ini berlaku daripada pencapaian keimanan seseorang individu manakala perbezaan yang wujud daripada pelbagai falsafah pula terbentuk daripada ajaran yang berbeza yang membawa persaingan antara satu sama lain (Bansi Pandit, 2005, p.92).

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa agama juga boleh mewujudkan ketaksamaan dalam sistem sosial melalui pengamalan falsafah dan ajaran yang berbeza. Justeru itu, agama juga dapat ditafsirkan sebagai aspek yang penting dalam pengajian tentang ketaksamaan sosial.

2.2.10. Gender

Gender didefinisikan sebagai amalan pembinaan sosial yang berhubung kait dengan biologi dan jantina yang membentuk pemahaman tentang individu dalam pengkategorian lelaki dan perempuan (Bonnie Slade, 2008, p.625). Sistem sosial telah membentuk manusia berasaskan perbezaan dari segi gender dan hal ini membuatkan pemilihan yang berbeza antara mereka (Kimmel Michael, 2000, p.107). Perbezaan antara kaum lelaki dan wanita ini telah wujud secara semula jadi dari segi fizikal dan hormon (Kerbo, 2012, p.285).

Dari segi sistem biologi pula, perempuan secara semula jadi dicirikan sebagai kaum yang lebih bersifat kasih sayang, lemah lembut dan beremosi. Oleh yang demikian mereka biasanya dipertanggungjawabkan untuk memelihara kepentingan dalam keluarga. Manakala kaum lelaki pula secara semula jadi bersifat sebaliknya. Oleh sebab itu, mereka dipertanggungjawab untuk menjaga kehendak keluarga, kaum wanita dan tugas harian mereka adalah lebih berkaitan dengan hal-hal duniawi (Chorn Dunham, 1995, p.561).

Perbezaan yang wujud secara semula jadi ini telah membentuk ciri-ciri dan tafsiran yang berbeza dan juga telah mendedahkan kepada pengalaman yang berbeza di rumah mahupun di tempat yang lain bagi jantina yang berlainan (Kerbo, 2012, p.286). Ketaksamaan sosial dalam gender ini bukan sahaja ditafsirkan berdasarkan biologi tetapi juga berdasarkan sistem sosial yang sedia ada (Chorn Dunham, 1995, p.561).

Dari segi sosiologi pula, kaum lelaki dan perempuan mengalami perbezaan dalam pelbagai aspek di institusi keluarga, amalan budaya, aspek agama, pendapatan dan sebagainya. Sebagai contohnya, cara pakaian dipakai dan bentuk pakaian adalah berbeza antara kaum lelaki dan wanita. Ia adalah hal yang terbentuk daripada kebudayaan (Kerbo, 2012, p.285).

Biasanya dalam sistem sosial, kaum lelaki sering kali dikatakan sebagai golongan yang mendominasi serta membuat keputusan tentang hal-hal duniawi dan berperanan dalam segala aspek sosial. Lelaki juga dikatakan sebagai pengawal dan pembentuk polisi kehidupan sosial, ekonomi dan politik. Mereka juga mempunyai sifat dominasi terhadap kaum perempuan di dalam institusi keluarga mahupun dalam institusi-institusi sosial yang lain. Kaum lelaki juga sentiasa mempunyai keistimewaan dalam pemilikan ganjaran sosial yang lebih berbanding dengan kaum perempuan (Bonnie Slade, 2008, p.625).

Biasanya perbezaan ini wujud dalam pelbagai sistem sosial. Dari segi pekerjaan pula, dapat dikatakan bahawa bukan semua kerja dapat dilakukan oleh kedua-dua jantina ini. Ada beberapa kerja dikhaskan untuk kaum wanita dan ada yang dikategorikan sebagai hanya boleh dilakukan oleh kaum lelaki. Walaupun kini ada beberapa kerja kaum wanita dilakukan oleh kaum lelaki dan sebaliknya, tetapi kerja-kerja tersebut dipercayai lebih sesuai dilakukan oleh kaum-kaum tertentu sahaja (Judith & Jocelyn, 2000, p.153). Sebagai contohnya kaum wanita sesuai menjadi pramugari dalam kapal terbang, kini kerja ini turut dilakukan oleh kaum lelaki. Namun demikian kerja ini secara semula jadinya lebih sesuai dilakukan oleh kaum wanita.

Satu lagi ketaksamaan sosial yang sering kali dirujuk antara kaum lelaki dan wanita adalah pendapatan. Teori feminisme menyatakan bahawa kaum lelaki dan wanita mempunyai sumbangan yang sama dalam pembentukan dunia. Namun demikian wujudnya perbezaan dalam penentuan pendapatan antara satu sama lain (Bonnie Slade, 2008, p.625). Buku berjudul *Women In The World: An International Atlas*, menyatakan bahawa kaum perempuan biasanya menghadapi keadaan kehidupan yang lebih sukar berbanding dengan kaum lelaki dan mereka juga mengalami ketaksamaan sosial dalam menerima ganjaran sosial dalam semua hal seperti bekerja lebih dan menerima gaji yang lebih rendah, kurang berkuasa dan sentiasa didominasi oleh kaum lelaki dalam membuat keputusan, lebih bertanggungjawab dan kurang ganjaran dan sebagainya (Joni & Olson, 1986, p.7).

Berdasarkan perangkaan yang telah dikeluarkan oleh Women Environment and Development Organisation, dua pertiga wanita di dunia adalah golongan pekerja; mereka

juga menghasilkan 50% daripada bahan makanan dunia. Tetapi kaum wanita hanya memperoleh pendapatan yang rendah berbanding dengan pendapatan kaum lelaki (<http://www.wedo.org>, dirujuk pada 22/8/2013, pukul 10.00am). Hal ini dengan jelasnya menyatakan keadaan di mana kaum wanita dan lelaki telah mengalami ketaksamaan sosial dari segi pendapatannya walaupun menjalankan tugas yang sama.

Kadang-kala beberapa kerja yang dilakukan oleh seseorang suri rumah seperti memasak, menjaga anak, membersihkan rumah, menjaga kepentingan keluarga dan sebagainya adalah tidak dikira sebagai sebahagian dalam pertumbuhan ekonomi dan hanya dilihat sebagai tanggungjawab sosial (Bonnie Slade, 2008, p.625). Suatu kajian tentang wanita di India telah menunjukkan bahawa wanita di negara India bekerja lebih daripada sepuluh kali ganda berbanding dengan kaum lelaki dan waktu tidur mereka adalah kurang dua jam daripada kaum lelaki (Joni & Olson, 1986, p.7). Hal ini juga menggambarkan berbezaan ketara antara kehidupan perempuan dan lelaki.

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa ketaksamaan sosial adalah wujud dalam gender. Aspek ini wujud dalam dua bentuk iaitu secara semula jadi dan yang kedua melalui sistem sosial yang telah dibina sejak lama lagi. Walaupun teori feminisme lebih memberikan tumpuan dalam hal kesamarataan antara lelaki dan perempuan, tetapi keadaan ini tetap meninggalkan beberapa ketaksamaan sosial sekurang-kurangnya dari segi perbezaan secara semula jadi.

2.2.11. Pendidikan

Pendidikan boleh dikatakan sebagai suatu proses pembelajaran yang berlaku melalui aktiviti pengajaran, latihan, pengajian dan sebagainya untuk memperoleh ilmu dan kepakaran oleh seseorang individu atau kumpulan generasi untuk beralih kepada suatu tahap yang lain. Pendidikan bisanya berlaku dengan bantuan pengajaran oleh orang lain. Pengalaman hidup dan pekerjaan persendirian juga boleh memberikan ilmu dan pengetahuan (John Dewey, 2012, pp.1-4). Perkataan pendidikan yang dirujuk sebagai *education* dalam bahasa Inggeris adalah istilah yang berasal daripada bahasa Latin. Dalam bahasa Latin pendidikan dirujuk dengan istilah '*Educare*' yang membawa maksud membangunkan, menyuburkan dan mengembangkan kedudukan kanak-kanak dari segi psikologi dan mental (Frost, 2014, p.1).

Pendidikan adalah suatu instrumen yang penting dalam usaha membawa perubahan pada diri seseorang individu yang membawa kepada kedudukan yang tinggi (Ravi Samuel, 2011, p.3). Pendidikan juga membantu seseorang individu bertingkah laku baik, berakhlak mulia, mengikuti peraturan dan undang-undang, bersifat cinta dan setia kepada negara (Rohana Yusuf, 2010, p.176).

Pendidikan juga merupakan suatu pemujukan positif dalam kehidupan sosial (Pathak, 2007, p.3). Pendidikan itu adalah suatu aktiviti yang berkait rapat dengan

masyarakat. Tujuan sesuatu pendidikan dan kaedah pengajaran serta pembelajaran adalah bergantung kepada bentuk kehidupan sesuatu golongan masyarakat (Ottaway, 2001, p.1).

Sebab itulah terdapat pelbagai bentuk pendidikan dalam kalangan masyarakat berdasarkan budaya, bentuk kehidupan, agama, tempat tinggal, negara dan lain-lain. Walau bagaimanapun terdapat suatu sistem pendidikan formal yang diterima umum, bermula daripada tadika hingga ke tahap universiti (Robertson, 2009, p.16). Melalui sistem pendidikan formal ini, seseorang individu dibentuk untuk bersedia menghadapi dunia sosial yang sebenar. Manakala, melalui sistem pendidikan ini seseorang individu dididik secara teratur melalui golongan pakar dalam bidang pendidikan seperti guru, pensyarah, tutor dan sebagainya (Jeff White, 2006, p.vi).

Institusi pendidikan memainkan peranan untuk membentuk nilai-nilai dalam kalangan individu. Guru pula akan mensosialisasikan murid dalam pelbagai bentuk seperti mengajar, membimbing, memberikan latihan, motivasi dan mendedahkan kepada perkara-perkara seperti tepat pada waktu, berdisiplin, hormat-menghormati, rajin, tekun, berusaha, bertanggungjawab, memimpin, nilai-nilai moral dan sebagainya (Rohana Yusuf, 2010, p.176). Pendidikan juga membawa perubahan dalam cara pemikiran seseorang individu berdasarkan ilmu yang diperolehnya. Pendedahan kepada falsafah serta sains dan teknologi akan mengembangkan lagi daya pemikiran seseorang individu (Marimuthu, 1990, 18). Pendidikan juga memberikan peluang kepada individu untuk menghayati nilai-nilai, norma sosial, adat resam dan budaya kehidupan. Dengan ini individu akan mengenali tentang kepentingan kebudayaan dan makna kehidupan duniawi (Henslin, 2007, p.492).

Selain itu, pendidikan juga memainkan peranan sebagai sumber status dalam kehidupan sosial. Dalam kehidupan sosial, semakin tinggi pendidikan maka ia akan memberikan peluang yang lebih tinggi untuk memperoleh pendapatan yang tinggi. Hal ini pula akan meningkatkan taraf hidup seseorang individu (Ottaway, 2001, p.3). Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa pendidikan juga berfungsi sebagai penapis dalam masyarakat untuk menentukan kedudukan dan status sosial seseorang individu (Henslin, 2007, p.494).


Pendidikan juga dikatakan memainkan peranan penting dalam pelbagai institusi sosial dan mempunyai kepentingan dalam setiap institusi seperti politik, ekonomi, pentadbiran, agama dan sebagainya (Ottaway, 2001, p.3). Contohnya, dalam bidang pentadbiran sesuatu kementerian sudah tentu mempunyai jawatan-jawatan berdasarkan hierarki. Jawatan-jawatan tersebut akan dipenuhi berdasarkan kelayakan akademik seseorang individu. Bukan itu sahaja malah setiap institusi memerlukan individu yang mempunyai kepakaran untuk menghasilkan pengeluaran (Marimuthu, 1990, p.20). Kepakaran ini adalah diperoleh daripada pendidikan.

Pendidikan membentuk dimensi yang unik dalam kehidupan sosial. Hal ini kerana masyarakat berpendidikan biasanya dilihat sebagai golongan yang berfikir, cendekiawan dan berpotensi tinggi. Dengan itu, mereka berfungsi sebagai penasihat dalam kalangan masyarakat dan peranan ini membawa prestij dan penghormatan kepada mereka (Mirowsky & Ross, 2003, p.1). Dengan ini dapat juga dikatakan bahawa pendidikan mempengaruhi masyarakat dalam kehidupan sosial (Ottaway, 2001, p.4).

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa pendidikan memberikan kuasa, prestij, kehormatan, pengaruh, kestabilan atau kekayaan dalam ekonomi, kehidupan sosial yang serba sempurna dan sebagainya. Keadaan ini juga dikatakan membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat kerana orang yang berpendidikan biasanya dipandang tinggi dalam kehidupan sosial berbanding dengan orang yang tidak berpendidikan. Hal ini akan jelas meninggalkan kesan dalam sebarang situasi sosial (Gewirtz & Alan, 2009, p.4). Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa pendidikan sebagai suatu institusi turut mengakibatkan ketaksamaan sosial dalam sesuatu kelompok masyarakat.

2.3. Filem

Rajah 2.2: Kerangka Filem



Kerangka filem ini adalah direka oleh pengkaji berdasarkan pemahamannya tentang kajian semasa. Kerangka ini pada dasarnya telah direka berdasarkan pemahaman secara umum tentang perkembangan perindustrian filem sebagai sebuah bidang akademik dan juga sebagai sebuah bahan kajian yang akademik yang berwibawa dalam bidang sosiologi.

Filem dikatakan sebagai suatu saluran media yang paling dekat dengan Masyarakat (Fadli Al-Akiti, 2013, p.xi). Industri media komunikasi telah mengalami suatu transformasi menerusi penemuan teknologi filem (Paul Madsen, 1973, p.xiii). Kini filem sudah menjadi sebahagian dalam kehidupan harian manusia. Filem dapat dikatakan telah menstabilkan kedudukannya dengan kuat dalam kehidupan sosial sehingga tidak dapat diimajinasi dunia tanpa filem pada zaman ini (Bordwell & Thompson, 2010, p.1). Filem telah meneruskan perkembangan dan pengaruhnya dalam kalangan masyarakat sebagai suatu proses sosial sepertimana aktiviti sosial harian yang lain berfungsi (McKiernan, 2008, p.5).

Secara umumnya filem dapatlah ditakrifkan sebagai sebuah plot cerita yang diterbitkan melalui rakamkan kamera dalam bentuk siri yang dimuatkan dengan gambar-gambar yang bergerak dan disiarkan untuk tontonan masyarakat (Ephraim Katz, 1980, p.417). Filem biasanya diterbitkan untuk ditayangkan di pawagam dan hal inilah yang menjadi fokus utama penerbitan filem (Kolker, 1998, p.11). Namun demikian, keadaan ini telah berubah sehingga filem ditonton di mana-mana jua seperti di rumah, pejabat, kereta, bas dalam kapal terbang dan lain-lain. Penemuan komputer riba, *ipad* dan *iphone* telah membolehkan penontonan filem dalam bentuk mobilasi (Bordwell & Thompson, 2010, p.1).

Media filem khususnya filem cereka dikatakan telah menjadi alat hiburan yang paling popular, digemari dan lebih berkuasa dalam mempengaruhi kehidupan masyarakat berbanding dengan media-media yang lain seperti akhbar dan radio (Mayer, 1971, p.17). Filem juga berfungsi sebagai bahan yang merekodkan bentuk politik, ekonomi dan sosial sesuatu masyarakat dan berfungsi sebagai alat propaganda yang berkuasa mempengaruhi minda masyarakat (Short, 1981, p.16).

Biasanya sesuatu filem itu mesti memiliki struktur yang merujuk kepada isi dan bentuk. Isi dalam filem adalah cerita dan bentuk pula dirujuk sebagai aspek dramatik yang terbentuk dalam sesuatu filem (Muhammad Hatta Muhammad Tabut, 2002, p.1). Cerita memainkan peranan penting dalam sesuatu filem. Penganalisan tentang sesuatu filem itu biasanya dibuat berdasarkan kepada ceritanya. Hal ini penting untuk membuat penilaian filem secara akademik mahupun bukan akademik. Namun demikian aspek bentuk mempunyai peranan yang lebih mendalam berbanding dengan isi dalam sesuatu filem (Shahrom Md Dom, 1983, pp.1-2).

Bentuk yang direka oleh seseorang pengarah itu dikatakan akan menghidupkan sesuatu isi dan memberikan imej baru, tafsiran dan ekspresi kepada sesuatu filem. Bentuk ini terhasil daripada pengaruh dan imaginasi seseorang pengarah yang akan mencerminkan tahap kemahiran, teknik dan gaya pengarahannya (Jack, 1922, p.7). Bentuk filem yang dibangunkan oleh seseorang pengarah itu akan menentukan elemen-elemen dalam sesuatu filem seperti perwatakan, plot, konflik, klimaks, sudut serta pergerakan kamera, warna,

penyuntingan, rentak, muzik, cahaya, lakonan, situasi, dan sebagainya (Shahrom Md Dom, 1983, p.2).

Walaupun seseorang pengarah memainkan peranan penting dalam penghasilan sesuatu filem tetapi ia tidak boleh dikatakan sebagai hasil ciptaan individu kerana filem sebenarnya terhasil daripada usaha satu kumpulan masyarakat pembikin filem (Paul Monaco, 1976, p.2). Filem adalah produk yang dihasilkan dengan gabungan dan kerjasama oleh penerbit filem, pengarah, penulis skrip, perakam kamera, penyunting, pelakon, pemuzik, para juru teknik dan kru filem yang melibatkan diri dalam perakaman sesuatu cerita skrip menjadi cerita dalam bentuk visual (Jeffrey Richard & Anthony Aldgate, 1983, p.5).

Dalam pada mereka ini, penerbit dikatakan memainkan peranan utama dalam pembikinan filem (Ina Cameron, 2000, p.63). Penerbit filemlah yang akan menentukan subjek filem, pengarah, pelakon dan juga penentuan kos perbelanjaan. Di bawah pentadbiran penerbit; para pengarah, editor senario, dan eksekutif serta kru filem akan menyediakan skrip, mengaturkan pelan rakaman dan juga jadual jangka masa produksi (Kindem & Musburger, 2012, p.73). Semasa proses penerbitan filem, kru filem wajib membuat makluman kepada penerbit terhadap proses perkembangan projek perfileman tersebut. Secara ringkasnya boleh dikatakan bahawa penerbit merupakan punca kuasa dalam pembikinan sesuatu filem. Penerbit menjadi pembelanja atau penanggung kos dan pusat untuk melakukan sebarang perubahan atau membuat sebarang rujukkan idea (Muhammad Hatta Muhammad Tabut, 2002, p.14). Tenaga penerbit dalam penghasilan

sesuatu filem pula akan diusahakan melalui kepakaran yang dimiliki oleh para pengarah filem, penulis skrip, juru teknik kamera dan para pelakon. Ini adalah hasil yang terbentuk daripada sumbangan pelbagai kumpulan pakar yang berbeza (Michael Balcon, 1993, pp.5-7).

Selain itu, pengarah filem dan para artis juga memainkan peranan penting dalam penghasilan sesuatu filem. Pengarah filem adalah penghasil filem berdasarkan kehendak para penerbit dan penonton. Pengarah akan merekabentuk sesuatu filem daripada permulaan sehingga penghujung dan usaha asas pengarah adalah untuk mengembangkan sesuatu filem daripada isi kepada bentuk. Walau bagaimanapun pengetahuan dan kepakaran dalam pembentukan filem sahaja tidak mencukupi untuk penghasilan sesuatu filem. Pengarah juga harus mempunyai pengalaman yang mendalam tentang budaya dan aspek-aspek sosial masyarakat khususnya masyarakat yang ditujui oleh filem yang diterbitkan. (Shahrom Md Dom, 1983, p.2).

Artis pula menjadi tumpuan para penonton dalam sesuatu filem kerana artislah yang menghidupkan imaginasi seseorang pengarah dan plot cerita kepada kenyataan sepertimana yang diinginkan oleh pengarah di samping memberikan kepuasan kepada penonton. Justeru itu, dalam sesuatu filem artis dan cerita melahirkan daya tarikan dan pengaruh dalam kalangan penonton (Jeffrey Richard & Anthony Aldgate, 1983, p.9).

Khalayak penonton mudah terpengaruh dengan filem tertentu apabila cerita lakonan dalam filem itu adalah sesuatu yang dihasratkan untuk dirasai oleh dalam hidup penonton itu sendiri (Andrew Tudor, 1974, p.76). Hal ini dilihat pada khalayak penonton yang meniru gaya hidup serta fesyen yang dipaparkan oleh filem ataupun pelakon kesayangan mereka (Jeffrey Richard & Anthony Aldgate, 1983, p.9). Hal ini sedemikian kerana, pelakon dipersepsi sebagai penyumbang masyarakat yang membuatkan seseorang pelakon itu mengubah wataknya berdasarkan kepada perwatakan yang dipegang dalam sesuatu filem (Durgnat, 1967, p.138).

Walaupun artis dikatakan mempunyai kuasa mempengaruhi para penonton, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa kemajuan dan pertumbuhan industri filem ini adalah bergantung kuat kepada khalayak penonton (Aminuddin Mohd Yusof & Asmah Bee Mohd Noor, 1982, p.2). Hal ini kerana filem adalah institusi yang berurusan dengan masyarakat (Jarvie, 1970, p.8). Tanpa penonton mungkin tidak wujudnya industri filem. Oleh itu, filem harus bertolak atau dihasilkan daripada pemahaman yang mendalam berdasarkan psikologi dan kehendak penonton (Aminuddin Mohd Yusof & Asmah Bee Mohd Noor, 1982, pp.2-3).

Biasanya sesuatu filem adalah dihasilkan untuk tontonan masyarakat. Namun demikian ada juga filem dihasilkan bertujuan untuk menyampaikan sesuatu mesej atau ideologi kepada para penonton. Biasanya jenis filem ini dibiayai oleh penaja kerana mereka ini mempunyai agenda tersendiri dan tidak bermotif komersial (Bordwell & Thompson, 2010, p.3). Tetapi majoriti filem adalah dihasilkan untuk dipasarkan kerana filem juga

dilihat produk dan perkhidmatan perniagaan yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi (Allen & Gomery, 1985, p.132).

Filem akan membuatkan penonton untuk melihat dan menghayati apa yang ditayangkan dan dengan itu filem akan membawa penonton kepada dunia pengalaman yang tersendiri. Pengalaman ini dibawa melalui cerita dan perwatakan yang dilakukan oleh pelakon. (Bordwell & Thompson, 2010, p.1). Pada masa yang sama mesej juga disalurkan secara langsung dan tidak langsung kepada para penonton. Mesej yang disalurkan dalam filem akan membuatkan penonton menghayatinya secara peribadi (Asiah Sarji, 1982, p.6).

Filem juga dikatakan memainkan peranannya lebih daripada menyalurkan mesej dan mewakili identiti sesuatu komuniti (McKiernan, 2008, p.5). Hal ini kerana, Filem berkomunikasi dengan informasi dan idea-idea dan juga menunjukkan haluan dan jalan kehidupan secara tidak langsung kepada penonton melalui subjek yang dimuatkan dalam sesuatu filem. Maka filem juga dapat dikatakan berfungsi sebagai salah satu saluran media yang mendidik masyarakat (Bordwell & Thompson, 2010, p.1).

Selain itu, filem juga dikatakan sebagai suatu kehidupan alternatif yang memberikan pengalaman kehidupan secara tidak langsung. Filem adalah sebuah pengalaman kehidupan yang tidak dilalui oleh penonton tetapi mempengaruhi kehidupan mereka (Durnat, 1967, p.135). Filem juga adalah saluran yang paling berkesan dalam usaha menggambarkan dunia sebenar kepada masyarakat. Pada masa yang sama, media ini

juga berpotensi untuk memberikan bayangan tentang perubahan kehidupan dunia yang bakal berlaku pada masa depan (Shahrom Md Dom, 1981, p.2).

Dengan ini dapatlah diketahui bahawa filem mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan sosial, politik dan ekonomi sesuatu golongan masyarakat. Namun demikian sehingga kini filem hanya dipersepsi sebagai bahan hiburan dan jarang-jarang dinilai sebagai bahan ilmiah. Justeru itu, wujudlah persoalan apakah bidang filem ini boleh diterima sebagai bahan kajian akademik ataupun setakat bahan hiburan sahaja?

2.3.1. Filem Sebagai Bahan Kajian Akademik

Filem dikatakan mempunyai nilai akademik khususnya sebagai bahan kajian sejarah dan sosiobudaya sesuatu masyarakat. Filem kini telah diiktiraf dan diguna pakai sebagai salah satu bahan penyelidikan yang berwibawa. Oleh hal yang demikian, bidang perfileman telah berkembang menjadi suatu bidang kajian yang asing sepertimana bidang akademik yang lain (Short, 1981, p.11). Hal ini terbukti daripada kewujudan kursus-kursus akademik berkaitan dengan filem sebagai bahan pembelajaran dan pengajian di kolej, universiti dan institusi pengajian tinggi di serata dunia (Graeme Turner, 1988, p.2).

Tetapi jika dirujuk kepada permulaan sejarah perkembangan filem, ia hanyalah dilihat sebagai bahan hiburan dan tidak diiktiraf sebagai bahan kajian akademik (Richard & Robert, 2009, p.130). Hal ini kerana sehingga tahun 1930, tiada sebarang usaha telah dilakukan untuk memelihara filem sebagai bahan yang bermakna. Pada masa tersebut industri filem juga didapati tidak menyimpan rekod-rekodnya secara teratur. Masalah ini berpunca daripada kelemahan dalam sistem pengurusan dan proses pengeluaran filem pada masa tersebut. Masalah-masalah seperti proses penapisan oleh unit penapisan filem yang telah menapis kandungan asal sesuatu filem kepada kandungan yang disunting, proses penyuntingan oleh pemilik pawagam untuk mengurangkan masa penyiaran filem, kesukaran dalam usaha mengumpulkan filem-filem yang diterbitkan oleh pelbagai syarikat di lokasi yang berbeza, sikap memberikan keutamaan kepada filem-filem popular dalam kalangan penonton dan sebagainya adalah menjadi beberapa sebab mengapa bahan filem tidak dapat dipelihara secara teratur pada masa tersebut. Keadaan ini tidak memberikan keyakinan kepada para akademik untuk menggunakan filem sebagai bahan kajian dalam bidang akademik (James Chapman, 2003, pp.19-20).

Walau bagaimanapun pada masa tersebut memang telah ada usaha menghasilkan beberapa tulisan tentang bidang filem. Buku berjudul, *A Million And One Night* yang diterbitkan pada tahun 1926 oleh Terry Ramsaye, *The Film Till Now* terbitan oleh Paul Rotha tahun 1930, *History Of The American Film Industry* terbitan oleh Benjamin Hampton tahun 1931 dan buku berjudul, *The Rise Of The American Film* yang telah dihasilkan oleh Lewis Jacob pada tahun 1939 adalah empat buah buku terawal yang dihasilkan merupakan tulisan bersifat akademik awal dalam perkembangan filem. Dalam

pada keempat-empat buku tersebut, *The Film Till Now* dianggap sebagai bahan ilmiah yang terbaik tentang filem pada masa tersebut (Paula, 2001, p.183).

Usaha penghasilan buku dalam bidang filem ini telah diteruskan. Namun demikian, sehingga pada tahun 1960 filem tidak memperoleh statusnya sebagai bahan kajian akademik. Tetapi keadaan berubah mulai tahun 1960, kerana ada pihak-pihak tertentu dan individu yang menjadikan filem sebagai bahan kajian akademik. Pada mulanya usaha pengukuhan filem sebagai bahan kajian dalam bidang akademik hanya berlaku dikukuhkan dalam bidang pengajian sejarah. Para sarjana telah berusaha mengukuhkan kedudukan filem sebagai salah satu bahan bukti yang boleh digunakan dalam pengajian sejarah (James Chapman, 2003, p.16).

Pengukuhan filem sebagai bahan rujukan berwibawa dalam bidang akademik dapatlah dikatakan bermula daripada usaha yang telah dilakukan oleh Thorold Dickinson, seorang penerbit filem British yang telah memulakan sebuah kursus berkaitan dengan industri filem di sekolah seni halus (School of Fine Arts) di London pada tahun 1960. Usaha ini telah memberikan suatu pandangan baru tentang bidang filem dalam kalangan para akademik (Shail, 2007, p.57).

Pada tahun 1968, sebuah persidangan yang bertajuk, 'Persidangan Filem dan Sejarawan' (Film and Historians) telah dianjurkan di Kolej Universiti London (University College, London) untuk menilai data-data daripada filem sebagai sumber bukti yang dapat

digunakan untuk pengajian sejarah (James Chapman, 2013, pp.75-76). Hasil daripada persidangan tersebut sebuah jawatan kuasa yang digelar, *University Historians Film Commettee* telah ditubuhkan untuk menerima dan mempromosikan bahan-bahan dalam bidang perfileman seperti gambar foto, rakaman suara, rakaman visual dan sebagainya untuk dimanfaatkan dalam kajian dan pengajaran tentang sejarah (Paul Smith, 1976, pp.2).

Setelah itu, pada tahun 1969, sebuah Jabatan Kebangsaan Daftar Filem (National Register of Archives) telah ditubuhkan untuk merekodkan bahan-bahan berkaitan dengan filem. Badan ini telah membuka ruang untuk menyimpan rekod-rekod dan filem-filem rakaman bagi dimanfaatkan dalam bidang akademik khususnya dalam bidang kajian sejarah. Kesemua usaha ini telah memberikan keyakinan kepada para sejarawan dan ahli akademik untuk menggunakan filem dalam kajian dan pengajaran mereka (James Chapman, 2013, p.2).

Seterusnya, pada tahun 1976, Paul Smith telah menyunting sebuah buku yang berjudul, *The Historians And Film*. Hal ini telah membuka ruang bagi kelahiran sebuah gerakan sejarah dan filem yang akhirnya telah membawa kepada peloporan sebuah pertubuhan Antarabangsa Media dan Sejarah (International Association For Media and History) pada tahun 1977. Penubuhan pertubuhan ini telah mengukuhkan lagi kedudukan filem dalam bidang pengajian sejarah (Rosenstone, 2007, p.256).


Tetapi keadaan ini telah mula berubah sejak tahun 1970-an, apabila para ahli antropologi dan sosiologi mula menunjukkan minat untuk mengkaji filem sebagai sebuah bidang tersendiri dan baru dalam dunia kajian akademik. Usaha ini terhasil daripada penghasilan beberapa buah buku dalam bidang filem seperti, *Vision Of Yesterday* (1973) oleh Jeffry Richards, *Movie-Made America* (1975) oleh Robert Sklar, *Film Propaganda: Soviet Russia And Nazi Germany* (1979) oleh Richard Taylor, *The Film In The History* (1979) oleh Pierre Sorlin, *American History American Film* (1979) oleh John O'Connor dan Martin Jackson, *Feature Films As History* (1981) oleh K.R.M.Short. Kesemua tulisan ini memecahkan belenggu di mana filem yang hanya diterima dalam bidang sejarah sebagai bahan bukti, kini berkembang menjadi sebuah bidang akademik yang lebih luas dan terbuka. Pengenalan kursus-kursus seperti 'Filem dan Sejarah' dan 'Filem dan Sosial' pada tahun 1973 di universiti-universiti Amerika dan British telah menjadikan filem sebagai bahan kajian dalam bidang sosiobudaya kemasyarakatan (James Chapman, 2003, p.17).

Perkembangan tersebut telah membuka ruang kepada filem untuk menstabilkan kedudukannya dalam bidang akademik pada dua aliran (Short, 1981, p.11):-

- i) Filem sebagai bahan bukti (*evidence*) dalam kajian sejarah tentang politik, ekonomi dan sosial masyarakat.
- ii) Bidang filem itu sendiri menjadi sebuah bidang kajian akademik.

Setelah filem menstabilkan kedudukannya sebagai sebuah bidang kajian tersendiri, maka ia telah membentuk struktur akademiknya dalam dua bentuk. Yang pertama adalah kajian filem dalam aliran sejarah (*film history*) dan yang keduanya ialah filem dalam kajian filem (*film study*).

Rajah 2.3: Struktur filem sebagai bahan kajian akademik



Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat kekeliruan antara kajian filem dan kajian sejarah filem kerana kedua-dua ini menggunakan subjek yang sama tetapi pendekatan yang berbeza. Kajian tentang filem telah lahir daripada ideologi pengajian kesusasteraan Inggeris yang menggunakan teori semiotik dan struktural dalam analisis. Pendekatan ini telah memberikan peluang kepada penyelidik untuk melakukan interpretasi dalam kajian tentang filem (James Chapman, 2003, p.18).

Tetapi penulisan sejarah filem biasanya mengutamakan bahan empirikal (*empirical*) dalam sesuatu kajian. Bahan asas ini akan mempersoalkan apa, bagaimana berlaku dan apa hasilnya dalam kajian sejarah. Hal ini disebabkan kerana pensejarawan amat menitik berat terhadap bukti yang benar dan kukuh dalam kajian tentang sejarah. Dalam kajian tentang sejarah filem pula, bahan-bahan seperti filem dan rakaman itu sendiri menjadi bahan bukti.

Selain itu, bahan cetak seperti buku majalah, jurnal, akhbar, dan sebagainya juga menjadi bukti dalam kajian sejarah filem (Thompson & Bordwell, 2003, p.4).

Kajian sejarah filem bukan hanya berfokus kepada sejarah perkembangan filem. Hal ini merangkumi segala aspek yang mempunyai kaitan dengan industri filem (Kidlington, 1981, p.11). Sarjana bernama David Robinson (1973, p.1) telah mengemukakan empat pendekatan dalam kajian tentang sejarah filem iaitu estetika, teknologi, ekonomi dan khalayak penonton sosial. Kemudian sarjana bernama Thompson dan Bordwell (2003, p.xi) pula telah menambahkan satu lagi pendekatan yang dikenali sebagai bibliografi dalam pengajian sejarah filem.

i) Estetika dalam sejarah filem

Melihat filem sebagai saluran yang membentuk dan mengukuhkan pelbagai bidang kesenian. Kajian estetika dalam sejarah filem hanya berfokus kepada filem-filem yang memberikan keutamaan kepada kesenian dan kebudayaan seperti tarian, nyanyian, puisi, kesusasteraan, seni drama, seni lakonan dan sebagainya. Kesenian yang digambarkan dalam filem ini digelar sebagai '*master Piece Tradition*'. Perkara ini juga diklasifikasikan sebagai filem yang mengutarakan kesenian klasik (James Chapman, 2003, pp.22-23).

ii) Teknologi dalam sejarah filem

Kajian sejarah dalam bahagian ini hanya tertumpu kepada perkembangan teknologi dalam bidang filem sahaja. Bahagian ini, mengkaji tentang sejarah perkembangan segala teknologi yang telah wujud dan diguna pakai dalam

industri filem bermula daripada filem bisu hingga filem-filem 3D, 4D, animasi dan sebagainya yang telah ditemui pada zaman moden ini. Kajian dalam sejarah filem teknologi ini bukan sahaja merangkumi bidang teknologi tetapi juga meninggalkan kesannya terhadap ekonomi dan kehidupan sosial (Thompson & Bordwell, 2003, p.5).

iii) Ekonomi dalam sejarah filem

Ekonomi dalam sejarah filem mengkaji tentang industri filem sebagai bidang perniagaan dan komoditi ekonomi dunia (Albert Moran, 1996, p.1). Tiada filem yang dihasilkan tanpa memikirkan tentang kos perbelanjaan dan hasil pendapatannya. Filem adalah produk yang harus dijual dalam pasaran untuk mendapatkan dan mengelakkan sebarang kerugian (Allen & Gomery, 1985, p.132). Biasanya pasaranlah yang akan menentukan filem apa yang harus diterbitkan dalam suatu jangka masa tertentu. Keputusan ini ditentukan berdasarkan kehendak dan minat penonton, mengikut keadaan semasa dan keinginan penerbit (Nick Roddick, 1983, p.14).

iv) Penonton dan sosiologi dalam sejarah filem

Hal ini menempatkan filem dalam konteks masyarakat dan budaya. Kajian filem sejarah tentang penonton dan sosiologi ini merangkumi beberapa persoalan seperti siapakah yang menghasilkan sesuatu filem dan bagaimana ia dihasilkan?, apakah bentuk filem yang dihasilkan?, siapa penontonnya?, apakah batasan yang terdapat dalam kandungan filem tersebut?, dan apakah perhubungan antara filem dan institusi-institusi lain termasuk kerajaan, keluarga, agama dan sebagainya?. Hal ini lebih melihat filem sebagai pencerminan realiti masyarakat

sosial yang menggambarkan kepercayaan, bentuk kehidupan, nilai yang digambarkan dalam sesuatu filem (Jeffrey Richard & Anthony Aldgate, 1983, p.1). Kajian sejarah filem dari sudut pandangan ini lebih berfokus kepada penyentuhan isu-isu sosial dalam filem dan juga mengkaji bagaimana filem itu memainkan peranannya sebagai aliran propaganda dalam usaha mengawal tindakan sosial masyarakat (James Chapman, 2003, p.25).

v) Bibliografi dalam sejarah perfileman

Idea bibliografi dalam kajian sejarah perfileman ini mengkaji tentang kepentingan setiap orang yang memainkan peranan penting dalam penghasilan sesuatu filem. Bahagian ini mengkaji tentang kepentingan dan kepakaran tenaga kerja dalam bidang filem. Tenaga kerja ini termasuklah penerbit, pengarah filem, pelakon, pengarah muzik, penyanyi, Juru teknik, pengendali kamera dan sebagainya (Thompson & Bordwell, 2003, p.5).

Kelima-lima elemen ini dikategorikan sebagai kajian tentang sejarah filem sosial. Hal ini lebih berfokus kepada filem dan masyarakat sebagai tema kajiannya (James Chapman, 2003, p.25). Hal ini sedemikian kerana, filem dipersepsi sebagai penggambaran sosial masyarakat. Filem dikatakan dapat menggambarkan budaya masyarakat kerana ia bukanlah hasil kerja seorang tetapi hasil produksi suatu kumpulan tenaga pakar seperti penerbit, pengarah filem, pelakon, kru filem, pemuzik, para juru teknik dan sebagainya. Justeru itu pelbagai idea dikongsi untuk memantapkan sesuatu filem itu (Travis, 1997, p.5).

Selain itu, bidang filem dalam aliran akademik juga telah berkembang dalam dua ideologi yang berbeza dari sudut kajiannya iaitu penganalisis teks (*textualis*) dan penganalisis *reflect* (*Reflectionist*) (James Chapman, 2003, pp.30-31):-

i) Penganalisis teks

Para penganalisis teks melihat filem sebagai luahan idea orang perseorangan. Mereka menyatakan bahawa kreativiti individu itulah yang menjadi produk sosial. Para penganalisis teks juga memberikan fokus kepada skrip filem. Penganalisis teks berpendapat bahawa kajian tentang teks dalam skrip tersebut sudah memadai untuk mengkaji filem yang ingin dikaji. Manakala penggambaran filem dan lain-lain aspek seperti rakaman, sudut kamera, penyuntingan, muzik dan sebagainya tidak penting dalam kajian tentang aspek sosiologi dalam filem. Hal ini kerana pemahaman kandungan dalam filem itu diyakini akan memberikan panduan yang secukupnya terhadap kajian tentang sosial dalam bidang filem.

ii) Penganalisis *reflect*

Penganalisis *reflect* pula memberikan tumpuan kepada keseluruhan filem yang dilihat sebagai bahan kajian. Mereka berpandangan bahawa penelitian segala aspek dalam sesuatu filem akan memberikan penemuan atau kenyataan lebih tepat yang mungkin tidak dapat ditemui jika skrip sahaja dikaji. Penganalisis *reflect* juga menyatakan bahawa perkara-perkara yang digambarkan dalam sesuatu filem itu akan mempengaruhi minda para penonton melalui aspek-aspek budaya dan sosial yang digambarkan.

Walau bagaimanapun pada tahap akhir, kedua-dua idea ini telah diterima dan digabungkan oleh para sejarawan dalam mengkaji sejarah filem dan juga aspek-aspek sosiobudaya dalam kalangan masyarakat. Pada mulanya pensejarawan tidak sangka evolusi dalam bidang media komunikasi, khususnya media filem akan menarik minat mereka. Tetapi pengaruh filem dalam kalangan masyarakat dan usaha yang telah dilakukan dalam bidang filem telah menarik minat para sarjana untuk menerima filem sebagai bahan kajian akademik. Pada abad yang ke-21 ini, bidang filem telah mula digunakan sebagai bahan bukti kajian dalam pelbagai bidang sosial (Short, 1981, p.16). Dengan ini dapat dikatakan bahawa filem telah menstabilkan kedudukannya sebagai salah satu bidang kajian akademik.

Realiti filem dilihat sebagai perkara yang paling penting terhadap kajian tentang sosiobudaya masyarakat dalam bidang akademik. Filem biasanya dikatakan menggambarkan realiti kehidupan masyarakat. Namun demikian ada juga komen bahawa filem itu bukan sepenuhnya menggambarkan realiti sosial. Hal ini dijustifikasikan dengan kenyataan bahawa, pengadaptasian perkara yang bukan realiti itu dilakukan dalam sesuatu filem adalah bertujuan untuk memenuhi kehendak para penonton (John Belton, 1994, p.xxi).

Maka adalah wajar untuk meneliti apakah filem menggambarkan realiti tentang sesuatu golongan masyarakat atau sebaliknya.

2.3.2. Filem Dan Realiti

Filem dikatakan menggambarkan kehidupan manusia secara realiti sebagai benda yang berlaku di depan mata penonton dan ia memberikan pengalaman kepada penonton seperti melihat sesuatu yang berlaku daripada tingkap. Hal ini kerana, apa yang digambarkan dalam sesuatu filem adalah biasanya terbentuk daripada dunia sebenar. Segala ideologi yang digambarkan dalam sesuatu filem adalah inovasi pengarah yang tercetus daripada pengalaman kehidupan dan apa yang sedia wujud dalam alam semesta (Michael Pyan & Melissa Lenas, 2012, p.141).

Biasanya tiga perkara akan dipertimbangkan dalam kajian tentang filem yang dikatakan mempunyai realiti kehidupan manusia (Stephenson & Phelps, 1965, pp.19-20).

i) Perlu lahir daripada pengalaman artis

Pemikiran ini menyatakan bahawa seniman filem harus hidup dalam dunia yang nyata. Daripada kehidupan dan pengalaman, beliau akan menciptakan inspirasi atau institusinya. Pengalaman yang diperoleh oleh artis itu akan membentuk idea berdasarkan emosi dan minda beliau. Maka pengalaman itu akan membentuk realiti dalam sesuatu filem yang dihasilkannya. Realiti di sini adalah merujuk kepada segala-apa yang melintas dalam pengalaman artis termasuklah kerja-kerja seni yang dihasilkan oleh orang lain, masyarakat, apa jua yang dilihat, apa jua yang dirasakan, didengar dan diketahui. Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa filem tidak terbentuk

daripada mana-mana perkara yang tidak wujud atau tidak dirasai oleh artis tetapi adalah daripada pengalaman artis itu sendiri dalam kehidupan sosialnya.

ii) Filem harus diterbitkan dalam media yang sesuai

Artis harus mengaitkan realiti yang wujud daripada pengalamannya dengan media yang sedia ada dan sesuai. Maka di sini pengaruh media itu akan membawa penghasilan seninya kepada media realiti.

iii) Filem harus disampaikan kepada penonton yang bersesuaian

Pada tahap ketiga penerbit akan menghasilkan dan menerbitkan filem untuk disampaikan kepada para penonton. Manakala hasil filem itu pula akan masuk dalam kehidupan penonton untuk membawa mereka kepada realiti yang ingin dikemukakan oleh pengarah filem. Dalam hal ini pemilihan sasaran penonton yang sesuai akan meninggalkan kesan yang diharapkan oleh penerbit itu.

Dengan ini dapat diketahui bahawa realiti yang digambarkan melalui sesuatu filem itu bukan sahaja terbentuk daripada imaginasi dan inovasi seseorang artis tetapi juga lahir daripada pengalaman yang telah diperolehnya. Biasanya apa yang digambarkan dalam sesuatu filem itu adalah apa yang sudah berlaku dalam kehidupan manusia (Armes, 1974, p.18). Pada asasnya filem tidak akan terkeluar daripada ideologi ini.

Seseorang penonton yang menyaksikan sesuatu filem, mungkin akan merasakan apa yang ditayangkan itu adalah berkaitan dengan pengalaman hidupnya. Hal ini kerana filem menggambarkan kehidupan realiti yang biasa tetapi hanya berbeza daripada lokasi kehidupan harian mereka (Andrew Tudor, 1974, p.3). Sebagai contohnya kehidupan pelajar kolej yang digambarkan dalam sesuatu filem yang merangkumi segala situasi kehidupan dalam kolej itu sudah tentu benar dengan realitinya. Maka di sini realiti dalam sesuatu filem itu jelas nampak wujud.

Namun demikian ada juga pandangan yang menyatakan bahawa apa yang ditayangkan dalam sesuatu filem itu bukanlah sepenuhnya menggambarkan realiti dan ia adalah imaginasi seseorang penerbit atau pengarah yang dirakam melalui kamera (Armes, 1974, p.21). Kadang-kala filem juga dikatakan bukan sahaja menggambarkan realiti tetapi juga turut menggambarkan lebih daripada realiti (Stephenson & Phelps, 1965, p.212).

Sebenarnya bukan semua idea yang dipaparkan dalam filem itu diterima oleh penonton secara bulat-bulat. Penonton mempunyai hak untuk memilih dan menolak filem yang mana untuk ditonton mengikut kehendak dirinya. Mungkin dalam filem itu juga penonton boleh memilih apa yang ingin dan tidak mahu diterimanya. Penerimaan dan penolakan yang dilakukan sebagai tindakan penonton akan menentukan kejayaan dan kegagalan sesuatu filem. Oleh itu, pemilihan subjek perbincangan atau filem adalah dipengaruhi oleh penonton (Jeffrey Richard & Anthony Aldgate, 1983, p.2). Namun demikian, sesuatu filem akan tetap mempengaruhi masyarakat. Kadang-kala penonton

mungkin tidak menerima filem tersebut tetapi secara tidak sedar filem itu akan meninggalkan kesan terhadap penonton tersebut (Stephenson & Phelps, 1965, pp.212-213).

Sarjana bernama Ralph Stephenson dan Guy Phelps (1965, pp.212-213) dalam buku mereka yang berjudul, *The Cinema As Art* mengemukakan tiga pemikiran bagaimana penonton menerima atau menolak realiti yang digambarkan dalam sesuatu filem:-

- i) Pertama, filem biasanya berusaha untuk memberikan keyakinan kepada penonton untuk membuatkan mereka percaya bahawa apa yang ditayangkan dalam sesuatu filem adalah benar (*seeing is believing*). Walau bagaimanapun minda penonton boleh menolak idea yang digambarkan dalam filem tersebut. Tetapi perasaan dan emosi penonton pula membuatkan mereka supaya menerima filem tersebut. Pada tahap ini penonton tahu apa yang digambarkan dalam filem tersebut adalah bukan realiti. Namun demikian, emosi dan perasaan akan membuatkan khalayak penonton untuk cuba melakukan apa yang digambarkan dalam filem tersebut pada kehidupan mereka.
- ii) Pada tahap yang kedua, kadang kala minda penonton itu sedar bahawa apa yang digambarkan dalam sesuatu filem itu bukan realiti. Tetapi filem itu akan cuba meyakinkan minda penonton dan membuatkan mereka menerima apa yang digambarkan. Hal ini sedemikian kerana penonton terpengaruh dengan aspek-aspek dalam filem tersebut seperti hero pemujaan, aksi yang digemari, plot cerita yang menakjubkan dan sebagainya yang membuatkan penonton tidak menitikberatkan realiti dalam gambar yang ditayangkan. Dalam tahap ini, seseorang penerbit juga akan sedar bahawa apa yang digambarkan dalam filem

itu bukan realiti atau lebih daripada realiti kerana beliau boleh membezakan kehidupan sebenar dengan apa yang ditunjukkan dalam filem yang dihasilkannya. Walau bagaimanapun di sini seni memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minda penonton. Pada tahap ini minda manusia boleh berubah dan memberikan persepsi yang berlainan apabila menonton semula atau menonton berkali-kali dalam satu jangka masa yang berlainan. Persepsi penonton juga akan berubah berdasarkan jangka masa yang berlainan.

- iii) Pada tahap terakhir, penonton dikatakan percaya bahawa senario yang digambarkan dalam sesuatu filem itu tidak mungkin akan berlaku dalam kehidupan realiti mereka mahupun dalam hidup orang lain. Namun demikian filem itu tetap akan meninggalkan kesan kepada penonton. Tetapi kesan itu wujud setakat mana penonton menghubungkan hidupnya dengan filem tersebut.

Daripada kenyataan yang telah dikemukakan oleh Ralph Stephenson dan Guy Phelps, dapatlah dikatakan bahawa daya pemikiran mental seseorang penonton memainkan peranan penting dalam menentukan fahaman tentang realiti yang digambarkan dalam sesuatu filem. Pada masa yang sama pengaruh filem itu juga membuatkan penonton untuk menerima realiti dalam sesuatu filem berdasarkan tahap keintelektualannya.

Walaupun bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa filem bukan sahaja menggambarkan realiti tetapi juga menggambarkan lebih daripada realiti. Hal ini jelas kelihatan dalam filem-filem fantasi (*fantasy movie*). Realiti sebenarnya bukanlah kenyataan. Realiti yang digambarkan dalam sesuatu filem itu adalah lebih efektif dan berpengaruh kerana hal ini akan diaturkan melalui perwatakan, situasi, kejadian yang logik

dan boleh meyakinkan penonton. Filem berkembang di tengah-tengah ideologi individu dan bukannya 100% berdasarkan realiti (Jarvie, 1970, p.126). Hal ini sedemikian kerana kelebihan daripada realiti itu akan lebih mengindahkan lagi sesuatu filem itu.

Jika sesuatu filem itu menggambarkan realiti sepertimana yang wujud dalam kehidupan harian, maka ianya akan menjadi dokumentasi dan bukannya filem cereka. Filem cereka sepatutnya memiliki unsur-unsur yang dapat menarik minat para penonton yang dikaitkan dengan beberapa perkara yang lebih daripada realiti. Perkara ini juga penting untuk menarik minat orang ramai. Sebenarnya hal-hal yang dikatakan bukan realiti juga adalah tercetus daripada kehidupan sosial dan bukannya sesuatu yang baru. Sebagai contohnya nyanyian lagu cinta dalam filem tidak mungkin berlaku dalam kehidupan manusia sepertimana yang digambarkan, tetapi lagu bukalah sesuatu yang terasing daripada seni budaya masyarakat. Biasanya manusia tidak hidup sepertimana yang dimimpikan. Tetapi filem sebagai saluran hiburan membawa manusia daripada bentuk kehidupan yang dilalui kepada kehidupan lain yang mempunyai realiti yang sama dengan memenuhi keinginan dan mimpi penonton (Armes, 1974, p.20).

Filem mungkin boleh menggambarkan watak dan situasi yang tidak bersifat realiti dalam dunia semasa seperti raksasa, ultraman, robot yang bernyawa dan sebagainya. Tetapi kesemua ini dijustifikasikan secara logik dalam filem yang berkaitan dengan realiti semasa dunia (Cristine Cornea, 2007, p.3). Sebagai contohnya filem *Avathar*, filem fantasi ini adalah luar daripada realiti kehidupan alam semesta semasa. Tetapi masyarakat dan para ahli sains masih percaya tentang kewujudan makhluk asing. Rupa bentuk yang

digambarkan dalam filem itu juga tidak terkeluar daripada realiti yang sedia ada seperti ada mata, telinga, tangan, badan dan sebagainya. Maka dengan ini dapat dikatakan bahawa perkara yang dianggap sebagai bukan realiti juga terbentuk daripada realiti. Inilah yang dimaksudkan sebagai lebih daripada realiti dalam filem.

Realiti yang digambarkan dalam filem biasanya dibincangkan berdasarkan keintelektualan minda seseorang dan pengalamannya. Seorang suri rumah mungkin tidak ada apa-apa idea tentang kehidupan seorang pelacur. Tetapi senario realiti yang digambarkan dalam filem tentang watak pelacur itu mungkin akan membuatkan penonton terfikir tentang watak tersebut yang wujud dalam dunia yang mereka hidup (Biken & Laustsen, 2007, 8). Sebenarnya filem menggambarkan realiti kerana apa yang digambarkan dalam sesuatu filem seperti pakaian, rumah, kenderaan, dan sebagainya adalah terhasil daripada kehidupan sosial yang sedia wujud (Jeffrey Richard & Anthony Aldgate, 1983, p.3).

Selain itu, emosi juga memainkan peranan yang penting dalam penerimaan atau penolakan realiti dalam sesebuah filem. Filem boleh memainkan dan menyinggung emosi penonton melalui aksi-aksinya (Paul Madsen, 1973, p.28). Sesuatu perkara yang digambarkan dalam filem bukannya menggambarkan tentang kehidupan realiti sepenuhnya tetapi masih meninggalkan kesan yang kuat dalam kehidupan penonton melalui emosi yang digambarkan dalam filem (Stephenson & Phelps, 1965, pp.215).

Kadang-kala filem boleh mengembangkan emosi yang begitu indah sekali yang tidak pernah dirasai dalam kehidupan realiti. Pada masa yang sama ia boleh memberikan perkara yang begitu kejam sekali (Boggs & Petrie, 2008, p.4). Sebagai contohnya nyanyian lagu cinta sepertimana yang digambarkan dalam filem-filem Hindi adalah tidak logik dalam kehidupan realiti. Tetapi unsur-unsur indah yang dipaparkan dalam lagu cinta itu membuatkan penonton terasa tertarik dengannya. Dalam keadaan ini, walaupun apa yang digambarkan dalam filem itu adalah tidak realistik tetapi rasa kepuasan mereka terhadap filem itu akan membuatkan mereka menerima filem tersebut.

Unsur emosi yang dimainkan dalam sesuatu filem berkebolehan untuk melintas semua batasan kebudayaan serta aspek-aspek sosial dan menyentuh jiwa penonton (Paul Madsen, 1973, p.195). Sebagai contohnya apabila menonton filem-filem yang berkaitan dengan peperangan atau yang menggambarkan tentang keseksaan yang dialami oleh kanak-kanak, para penonton terasa sedih terhadap aksi yang ditontonnya walaupun mereka tahu itu adalah lakonan dan bukannya realiti.

Aksi-aksi yang menyentuh emosi para penonton seperti cinta, sedih, marah, berani, kesunyian dan sebagainya adalah ciri-ciri yang terbentuk daripada kehidupan manusia. Hal ini kerana, aksi-aksi yang berkaitan dengan emosi dalam filem adalah berasal daripada pengalaman kehidupan para penonton (Paul Madsen, 1973, pp.195-196). Lebih-lebih lagi dalam sesuatu filem, pelakon bukan sahaja melakon mengikut kehendak filem tetapi juga meluahkan perasaan para penonton, mewakili mereka (Durgnat, 1967, p.173).

Manusia biasanya jarang beremosi terhadap perkara yang tidak logik. Oleh yang demikian para pengarah filem akan merekacipta aksi emosi dalam sesuatu filem itu berasaskan realiti kehidupan. Justeru itu, filem sudah tentu menjadi sebuah seni yang menyentuh emosi penonton dan memaksa mereka untuk merasakan dan mempercayai realiti yang digambarkan melaluinya (Stephenson & Phelps, 1965, p.34).

Selain itu, filem bukan sahaja memainkan peranan dalam menyentuh emosi dan sentimen, tetapi juga membentuk pemikiran, meluaskan pandangan tentang dunia dan memberikan peluang kepada penonton untuk memikirkan tentang realiti (Albert Moran, 1996, p.4). Manakala realiti yang digambarkan dalam filem adalah produk yang terbentuk daripada kreativiti dan inovasi yang diluahkan oleh penerbit dari sudut pandangan apa yang diinginkannya dalam realiti sosial (Irving Singer, 1995, p.xiii). Realiti yang dirakamkan dalam sesuatu filem bukan berlaku sebegitu sahaja. perkara ini akan melalui pelbagai proses untuk mengeluarkan sesuatu hasil yang berkualiti dan meyakinkan para khalayak penonton (Armes, 1974, p.50).

Aktiviti penerbitan sesuatu filem itu bukannya bermaksud membentuk satu cerita tetapi ia membentuk satu maksud realiti (Michael Pyan & Melissa Lenas, 2012, p.1). Dalam hal ini pelakon memainkan peranan penting. Pelakon menjadi sumber utama dalam menggambarkan realiti dalam filem melalui lakonan, solekkan, keterampilan, pertuturan dan sebagainya (Stephenson & Phelps, 1965, p.223). Lakonan dan ekspresi yang ditonjolkan dalam sesuatu filem amat penting kerana hal ini boleh menyampaikan mesej kepada para penonton walaupun bahasanya tidak difahami oleh penonton (Fadli Al-Akiti,

2013, p.3). Dengan ini dapat dikatakan bahawa pelakon turut memainkan peranan yang penting dalam usaha menggambarkan realiti dan meyakinkan penonton.

Filem dikatakan memaparkan realiti kerana kamera merakamkan segala-galanya yang terdapat dalam kehidupan sosial seperti menunjukkan kumpulan manusia, ekspresi muka, jalan raya, bentuk tanah, aktiviti manusia dan tingkah laku dalam bentuk yang menarik (Armes, 1974, p.19). Kesemua ini adalah sedia wujud dalam kehidupan harian dan tidak terkeluar daripada realiti kehidupan sosial.

Sebenarnya realiti adalah senang dan sesuai digambarkan melalui filem kerana kamera boleh melakukan keajaiban dan boleh membawa sesuatu yang tidak wujud pada zaman sekarang (Armes, 1974, p.21). Sebagai contohnya zaman kehidupan Kesultanan Melayu Melaka dapat digambarkan melalui filem-filem Melayu. Sebenarnya zaman itu tidak ada lagi. Tetapi filem dan kamera mampu membuatkan para penonton menghayati realiti kehidupan pada zaman tersebut dalam zaman moden ini.

Kamera sebenarnya menjadi pengawal sosial berpengaruh kuat dalam usaha menyebarkan idea dan membuatkan para penonton menyokong idea dan realiti tersebut (Jeffrey Richard & Anthony Aldgate, 1983, p.2). Realiti yang digambarkan dalam filem pula boleh memberikan kesan terhadap pandangan tentang diri dan dunia (Michael Pyan & Melissa Lenas, 2012, p.142).

Realiti yang digambarkan dalam sesuatu filem biasanya terbentuk daripada amalan atau kepercayaan sesuatu golongan masyarakat yang hidup di sesuatu tempat. Kadang-kala hal ini bukan sahaja mempengaruhi sesuatu golongan masyarakat yang ditujui oleh filem itu tetapi juga meninggalkan kesan terhadap masyarakat atau golongan penonton lain yang hidup bersama dengan mereka. Mungkin hal itu tidak termasuk dalam budaya, tradisi dan kepercayaan mereka tetapi akan tetap memberi kesan terhadap mereka. (Hamzah Hussin, 1982, p.1). Sebagai contohnya, filem *Pontianak* bukan sahaja mendapat sambutan yang hebat dalam kalangan orang Melayu tetapi juga mendapat sambutan daripada orang Cina dan India di Malaysia. Kewujudan Pontianak adalah terhasil daripada kepercayaan orang Melayu. Tetapi kaum Cina dan India yang hidup bersama dengan kaum Melayu turut dipengaruhi dengan ideologi kewujudan Pontianak kerana hal ini telah berakar umbi dalam kalangan masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, filem *Pontianak*, turut mendapat sambutan dalam kalangan kaum Cina dan India akibat daripada pengaruh kepercayaan rakyat setempat.

Filem juga dikatakan berpotensi untuk mengubah realiti dan budaya, menstrukturkan semula atau menerbitkan semula kehidupan sosial. Perkara ini dapat dijadikan kenyataan kerana sistem komunikasi filem berpengaruh kuat sehingga membawa perubahan dalam realiti melalui teknik-teknik kerana mesej yang disalurkan adalah efektif dan diterima. Apa yang ditonton dan apa yang dirasakan melalui sesuatu filem boleh memberikan makna kepada penonton itu kerana hal itu akan dikaitkan oleh penonton dalam pengalaman hidupnya (Irving Singer, 1995, pp.4-6 & 26).

Secara ringkasnya dapatlah dikatakan bahawa filem adalah dirakam untuk menggambarkan semula realiti yang dapat memberikan pengalaman yang hebat tentang kehidupan sosial masyarakat. Realiti yang digambarkan melalui filem boleh membentuk dunia yang bermakna (Stephenson & Phelps, 1965, pp.19-33).

Filem menghubungkan sebuah rakaman hidup yang benar dan bukannya setakat sebuah seni dengan cerita yang direka sahaja. Pembikinan filem adalah suatu usaha yang memerlukan nilai pemikiran yang tinggi dan ia akan mencetuskan idea tentang realiti dalam kalangan masyarakat (Armes, 1974, pp.20-21). Sebenarnya filem bukan melahirkan kebenaran baru atau sesuatu yang tidak wujud dalam kalangan masyarakat. Filem juga tidak boleh membentuk semula sesuatu golongan masyarakat yang belum bersedia untuk berubah. Tetapi ia mempunyai kuasa untuk menyampaikan mesej secara berkesan dan boleh mempengaruhi khalayak penonton (Boggs & Petrie, 2008, p.516).

Seni filem juga boleh mempersembahkan nilai-nilai dan bentuk kehidupan harian manusia dengan lebih nyata berbanding dengan medium yang lain. Jika manusia melepasi 1000 tahun dari masa sekarang maka filem akan menjadi saluran yang paling jelas dalam menggambarkan kehidupan realiti masyarakat pada masa tersebut (Lary May, 1980, p.xi).

Sebenarnya apa yang disampaikan oleh sesuatu filem adalah terhasil daripada hasrat, pendapat masyarakat dan budaya mereka. Sebaliknya sebarang pandangan masyarakat dan budaya adalah tercermin dalam filem sama ada secara langsung mahupun

tidak langsung. Filem yang juga dirujuk sebagai mesin mimpi sebenarnya bukanlah sesuatu yang benar. Tetapi jika ingin mengenali kebenaran maka ia harus dikaitkan dengan masyarakat kerana tanpa aspek-aspek sosiologi, sesuatu filem itu hanya akan menjadi imej yang digabungkan dengan bunyi yang abstrak (James Chapman, 2003, p.31).

2.3.3. Filem Dan Sosial

Realiti yang digambarkan dalam sesuatu filem itu adalah terbentuk daripada kehidupan sosial masyarakat. Setiap perkara yang digambarkan dalam sesuatu filem, sama ada berasaskan realiti mahupun fantasi adalah terbentuk daripada pengalaman kehidupan yang direka bentuk berdasarkan imaginasi dan keintelektualan penerbit atau pengarah. Maka dapatlah dikatakan bahawa filem tidak dapat dipisahkan daripada pengalaman kehidupan sosial. Filem adalah media yang menggambarkan masyarakat dan kehidupan sosial mereka secara keseluruhan dalam bentuk terdiri daripada imej-imej yang terpilih. Pilihan ini mungkin berlaku berdasarkan institusi-institusi sosial dan individu yang tertentu (Jeffrey Richard & Anthony Aldgate, 1983, pp.1-2).

Filem berperanan untuk mendokumentasikan kebudayaan dan kehidupan sosial sesuatu golongan masyarakat (Naim Haji Ahmad, 1995, p.27). Hal ini kerana filem adalah kenyataan pencerminan kehidupan sosial masyarakat (Jarvie, 1970, p.8). Maka apa yang digambarkan dalam sesuatu filem juga boleh menjadi dokumen sosial yang digunakan

sebagai bahan kajian atau bahan bukti dalam pengajian sejarah sesuatu golongan masyarakat. Justeru itu, rakaman peristiwa melalui filem haruslah diarkibkan bagi tujuan kajian saintifik tentang kehidupan sosial masyarakat (Naim Haji Ahmad, 1995, p.28).

Sarjana bernama Prem Chowdhry (2000, p.3), menyatakan bahawa filem mencerminkan realiti kehidupan sesuatu kelompok masyarakat. Rakaman kehidupan semasa dalam filem adalah berpotensi untuk menjadi bahan sejarah pada masa akan datang. Oleh yang demikian beliau mencadangkan supaya filem dijadikan sebagai bahan rujukan sejarah.

Selain itu, cara pakaian dipakai, gaya rambut, cara pertuturan, cara bertindak, benda yang dipercayai atau diragui, kesemua ini adalah terhasil daripada kehidupan manusia dan hal ini juga direkabentuk oleh filem mengikut perubahan masa (Thompson & Bordwell, 2003, p.1). Kesemua ini adalah aktiviti sosial. Oleh itu filem bukan sahaja berperanan sebagai pencerminan kehidupan sosial tetapi juga berfungsi dalam pembentukan aspek kehidupan sosial.

Filem juga menjadi jentera dalam usaha meluahkan kepercayaan masyarakat tentang apa yang betul dan salah. Melalui usaha yang berterusan, filem didapati mengarahkan masyarakat dalam hala tuju yang betul dalam kehidupan sosial (Goudlad, 1971, p.7). Dalam hal ini, filem biasanya menggunakan elemen-elemen yang sama seperti perwatakan, situasi, adat-istiadat, pantang larang, pengukuhan kepercayaan dan idea dalam

kalangan penonton untuk mengatur kehidupan mereka secara berterusan (Jeffrey Richard & Anthony Aldgate, 1983, p.2).

Hal ini lebih berkaitan dengan norma kehidupan. Filem dikatakan secara langsung mencerminkan norma dan nilai budaya serta kehidupan masyarakat kerana watak dan perwatakan dalam filem tersebut adalah tercetus daripada kehidupan sosial (Goodlad, 1971, p.5). Watak yang wujud dalam sesuatu filem dengan suasana kehidupan, sifat-sifat yang dimiliki, emosi yang diluahkan, nilai dan etika yang berasaskan budaya dan tradisi adalah terhasil daripada norma kehidupan manusia. Sebab itulah dikatakan bahawa sesuatu filem biasanya akan diterbitkan untuk menguatkan sifat-sifat kehidupan para penontonnya (Paul Madsen, 1973, p.4).

Selain itu, kuasa pengaruh filem dalam kehidupan sosial juga membuatkan filem sebagai alat propaganda. Kebanyakan kajian sejarah perfileman pada awal melihat filem sebagai sebuah bahan propaganda kerana pada zaman peperangan khususnya dalam kalangan totalitarian, filem telah dilihat sebagai bahan yang berkesan dalam usaha meyakinkan, mempengaruhi dan mengawal minda masyarakat (James Chapman, 2003, p.31). Hal ini terbukti daripada kenyataan Vladimir Ilyich Lenin seperti mana yang dirujuk oleh K.R.M.Short, yang menyatakan bahawa filem adalah saluran yang paling penting dan efektif dalam kalangan masyarakat berbanding dengan seni-seni yang lain (Short, 1981, p.4). Dalam jangka masa tahun 1930-1940, golongan pemimpin liberal khususnya di negara British telah menggunakan filem sebagai saluran untuk menjaga keharmonian dan integrasi sosial (Tony Aldgate, 1981, p.111).

Sarjana bernama Jarvie (1970, p.8) menyatakan bahawa, komunikasi dan propaganda adalah pengawal sosial dan ia boleh dilakukan dengan lebih efektif melalui media filem berbanding dengan media kesenian tradisi yang lain. Filem juga telah dilihat sebagai medium yang mempunyai signifikan pencerminan tentang kehidupan sebenar dan dipercayai boleh membawa perubahan dalam kehidupan sosial. Sebab itulah negara-negara seperti Soviet telah menggunakan filem untuk mengawal minda masyarakat mereka (Andrew Tudor, 1974, p.13).

Setiap filem adalah produk sosiobudaya sesuatu kelompok masyarakat dan filem adalah karya yang dihasilkan untuk menggambarkan kehidupan mereka (Jeffrey Richard & Anthony Aldgate, 1983, p.1). Biasanya filem dihasilkan untuk dipasarkan bagi tontonan mana-mana pihak yang berminat. Tetapi hasil karya itu biasanya mempunyai sasaran penonton tertentu. Penonton sasaran itu terbentuk daripada cerita, aspek-aspek sosial yang dimuatkan, bahasa, kepercayaan yang dikemukakan, budaya yang digambarkan dan mesej yang ingin disampaikan melalui sesuatu filem (Paul Madsen, 1973, p.4).

Isi kandungan dan bentuk sesuatu filem itu, boleh membezakan sesuatu filem dengan filem dari negara yang lain kerana aspek ini memaparkan kehidupan sosial dan budaya sesuatu masyarakat tertentu (Shahrom Md Dom, 1983, p.4). Yasu Jiro Ozu adalah seorang pengarah filem yang popular di industri filem Jepun. Beliau digelar sebagai '*the most Japanese of all directors*' (Donald Richie, 1974, p.17). Pengaruh filem Yasu Jiro Ozu diterima sebagai ikon dalam kalangan pengarah-pengarah filem Jepun kerana filem-filem

beliau nyata sekali menggambarkan budaya dan kehidupan sosial masyarakat Jepun dan unsur-unsur tradisional mereka khususnya yang lebih berfokus kepada kesenian Zen (Shahrom Md Dom, 1983, p.8). Kejayaannya sebagai pengarah terbaik dalam industri filem itu adalah diperoleh daripada penggambaran tentang keadaan sosio-budaya masyarakat Jepun.

Sarjana tempatan bernama Abdul Latif Abu Bakar (2006, p.1-10) juga mempunyai pandangan yang sama dalam hal ini. Beliau menyatakan bahawa filem perlu mempunyai nilai yang selaras dengan slogan, 'filem kita wajah kita' yang ingin melihat rakyat mempunyai jatidiri kebangsaan yang kukuh berdasarkan amalan budaya dan sosial negara masing-masing.

Penggambaran tentang kehidupan sosial sepertimana yang sedia wujud dalam kalangan sesuatu masyarakat itu sahaja bukan dilihat sebagai fungsi sesuatu filem. Sebaliknya ia mempunyai tanggungjawab yang lebih berat dalam usaha membentuk kehidupan sosial yang lebih bermakna. Filem bukan sahaja menggambarkan realiti kehidupan sosial tetapi juga harus mempunyai nilai pemikiran yang tinggi dan ia perlu mencetuskan idea-idea baru dalam kalangan masyarakat (Armes, 1974, pp.20-21). Hal inilah yang dikatakan sebagai tanggungjawab sosial sesuatu filem. Dengan ini dapat dikatakan bahawa sesuatu filem itu boleh memberikan pendedahan awal kepada seseorang penonton tentang sesuatu situasi yang belum dilalui dan mungkin akan dihadapi pada masa yang akan datang. Justeru itu, filem secara langsung akan memberikan panduan awal

kepada seseorang penonton untuk berfikir dan menghadapi situasi yang mungkin akan dihadapi.

Kajian tentang sosiologi dalam film adalah kajian yang dilakukan terhadap cerita dan bentuk-bentuk dalam sesuatu film yang menggambarkan kehidupan sosial masyarakat. Film membuka ruang untuk memahami kehidupan masyarakat dalam perspektif sosiologi melalui bentuk dan ceritanya (Jean-Anne & Kathryn, 2010, p.4). Pada masa yang sama perwatakan dalam sesuatu film yang menunjukkan aspek-aspek kehidupan seperti kelakuan jahat, baik, percintaan, air mata, ketawa, senyuman, pergaduhan, kejar-mengejar, pegangan terhadap nilai-nilai kehidupan, amalan budaya dan sebagainya juga adalah perkara-perkara yang wujud dalam kehidupan seharian (Satya Jit Ray, 1979, p.90).

Biasanya pembelajaran sosiologi dalam kajian film akan mengatitkan empat perkara yang asas iaitu identiti, interaksi, ketaksamaan sosial dan institusi (Jean-Anne & Kathryn, 2010, p.4).

- i) Identiti – Biasanya sesuatu film melibatkan diri dalam usaha perkembangan watak individu sebagai tema. Idea utama juga ditentukan berdasarkan aspek sesuatu watak yang harus dibicarakan dalam bentuk intelektual untuk ditonjolkan pada semua aspek dalam sesuatu film (Paul Madsen, 1973, p.446). Justeru itu, watak dalam sesuatu film akan dibentuk dalam identiti tertentu berasaskan beberapa persoalan seperti bagaimana watak itu dikenali, bagaimana identitinya distabilkan dan bagaimana identiti watak itu menyesuaikan diri secara strategik. Dengan ini sesuatu watak itu akan menggambarkan identitinya berasaskan

kehidupan sosiobudaya yang dipegang dalam sesuatu filem itu (Jean-Anne & Kathryn, 2010, p.4).

ii) Interaksi – Semua filem melibatkan diri dalam interaksi sosial. Interaksi ini terbentuk dalam bunyi mahupun tanpa bunyi, dalam bentuk secara langsung dan juga tidak langsung dan dalam bentuk bahasa dan simbolik. Interaksi yang disalurkan melalui sesuatu filem bukan sahaja dipopularkan melalui dialog tetapi juga melalui simbol dan visual. Simbol itu juga menjadi pemaparan aspek sosial dalam filem (Short, 1981, p.4). Interaksi inilah yang menyalurkan mesej kepada para penonton. Interaksi ini juga membuka ruang untuk penginterpretasi sesuatu perkara yang digambarkan dalam sesuatu filem (Jean-Anne & Kathryn, 2010, p.5).

iii) Ketaksamaan sosial – Satu lagi perkara yang biasanya dapat dilihat dalam filem adalah ketaksamaan sosial. Hal ini digambarkan pada sesuatu filem dalam bentuk kelas sosial, bangsa, jantina, agama, kedudukan, politik, ekonomi, pendidikan, kasta dan sebagainya. Ketidak seimbangan inilah yang membezakan kehidupan sosial seorang individu dengan individu yang lain (Croteau & Hoynes, 2013, p.188).

iv) Institusi – Filem juga menggambarkan institusi-institusi sosial sepertimana yang terbentuk dalam kehidupan sosial yang sebenar. Pelbagai institusi seperti institusi keluarga, agama, pendidikan, pentadbiran, kerajaan, politik dan sebagainya yang membentuk identiti kehidupan bermasyarakat digambarkan dalam filem (Jean-Anne & Kathryn, 2010, p.4).

Hidup bermasyarakat adalah ciri utama dalam kehidupan sosial. Filem dapat dikatakan sebagai sebuah media ejan penyalur atau penyebar nilai-nilai sosial dalam pembinaan sesuatu bangsa dan negara. Proses sosialisasi yang digambarkan dalam filem boleh membangunkan nilai-nilai nasionalisme seperti patriotisme, kemanusiaan, cinta kepada negara, bangsa dan kesedaran tentang tanggungjawab sosial (Firdaus Abdullah, 1982, p.4).

Justeru itu, secara kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa media filem sebagai ejan sosialisasi masyarakat kerana ia memberikan pendedahan tentang kehidupan realiti dunia sekarang kepada khalayak penonton (Jarvie, 1970. p.121).

2.4. Teori

Teori memainkan peranan penting dalam sesebuah penyelidikan khususnya dalam bidang kajian sosiologi (Stephen Ellin & Chris Swoyer, 2008, p.343). Teori dirujuk sebagai ilmu tentang dunia sosial yang terbentuk secara padat (Lawrence Neuman, 2007, p.24). Teori pada dasarnya dirujuk sebagai pemikiran tentang fenomena yang berlaku (Ahmad Mahdzan Ayob, 2002, p.16). Dari sudut sosial pula, teori ditafsirkan sebagai suatu penerangan yang terbentuk secara sistematik dan teliti terhadap sesuatu fenomena sosial (Stephen Ellin and Chris Swoyer, 2008, p.343). Dalam hal ini, teori boleh menyatakan perhubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah untuk menerangkan dan meramalkan fenomena sosial (Rohana Yusof, 2003, p.43).

Teori juga menyediakan huraian dan ramalan tentang sesuatu fenomena. Huraian dan ramalan awal ini membantu dalam sesebuah kajian untuk memperoleh idea awal tentang bidang dan subjek yang ingin dianalisis. Hal ini kerana, sesuatu teori akan cuba menjawab soalan-soalan dalam sesuatu kajian berasaskan bagaimana dan mengapa berlaku sesuatu fenomena (Bailey, 1978, p.32).

Dalam kajian sosial, teori memberikan peluang kepada pengkaji untuk memahami sesuatu fenomena atau keadaan yang kabur dalam penyelidikan. Hal ini kerana, idea dan ramalan awal yang terbentuk dalam sesuatu teori itu boleh memberikan panduan awal

tentang pemboleh ubah-pemboleh ubah yang mungkin wujud dalam sesuatu kajian (Kaplan Abraham, 1964, p.295).

Dalam kajian sosial, teori biasanya digunakan untuk dua tujuan. Yang pertamanya teori itu akan diuji dalam sesuatu analisis (Bailey, 1978, p.33). Pengujian terhadap sesuatu teori itu adalah dilakukan setelah data-data dalam sesuatu kajian dikumpulkan (Syed Arabi Iddid, 1998. p.20). Yang keduanya adalah, teori digunakan sebagai panduan dalam sesuatu kajian. Dalam pada ini, teori akan dimanfaatkan untuk menganalisis dan membuat kesimpulan dalam sesuatu kajian (Rohana Yusof, 2003, p.44). Dalam aspek ini teori akan berfungsi sebagai landasan kepada pengkaji supaya kajian dapat dilakukan secara sistematik untuk memperoleh penemuan-penemuan dan untuk membuat kesimpulan yang tepat dan rapi.

Dalam kajian semasa, teori adalah digunakan sebagai panduan untuk melakukan analisis. Untuk kajian semasa, pengkaji telah memilih tiga buah teori iaitu teori struktural-fungsional, teori konflik dan teori semiotik. Dalam pada ini, teori struktural-fungsional dan teori konflik adalah teori yang terhasil daripada bidang sosiologi yang lebih berkait dengan kajian tentang ketaksamaan sosial. Manakala teori semiotik adalah teori yang mengkaji tanda-tanda yang wujud dalam kehidupan sosial.

2.5. Teori-Teori Stratifikasi Sosial

Dalam kajian tentang sosial, sebenarnya tiada sesuatu teori yang khusus untuk menganalisis unsur stratifikasi sosial atau ketaksamaan sosial. Namun demikian sebahagian daripada ahli sosiologi telah menerima teori struktural-fungsional dan teori konflik sebagai teori-teori yang sesuai untuk kajian ketaksamaan sosial. Sebenarnya teori-teori tersebut tidaklah secara langsung mengkaji tentang ketaksamaan sosial. Tetapi teori-teori tersebut telah memberikan panduan asas untuk memahami kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat (Roziyah Omar, 1999, p.55). Oleh yang demikian kajian semasa juga menggunakan teori struktural-fungsional dan teori konflik dalam usaha mengkaji tentang ketaksamaan sosial yang terpapar dalam FFTM.

2.6. Teori Struktural-Fungsional

Teori struktural-fungsional adalah gabungan dua buah teori yang berasingan iaitu teori Strukturalisme dan teori fungsionalisme. Tetapi fungsi kedua-dua teori ini adalah bergantung antara satu-sama lain dalam pembinaan ketaksamaan sosial. Oleh hal yang demikian, teori-teori ini kemudian telah digabungkan dan diperkembangkan mengikut kehendak kajian stratifikasi sosial. Davis dan Moore adalah tokoh-tokoh yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam pembangunan Teori struktur-fungsional dalam bidang kajian ketaksamaan sosial (Bates Doob, 2000, p.230). Pada masa yang sama, tokoh-

tokoh sosiologi seperti Durkheim, Malinowski, Talcott Parson, Robert K, Merton dan sebagainya juga telah memainkan peranan yang penting dalam kemajuan teori ini (Fatimah Daud, 1992, p.14).

Masyarakat dikatakan hidup dalam institusi-institusi sosial yang mempunyai struktur-struktur tersendiri yang saling berkaitan di antara satu-sama lain. Struktur pula menentukan fungsi individu dalam organisasi sosial (Kntyya Mariappan, 2000, p.49). Sebenarnya struktur sosial ini tidak mempunyai suatu tafsiran yang tepat. Pada umumnya struktur ini dikatakan sebagai satu set perhubungan yang stabil dalam institusi sosial (Ting Chew Peh, 1979, p.113).

Dalam kajian sosiologi, struktur menandakan unit-unit sosial iaitu individu, kelas sosial dan juga institusi-institusi sosial yang mempunyai kaitan antara satu-sama lain (Yorburg, 1982, p.155). Struktur ini dikatakan wujud dalam setiap institusi sosial termasuklah keluarga, agama, pendidikan dan sebagainya untuk menentukan kewujudan hubungan sosial yang kekal dan stabil (Steven Vago, 2004, p.64).

Struktur memainkan peranan yang penting dalam memastikan keteraturan susunan pada organisasi yang wujud dalam unit-unit sosial (Parsons, 1961, p.71). Manakala penyusunan ini pula membentuk perbezaan dalam kalangan masyarakat berasaskan fungsi yang ditentukan daripada peranan dan tanggungjawab individu masing-masing (Ting Chew Peh, 1979, p.112). Hal ini kerana struktur menentukan kedudukan individu dalam

organisasi sosial (Wendy Bottero, 2010, p.138). Penentuan kedudukan dalam struktur pula akan memainkan peranannya dalam usaha pengagihan kuasa antara individu dan kelompok masyarakat. Hal ini membuka ruang kepada kewujudan ketaksamaan sosial dalam organisasi sosial (Ting Chew Peh, 1979, p.112).

Pada dasarnya, struktur mempunyai pola perhubungan dengan unit-unit atau institusi-institusi sosial yang lain secara terancang dan stabil. Pada masa yang sama perhubungan ini juga mempunyai identiti yang tersendiri kepada struktur yang wujud dalam setiap organisasi tersebut (Steven Vago, 2004, p.64).

Fungsi memainkan peranan yang penting dalam usaha mengekalkan dan memelihara sesuatu struktur sosial (Yorburg, 1982, p.156). Fungsi adalah asas kepada struktur sosial dan struktur sosial pula melahirkan beberapa dasar fungsi dalam sistem kehidupan sosial (Fatimah Daud, 1992, p.20). Sebagai contohnya, struktur dalam institusi keluarga adalah terbentuk daripada gabungan beberapa orang individu yang dihubungkan menerusi pertalian darah, perkahwinan mahupun melalui pengadaptasian. Manakala fungsi-fungsi seperti penceraian, perpisahan, kelahiran anak baru, kematian dan sebagainya akan mengubah struktur keluarga melalui proses menambah dan mencicirkan ahlinya dalam keluarga (Yorburg, 1982, p.157).

Secara umumnya fungsi dirujuk sebagai proses yang dinamik pada struktur sosial yang membawa kepada kewujudan aktiviti-aktiviti berlainan dalam kalangan masyarakat

(Steven Vago, 2004, p.64). Pada masa yang sama, fungsi juga menjadi kesan daripada sesuatu aktiviti tersebut kepada unit-unit sosial yang lain. Hal ini kerana setiap institusi sosial adalah berkaitan antara satu-sama lain dengan institusi-institusi yang lain (Ting Chew Peh, 1979, p.113).

Para ahli teori fungsionalisme, biasanya mengumpamakan kelompok masyarakat dan institusi-institusi sosial dengan badan manusia (Steven Vago, 2004, p.64). Setiap organ dalam tubuh manusia memainkan fungsi-fungsi yang tertentu. Pada masa yang sama, fungsi yang dimainkan oleh setiap organ adalah memberikan kesan kepada organ-organ lain dalam badan. Hal ini membuatkan setiap organ dalam badan manusia untuk bergantung pada organ-organ yang lain dalam melancarkan proses dalam tubuh badan. Hal inilah yang berlaku dalam proses struktur sosial. Setiap fungsi yang dilakukan oleh individu dalam sesuatu institusi meninggalkan kesan kepada institusi yang lain. Pada masa yang sama setiap institusi juga adalah saling bergantung dengan institusi-institusi sosial yang lain untuk melancarkan proses sosial dalam kehidupan masyarakat (Cuttis Brown, 2008, pp.231-233).

Fungsi adalah suatu perkara yang biasa, wujud dalam kehidupan sosial sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Namun demikian, bukan semua fungsi itu diterima dan diiktiraf oleh masyarakat. Menurut penyelidik sosial yang bernama Merton (1957, p.84), fungsi dalam sosial dipersepsikan dalam dua bentuk iaitu fungsi ketara (*manifest function*) dan fungsi terpendam (*latent function*).

- i) Fungsi ketara - Fungsi dalam sesuatu aktiviti sosial itu diterima dan diiktiraf oleh peserta-pesertanya yang terlibat. Fungsi ini biasanya terdapat dalam sistem sosial sebagai suatu proses yang sedia ada. Masyarakat juga mempunyai fahaman umum tentang fungsi yang terhasil daripada aktiviti tersebut.
- ii) Fungsi terpendam - Fungsi dalam sesuatu aktiviti yang tidak dikesan dan tidak diiktiraf. Biasanya fungsi ini bukan hanya tidak diterima oleh masyarakat, malah dibantahkan oleh masyarakat.

Berdasarkan teori fungsionalisme, sama ada masyarakat mengiktiraf mahupun tidak mengiktiraf tetapi kewujudan kedua-dua fungsi ini tetap berlaku dalam struktur sosial. Hal ini kerana kedua-dua fungsi ini memainkan peranannya tersendiri dalam kehidupan sosial masyarakat.

Selain itu, teori fungsionalisme juga mengemukakan sebuah lagi istilah yang dikenali sebagai disfungsi (*dysfunctional*) dalam teori fungsionalisme (Rohana Yusuf, 2010, p.17). Disfungsi ini adalah sesuatu proses sosialisasi yang tidak sesuai diadaptasi dalam struktur sosial. Tetapi, hal ini juga memainkan fungsi-fungsi tertentu dalam usaha meneruskan proses sosialisasi pada arah yang lain. Sebagai contohnya, kemiskinan adalah dirujuk sebagai disfungsi. Namun demikian unsur kemiskinan mampu membuatkan manusia berusaha gigih untuk memulihkan kedudukannya (Merton Robert, 1968, p.104).

Pada dasarnya fungsi dalam struktur sosial membawa makna-makna tertentu terhadap aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat. Manakala fungsi ini pula haruslah dilakukan untuk mengekalkan kehidupan sosial yang harmoni (Alex Inkeles, 1965, p.35). Teori fungsionalisme menyatakan bahawa setiap institusi sosial mempunyai struktur sosial tersendiri yang merangkumi bahagian-bahagian tertentu dalam usaha menggerakkan institusi sosial tersebut. Manakala setiap bahagian dalam struktur juga mempunyai fungsinya yang menjadi asas kepada pergerakan struktur tersebut. Jika tiada fungsi maka struktur dalam unit-unit sosial boleh tergugat (Rohana Yusuf, 2010, p.17).

Pada dasarnya teori fungsionalisme berperanan dalam usaha mengekalkan dan memelihara struktur-struktur yang wujud dalam institusi sosial (Yorburg, 1982, p.156). Radcliffe Brown (1956, p.189), merujuk fungsi sebagai sumbangan untuk meneruskan kewujudan struktur sosial dalam kalangan masyarakat. Dengan itu, fungsi membuatkan individu dan institusi-institusi sosial supaya mencapai tujuan dan matlamat mereka. Hal ini kerana, fungsi dikatakan memelihara kesinambungan struktur dalam proses kehidupan sosial melalui aktiviti dan perhubungan sosial dalam kelompok masyarakat yang tersusun. Kehidupan sosial inilah yang ditafsirkan sebagai fungsi dalam sesuatu struktur sosial (Steven Vago, 2004, p.65).

Pada masa yang sama, fungsi yang berlaku dalam institusi sosial juga mengawal struktur sosial yang sedia ada (Merton Robert, 1968, p.104). Struktur sosial yang biasanya merujuk kepada kedudukan dan jawatan dalam institusi sosial membentuk ketaksamaan sosial. Tetapi teori fungsionalisme pula cuba memberikan makna kepada sistem struktur tersebut melalui fungsinya untuk menjustifikasikan kewujudan ketaksamaan dalam sesuatu

institusi sosial (Alex Inkeles, 1965, p.35). Itulah antara sebab mengapa dikatakan bahawa teori struktural-fungsional lebih memberikan perhatian terhadap susunan sosial yang mengekalkan struktur sosial (Yorburg, 1982, p.155).

Dalam pada ini, aktiviti yang dijalankan oleh individu menjadi asas kepada kewujudan fungsi. Segala aktiviti yang dijalankan dalam kehidupan sosial seperti hukuman kepada kesalahan, upacara kematian dan sebagainya adalah membawa kepada terhasilnya fungsi yang meneruskan struktur sosial (Steven Vago, 2004, p.65). Dengan kata lain, setiap keperluan asas membawa kepada kewujudan institusi sosial. Institusi sosial pula menghasilkan sesuatu struktur organisasi yang mempunyai ahli-ahli. Manakala setiap ahli pula harus berfungsi mengikut peranan dan tanggungjawab mereka untuk melanjutkan institusi tersebut (Fatimah Daud, 1992, p.16).

Teori struktural-fungsional membuatkan dan memberikan semangat kepada masyarakat untuk meneruskan struktur dalam institusi untuk diteruskan daripada generasi ke generasi. Hal ini kerana manusia dikatakan sentiasa mencari makna atas aktiviti yang dilakukan oleh mereka. Manakala teori ini pula memberikan justifikasi kepada setiap struktur sosial yang wujud melalui fungsinya. Perkara ini didapati mengekalkan susunan struktur dalam kehidupan sosial masyarakat (Rohana Yusuf, 2010, p.17).

2.6.1. Ketaksamaan Sosial Dan Teori Struktural-Fungsional

Pada umumnya struktur sosial ini menjadi asas dalam pembentukan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat kerana hal ini menghasilkan kedudukan yang berbeza berdasarkan fungsi yang ditentukan dalam struktur sosial tersebut. Menurut teori ini, ketaksamaan sosial dikatakan wujud dalam dua bentuk. Yang pertamanya, kedudukan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepentingan fungsi dalam sesuatu organisasi. Yang keduanya, seseorang individu adalah diisi pada kedudukan dalam struktur sosial berdasarkan kebolehan dan kepakaran yang dimilikinya. Pada amnya kedua-dua pendekatan ini adalah saling berkait antara satu-sama lain (Kntya Marippan, 2000, p.50).

Dalam struktur sosial wujud pelbagai kedudukan dan jawatan untuk diisi oleh individu bagi melaksanakan fungsinya mengikut peranan dan tanggungjawab. Biasanya sesuatu struktur organisasi akan mempunyai jawatan yang banyak. Tetapi setiap satu jawatan tersebut berbeza dari segi kedudukan dan fungsinya. Teori fungsionalisme mengemukakan tiga jenis kedudukan atau jawatan yang wujud berdasarkan pada sistem sosial yang sedia wujud (George Ritzer, 1992, pp.235-236):-

- i) Jawatan yang umum. Jawatan ini merupakan kedudukan yang senang untuk diperolehi. Pekerjaan biasa yang tidak mementingkan kepakaran dan kelulusan akademik adalah dikategorikan dalam jawatan ini.
- ii) Jawatan yang penting untuk masyarakat. Jawatan ini pula memainkan fungsi yang penting dalam memenuhi keperluan asas dalam kehidupan sosial. Kerja guru adalah dikategorikan dalam jawatan ini kerana mereka memberikan

sumbangan besar dalam melahirkan generasi berilmu untuk menggerakkan kehidupan sosial manusia ke arah kemajuan.

- iii) Jawatan yang memerlukan kelulusan dan kepakaran. Jawatan jenis ini adalah terhasil daripada kebolehan dan kepakaran tinggi yang tidak dimiliki oleh masyarakat biasa. Jawatan dalam kedudukan ini diperkembangkan melalui latihan yang berterusan.

Dalam pada ini, setiap kedudukan dikatakan mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri. Persekitaran dan kepentingan sosial adalah faktor-faktor asas dalam menentukan keutamaan terhadap fungsi-fungsi yang terhasil daripada aktiviti-aktiviti sosial (Noran Fauziah Yaakub, 1987, p.132). Manakala individu pula dikatakan dibayar ganjaran berdasarkan kepentingan fungsi dalam sosialnya. Hal ini pula dikatakan menghasilkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat dari segi pemerolehan kedudukan yang berbeza yang menentukan status, kuasa dan kedudukan ekonomi yang berbeza (George Ritzer, 1992, p.236).

Walau bagaimanapun, idea ini turut dikritik oleh sarjana-sarjana sosial yang lain. Mereka menyatakan bahawa, adalah sukar untuk menentukan kepentingan terhadap sesuatu jawatan kerana hal ini boleh berubah mengikut kehendak masa. Fungsi yang dilakukan oleh seseorang guru adalah lebih penting kepada masyarakat berbanding dengan fungsi seorang pelakon. Tetapi ganjaran yang diperolehi oleh seseorang pelakon adalah lebih tinggi berbanding dengan seorang guru. Dengan itu para pengkritik teori ini berpendapat bahawa teori ini masih ada kekurangannya (Yorburg, 1982, p.156).

Manakala bentuk kedua pula menyatakan bahawa manusia adalah diisi pada jawatan berdasarkan kebolehan dirinya. Manusia biasanya mempunyai bakat-bakat tertentu yang dapat membezakan diri mereka dengan orang lain. Manakala bakat ini pula diperkembangkan melalui latihan dan distabilkan menerusi kelulusan (Noran Fauziah Yaakub, 1987, p.132). Berdasarkan teori fungsionalisme, manusia adalah dimuatkan dalam struktur sosial berdasarkan kebolehan dan bakat yang dimiliki untuk memainkan peranan dan fungsi mereka.

Penempatan ini adalah dibuat berdasarkan keperluan masyarakat dalam sistem sosial dan bukannya berasaskan kehendak individu (Yorburg, 1982, p.157). Manakala orang yang mempunyai bakat dan kelulusan yang tinggi adalah berkelayakan untuk memegang jawatan-jawatan yang tinggi dan dengan itu mereka juga berpeluang untuk memperoleh ganjaran dalam pelbagai bentuk seperti gaji yang tinggi, kedudukan status yang berprestij, anugerah, keistimewaan sosial dan sebagainya (Kntya Marippan, 2000, p.50).

Keadaan ini juga menghasilkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat dari segi pengagihan ganjaran sosial yang berbeza. Namun demikian teori ini juga memberikan justifikasi kepada ketaksamaan ini. Berdasarkan teori ini, jika ganjaran ini tidak diberikan, ianya akan merendahkan minat manusia untuk memegang jawatan-jawatan tersebut yang memerlukan usaha dan pengorbanan yang tinggi. Jika wujudnya masalah dalam kekurangan tenaga kerja yang berbakat untuk memenuhi jawatan-jawatan tertentu, maka ia akan memberikan kesan kepada institusi-institusi sosial yang lain (George Ritzer, 1992, p.236).

Walaupun bagaimanapun pendapat ini juga mendapat kritikan. Para ahli sosiologi menyatakan bahawa bukan semua jawatan dalam organisasi adalah diisi berdasarkan kelayakan dan kelulusan. Faktor-faktor lain seperti warisan, pengaruh politik, kuasa dan sebagainya juga mempengaruhi usaha memuatkan jawatan-jawatan dalam struktur organisasi. Oleh yang demikian, pendekatan ini juga dikatakan mempunyai kekurangan (Yorburg, 1982, p.156).

Walaupun teori struktural-fungsional ini dikatakan mempunyai kekurangan, tetapi teori inilah yang didapati paling dekat untuk menguji kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana, teori ini menyatakan bahawa ketaksamaan sosial disokong oleh norma dan nilai yang diterima dan dikongsi bersama oleh masyarakat. Nilai dan norma ini dijadikan sebagai panduan dalam teori struktural-fungsional untuk menentukan dan memberikan justifikasi kepada kewujudan kedudukan dalam struktur sosial. Norma dan nilai menentukan kriteria dalam proses penilaian kedudukan sosial dalam pelbagai institusi sosial (Kntya Marippan, 2000, p.50). Sebagai contohnya, kedudukan seseorang doktor harus diberi status dan ganjaran yang tinggi kerana mereka memainkan fungsi yang penting dalam usaha merawat dan menyelamatkan nyawa. Masyarakat juga menerima hakikat ini berasaskan penilaian terhadap kepentingan perkhidmatan pengamal perubatan dalam kehidupan sosial. Dengan ini ganjaran yang tinggi kepada golongan pakar ini adalah tidak dipersoalkan sebaliknya diterima.

Ahli-ahli teori fungsionalisme menyatakan bahawa ketaksamaan sosial adalah perlu untuk meneruskan kehidupan masyarakat. Hal ini kerana ketaksamaan sosial yang terhasil daripada fungsionalisme akan memberikan semangat kepada mereka untuk membangunkan

kehidupan mereka menerima penambahbaikan kebolehan dan bakat diri melalui kelulusan dan latihan-latihan tertentu (Yorburg, 1982, p.157).

2.6.2. Teori Struktural-Fungsional Dan Penggunaannya Dalam Kajian Semasa

Teori struktural-fungsional ini didapati sesuai digunakan dalam kajian semasa pada mengkaji aspek status sosial, kelas sosial dan kuasa sepertimana yang digambarkan dalam FFTM. Hal ini kerana struktur sosial adalah aspek yang sedia wujud dalam kajian tentang ketaksamaan sosial. Oleh yang demikian, hal ini memberikan panduan kepada pengkaji untuk mengenalpasti ketaksamaan sosial yang wujud dalam pelbagai institusi sosial yang digambarkan dalam bahan kajian iaitu FFTM. Pada masa yang sama kepentingan fungsi dalam setiap struktur juga diteliti dalam kajian untuk memberikan sebab-sebab kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia.

Teori struktural-fungsional ini juga memberikan panduan awal untuk mengenal pasti apakah fungsi yang diterima dan tidak diiktiraf oleh masyarakat. Hal ini kerana mereka yang melakukan fungsi yang tidak diiktiraf pula berkemungkinan untuk kehilangan kedudukan status sosial mereka. Pada masa yang sama pendekatan disfungsi juga dapat digambarkan dalam penelitian kedudukan sosial yang tidak disenangi oleh masyarakat, tetapi masih wujud dalam sistem kehidupan sosial.

Teori ini memberikan tumpuan kepada dua aspek yang asas dalam kewujudan ketaksamaan sosial iaitu terhadap muatan individu dalam struktur sosial mengikut

kepentingan fungsi dan mengikut kebolehan dan bakat diri mereka. Hal ini juga diangkat dalam kajian semasa dalam usaha mengenalpasti ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat sepertimana yang digambarkan dalam FFTM dari segi kedudukan mereka dalam struktur sosial.

Dengan menggunakan teori ini pengkaji bukan sahaja dapat mengenalpasti kewujudan ketaksamaan sosial berasaskan struktur yang sedia wujud dalam institusi-institusi sosial sepertimana yang digambarkan dalam FFTM, tetapi juga dapat memberikan makna dan justifikasi terhadap perbezaan kedudukan sosial tersebut. Makna-makna inilah yang akan menentukan tahap kepentingan setiap kedudukan dalam institusi-institusi sosial yang menghasilkan ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat Tamil Malaysia.

2.7. Teori Konflik

Teori konflik adalah sebuah lagi teori yang sering kali digunakan dalam kajian tentang ketaksamaan sosial. Teori ini telah diasaskan oleh Karl Marx dan telah diperkembangkan oleh tokoh-tokoh Mills Cozer, Dharendrof dan sebagainya (Rohana Yusuf, 2010, p.22). Sebenarnya teori ini membincangkan tentang perubahan yang terhasil daripada perbezaan yang wujud dalam struktur sosial. Pada dasarnya teori ini telah dihasilkan berasaskan kepada kedudukan kelas sosial yang membawa kepada ketidakseimbangan ekonomi yang wujud dalam kalangan masyarakat (Kntya Marippan, 2000, p.57).

Teori konflik secara keseluruhannya adalah merujuk kepada konflik yang wujud dalam kalangan masyarakat berdasarkan penderitaan yang membawa kepada persaingan antara kelompok-kelompok sosial yang membawa kepada perubahan sosial. Penderitaan dan persaingan yang wujud ini adalah terhasil daripada unsur ketaksamaan dalam bidang ekonomi dan kuasa. Maka konflik yang wujud dalam kalangan masyarakat dilihat sebagai unsur yang berkuasa dalam membawa perubahan struktur sosial (Paul Sites, 1973, p.95).

Berasaskan teori ini, masyarakat dikatakan sebagai kumpulan yang sentiasa menghadapi pertelingkahan dalam pembahagian komoditi secara sama rata. Teori konflik dikatakan lebih memberikan keutamaan kepada perubahan struktur yang sedia ada. Hal ini kerana perbezaan yang wujud daripada struktur sosial dirujuk sebagai punca kepada kewujudan konflik. Manakala perubahan sosial pula dipercayai hanya boleh terhasil daripada konflik (Steven Vago, 2004, p.58). Menurut Dahrendorf (1959, p.27), dunia kini tidak akan bergerak tanpa konflik kerana sifat inilah yang menjadi asas kepada proses perubahan struktur sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

Pada dasarnya kajian tentang teori konflik ini terhasil dalam dua pendekatan iaitu teori konflik Marxisme dan teori konflik bukan Marxisme. Kedua-dua pendekatan ini mengemukakan punca yang berlainan bagi kewujudan konflik.

2.7.1. Pendekatan Teori Konflik Marxisme

Teori konflik Marxisme adalah sebuah pendekatan yang sepenuhnya berasaskan ideologi kewujudan kelas sosial (Fatimah Daud, 1992, p.39). Pendekatan ini lebih memberikan tumpuan pada kedudukan ekonomi yang membawa perbezaan antara golongan kapitalis dan buruh. Karl Marx (1959, p.43), berpendapat bahawa keseluruhan kehidupan masyarakat adalah sepenuhnya dipengaruhi oleh faktor ekonomi. Pada dasarnya pendekatan teori konflik Marxisme mengemukakan kewujudan dua struktur. Yang pertama adalah struktur asas yang terhasil daripada bidang ekonomi. Yang kedua adalah struktur atas yang terhasil daripada institusi-institusi sosial yang lain seperti politik, pentadbiran, kerajaan, norma kebudayaan, kepercayaan, agama, pendidikan dan sebagainya (Steven Vago, 2004, p.59).

Struktur asas yang merujuk kepada kedudukan ekonomi adalah terhasil daripada aktiviti pengeluaran yang membawa perbezaan dalam kalangan masyarakat. Menurut Karl Marx dan rakaninya Engels (1976, p.43), sejarah perkembangan kehidupan manusia itu sendiri telah berkembang daripada bidang ekonomi yang berasaskan proses pengeluaran, pendedaran dan perkongsian barangan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini menggambarkan kepentingan ekonomi dalam membawa perubahan pada kehidupan sosial masyarakat. Hal ini kerana, perubahan yang berlaku dalam bidang ekonomi turut membawa perubahan dalam struktur sosial atas (Marx, 1959, p.44).

Pada umumnya teori ini menyatakan bahawa, pengeluaran menjadi asas dalam memenuhi keperluan dan kehendak manusia. Proses pengeluaran pula meningkatkan

bilangan golongan pekerja mengikut kebolehan mereka dalam bidang-bidang tertentu. Pada masa yang sama pengeluaran juga didapati meningkatkan kekayaan dalam kalangan pemilik modal dan harta. Peningkatan kekayaan dalam kalangan golongan berada pula membuka ruang kepada kewujudan ketaksamaan sosial yang ketara antara golongan pemilik dengan buruh.

Maka hal ini akan menyebabkan berlakunya pergelutan dan perebutan kelas sosial dalam kalangan masyarakat untuk mengubah kedudukan mereka dalam kehidupan sosial. Perkara ini pula membawa kepada kewujudan struktur politik tersendiri dalam kelas-kelas yang berbeza untuk memperjuangkan dan menjaga hak masing-masing. Pada akhirnya keadaan ini membuka ruang kepada berlakunya revolusi yang membawa kepada perubahan dalam struktur sosial yang sedia ada (Duke James, 1976, p.28). Proses inilah yang menjadi asas kepada berlakunya konflik yang membawa kepada perubahan dalam kehidupan sosial.

Teori ini menyatakan bahawa perbezaan kelas muncul daripada pemilikan sumber-sumber sosial seperti tanah, modal, sumber tenaga yang tidak sama rata dalam kalangan masyarakat. Berasaskan teori ini, golongan kapitalis dikatakan mempunyai kuasa dalam mengawal dan menentukan pengeluaran kerana mereka ini mempunyai sumber modal dan tanah. Manakala golongan pekerja pula hanya mempunyai sumber tenaga untuk dijual kepada kapitalis dalam bentuk pekerja untuk memperoleh upah (Bates Doob, 2000, 134). Hal ini pula membawa kepada ketaksamaan sosial yang ketara dalam kalangan masyarakat. Bukan itu sahaja, perlucutan terhadap sumber tenaga buruh juga membuatkan golongan buruh kehilangan kedudukan sebagai kelas buruh. Hal ini dikatakan membawa konflik

dalam kalangan buruh untuk bersaing dengan golongan kapitalis untuk memperjuangkan hak-hak mereka (Kntya Marippan, 2000, p.60).

Pendekatan konflik Marxisme turut menyatakan bahawa persaingan antara golongan buruh dan kapitalis adalah suatu perkara yang biasa berlaku apabila sumber ekonomi hanya dikongkong sepenuhnya oleh golongan kapitalis (Steven Vago, 2004, p.60). Hal ini pula dikatakan membawa kepada berlakunya pergelutan sosial antara mereka. Keadaan ini disebabkan oleh bertambahnya penguasaan ekonomi oleh golongan berada. Sementara itu, perkara ini membawa implikasi yang sebaliknya kepada golongan buruh yang menjadi semakin miskin. Hal ini juga dikatakan membawa kepada kewujudan konflik dalam kalangan buruh (Kntya Marippan, 2000, p.60).

Seterusnya, satu lagi keadaan yang dikemukakan oleh teori ini ialah kewujudan kesedaran kelas dalam kalangan buruh. Pada amnya golongan kapitalis sentiasa berusaha untuk mengekalkan kedudukan ekonomi mereka supaya dapat ditambahkan pada tahap maksimum. Manakala golongan buruh pula yang ditindas oleh golongan kapitalis akan berusaha untuk mengeluarkan diri mereka daripada belenggu kemiskinan dan kawalan kapitalis. Hal ini juga akan menghasilkan konflik dalam kalangan mereka untuk berjuang demi kepentingan mereka. Kesedaran tentang kelas ini akan membawa kepada perubahan sosial dalam usaha mengurangkan ketaksamaan sosial (Fatimah Daud, 1992, p.45).

2.7.2. Pendekatan Teori Konflik Bukan Marxisme

Pendekatan teori konflik bukan Marxisme adalah diperkembangkan oleh sarjana-sarjana seperti Ralf Dahrendrof, Gerhard Lenski dan Rondall Collind. Sarjana-sarjana tersebut mendekati teori konflik dari sudut pandangan kuasa dan paksaan sebagai punca asas kepada kewujudan konflik (Kntya Marippan, 2000, p.50).

Teori ini menyatakan bahawa kuasa yang dimiliki oleh golongan berada dan pemerintah menjadi asas kepada pendominasian mereka terhadap golongan buruh. Kuasa ini turut mengawal segala bentuk kehidupan mereka. Pendekatan ini merujuk pada unsur kuasa sebagai faktor utama dalam kewujudan konflik dalam kalangan masyarakat (Steven Vago, 2004, p.61). Menurut Ralf Dahrendrof (1959, p.176), kumpulan masyarakat dibahagikan kepada golongan yang mempunyai otoriti dan tidak mempunyai otoriti. Maka konflik ini dikatakan wujud daripada struktur sosial yang tidak mengimbangi kuasa dalam kalangan masyarakat.

Individu atau kelompok yang mempunyai kuasa biasanya akan mengenakan kawalan dan pendominasian mereka terhadap golongan bawahan. Hal ini pula akan menjadi punca untuk berlakunya penindasan dan pemaksaan terhadap golongan bawahan dalam usaha meningkatkan pengeluaran yang tinggi bagi mengaut keuntungan yang banyak. Pada masa yang sama, golongan yang berkuasa juga tidak memberikan upah yang sepatutnya kepada golongan buruh (Fatimah Daud, 1992, p.40). Perkara ini membawa kepada berlakunya konflik dalam kalangan buruh. Konflik ini pula akan menguatkan ketegangan antara golongan kapitalis dan buruh yang menyebabkan berlakunya pemberontakan.

Manakala pemberontakan ini berpeluang membuka ruang kepada kewujudan perubahan sosial (Paul Sites, 1973, p.99).

Golongan yang berkuasa sentiasa berpeluang besar untuk memiliki sumber-sumber sosial yang banyak. Hal ini menyebabkan berlakunya kekurangan sumber dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini menjadi lebih tegang apabila golongan bawahan menghadapi masalah untuk memenuhi keperluan asas dalam kehidupan sosial mereka. Hal ini pula akan mewujudkan konflik dalam kalangan masyarakat untuk berjuang demi memenuhi keperluan mereka (Kntya Marippan, 2000, p.64).

Ralf Dahrendrof (1967, p.480) menyatakan bahawa manusia adalah sukar untuk terlepas daripada berlakunya konflik dalam kehidupan sosial. Hal ini kerana, di mana jua wujudnya organisasi masyarakat maka wujud juga struktur sosial. Struktur ini pula membentuk kedudukan yang berbeza dan membahagikan kuasa mengikut kedudukan. Hal ini akan membentuk konflik yang akhirnya membawa kepada perubahan sosial.

Secara keseluruhannya istilah konflik yang dirujuk dalam teori konflik bukan bermaksud masalah. Konflik ini adalah suatu keadaan yang memberikan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk membawa perubahan sosial (Lewis, 1956, p.153). Dalam pada teori ini konflik yang berasaskan ekonomi mahupun kuasa adalah merujuk kepada ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat. Jurang perbezaan antara golongan berada dengan golongan bawahan membawa kepada pelbagai perbezaan yang wujud dalam kalangan mereka. Pada masa yang sama perbezaan ini juga membuka ruang kepada berlakunya tindakan-tindakan sosial yang membawa kepada perubahan sosial.

perubahan sosial ini dipercayai akan mengurangkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat (Kntya Marippan, 2000, p.57).

2.7.3. Teori Konflik dan Penggunaannya Dalam Kajian Semasa

Kajian semasa adalah berkaitan dengan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia sepertimana yang digambarkan dalam FFTM. Oleh hal yang demikian, teori konflik ini didapati sesuai digunakan dalam kajian semasa kerana ianya memberikan panduan kepada pengkaji untuk meneliti perbezaan antara golongan kaya dan miskin yang wujud dalam kalangan masyarakat. Kewujudan ketaksamaan sosial antara golongan berada dan miskin adalah stratifikasi sosial yang nyata sekali. Hal ini juga menjadi punca kepada berlakunya pelbagai masalah dalam kalangan sesuatu kelompok masyarakat.


Dalam kajian semasa teori ini dijadikan landasan untuk menganalisis tentang ketaksamaan dan konflik yang wujud daripada perbezaan kelas sosial. Dengan adanya teori ini pengkaji dapat mengenalpasti bentuk ketaksamaan kelas sosial yang digambarkan dalam FFTM. Pada masa yang sama, teori ini juga dapat memacu kajian semasa kearah mencari makna berlakunya berbezaan kelas sosial dalam kalangan kelompok masyarakat Tamil Malaysia yang seterusnya membina ketaksamaan sosial.

Selain itu, pendekatan teori ini juga dapat dimanfaatkan dalam kajian ini pada penelitian terhadap kuasa yang membentuk ketaksamaan sosial. Teori konflik juga didapati sesuai untuk mengkaji ketegangan yang wujud di antara golongan berkuasa dan golongan

buruh sepertimana yang digambarkan dalam FFTM. Penindasan golongan berkuasa terhadap golongan lemah, pandang rendah terhadap mereka, masalah yang dihadapi oleh golongan miskin juga dapat diteliti berlandaskan teori ini. Penggunaan kuasa dalam institusi keluarga juga dapat ditafsirkan berdasarkan teori ini dalam pemikiran kewujudan ketaksamaan sosial berasaskan adegan-adegan dalam FFTM.

2.8. Teori Semiotik

Rajah 2.4: Kerangka Teori Semiotik



Kerangka teori semiotik ini direka oleh pengkaji berdasarkan kehendak kajian semasa. Kerangka ini secara umumnya menerangkan tentang makna dan perkembangan teori semiotik dalam bidang kajian sosiologi. Teori semiotik sebenarnya mempunyai beberapa sub teori mengikut bidang kajian yang tertentu. Dalam kajian semasa tiga buah sub teori (Semiologi Komunikasi, Kod-Kod Budaya dan Semiotik Sosiologi) dikenalpasti dan diaplikasikan dalam kajian semasa.

Teori semiotik adalah popular dalam kajian berkaitan dengan bidang bahasa, linguistik, budaya dan sosial. Teori ini mengkaji tentang ilmu tanda (*sign*) berasaskan makna yang terbentuk dalam sesuatu kajian (Innis, 1985, p.vii). Semiotik juga adalah kajian

saintifik terhadap tanda dan maknanya (Mariana Valverde, 2006, p.17). Teori semiotik menyatakan bahawa sesuatu tanda boleh memberikan makna, maka ia boleh menghasilkan fungsi yang dapat digunakan. Dengan itu, setiap tanda dapatlah dinilai berdasarkan teori semiotik (Albert Sebeok, 1994, p.3).

Istilah semiotik berasal daripada bahasa Greek, '*semion*' yang membawa maksud tanda (Bronwen Martin & Felizitas Ringham, 2006, p.1). Semiotik bukan semata-mata mengkaji tanda tetapi ia menyelidik tentang kesemula jadian tanda untuk digunakan dalam pemahaman terhadap sesuatu perkara yang berhubung dengan manusia dalam hal-hal duniawi (Daniel, 2008, p.436).

Biasanya, jika wujudnya tanda maka sudah tentu akan wujud interpretasi (Morris, 1985, p.181). Interpretasi itu mungkin merujuk kepada makna asal tanda tersebut ataupun lebih daripada makna asal (Albert Sebeok, 1994, p.34). Hal ini kerana interpretasi terhadap sesuatu tanda itu boleh dilakukan dalam pelbagai sudut pandangan dan bentuk yang mungkin membawa kepada makna yang berlainan mengikut kepakaran dan sudut pandangan seseorang pengkaji (Morris, 1985, p.181).

Teori semiotik telah muncul pada zaman Greek lagi iaitu sejak zaman Plato (427-347sm) dan Aristotle (384-322sm). Kedua-dua tokoh ini telah memperkenalkan ideologi semiotik melalui teori bahasa (Umberto, 1979, p.78). Walaupun dikatakan wujud sejak

zaman klasik lagi, teori ini hanya mendapat perhatian para sarjana sejak abad yang ke-17 masihi (Mariana Valverde, 2006, p.17).

Perkataan ‘semiotik’ ini sebenarnya telah diperkenalkan oleh sarjana yang bernama John Loche dengan istilah ‘semiotika’ (Charles Moris, 1985, p.178). Walaupun istilah ini diperkenalkan oleh John Loche, tetapi perkembangan dan pembangunan teori ini hanya terhasil daripada usaha yang telah dilakukan oleh dua orang tokoh yang popular dalam bidang ini iaitu Charles Sander Peirce (1839-1914) dan Ferdinan De Saussere (1857-1913) (Mariana Valverde, 2006, p.17).

Peirce telah menggunakan teori semiotik dalam bidang komunikasi yang mempunyai kaitan dengan kehidupan sosial dan juga kebudayaan masyarakat (Siti Chamamah Soeratno, 1999, pp.107-108). Penemuan utama Peirce dalam kajian tentang semiotik adalah ikon, Indeks dan simbol (Berger Arthrasa, 1985, p.15). Peirce telah menggunakan teori ini dalam usaha mengkaji tentang aspek-aspek sosiologi. Beliau merujuk tanda sebagai perkara yang boleh membawa makna-makna tertentu (Peirce, 1985, pp.4-5).

Saussere telah menggunakan teori semiotik dalam kajian bahasa dan linguistik (Brown Martin & Felizitas Ringham, 2006, p.3). Beliau telah membangunkan teori semiotik berasaskan dasar-dasar linguistik dan mengembangkan bahasa sebagai suatu sistem tanda yang tersendiri (Terence Hawakey, 1977, p.124).

Selain mereka berdua ini, terdapat beberapa orang sarjana telah memberi sumbangan dalam perkembangan teori semiotik. Sarjana-sarjana seperti Charles Morris (1903-1979), Thomas Sobeok (1920-2001), C.K.Ogden (1889-1957), William James (1842-1910), I.A.Richards (1893-1979), John Dewey (1859-1952), J.L.Austin (1911-1960), Roland Barther (1915-1980), Claude Levi Strauss (1908-2009), Louis Hjelmslev (1899-1965), Eric Buysens (1910-2000), Algirdass Julien Greimas (1917-1992) dan Luis Prieto (1926-1996) adalah senarai tokoh-tokoh yang telah membangunkan ideologi semiotik dalam pelbagai sudut pandangan (Brown Martin & Felizitas Ringham, 2006, pp.213, 222, 225, 231 & 234).

Selain daripada tokoh-tokoh tersebut, sarjana Umberto ECO (1932) juga telah memainkan peranan penting dalam perkembangan teori semiotik (Bianchi & Gieri, 2009, p.17). Beliau menyatakan bahawa ‘apa-apa yang dirujuk sebagai lambang itu sebenarnya tiada’. Menurut beliau lambang adalah kesan akibat daripada pertembungan dua sistem yang berlainan (Umberto, 1984, p.134). Beliau juga menyatakan bahawa tanda itu bukan setakat mewakili sesuatu untuk menyatakan sesuatu yang lain. Sebaliknya fungsi tanda adalah lebih mendalam berasaskan pendekatan Interpretasi. Beliau juga menggunakan teori ini dalam bidang kritikan filem dan juga penggunaannya dalam saluran media yang lain (Brown Martin & Felizitas Ringham, 2006, pp.220-221).

2.8.1. Semiotik

Teori semiotik pada dasarnya boleh membentuk makna dalam sesebuah kajian. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa pengkaji diberi peluang dan kebebasan untuk penginterpretasi makna-makna yang terbentuk daripada penyelidikan dan penemuan kajian (Kurniawan, 2001, p.119).

Saussere (1959, p.16) mendefinisikan teori semiotik sebagai ilmu pemahaman tentang tanda dalam kehidupan sosial masyarakat. Beliau melihat tanda sebagai falsafah sosial yang mengkaji tentang kehidupan masyarakat. Beliau juga merujuk semiotik sebagai pendekatan saintifik. Beliau menyatakan bahawa bahasa adalah suatu sistem tanda seperti mana tanda-tanda yang lain yang membawa makna-makna tertentu. Beliau juga turut melihat tanda sebagai fenomena sosial. Saussere (1985, pp.34-35) lebih melihat penggunaan teori semiotik dan tanda dalam kajian tentang kepada bahasa dan linguistik yang membawa makna berasaskan fungsinya.

Sarjana bernama Charles Morris (1985, p.178) menyatakan bahawa tanda adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan sosial. Beliau melihat tanda sebagai lambang gantian untuk sesuatu perkara yang lain. Oleh yang demikian, Interpretasi adalah diutamakan dalam kajian tentang semiotik. Jika tidak ada Interpretasi maka makna sesuatu tanda itu sukar untuk ditemui (Parera, 2004, p.9).

Secara umumnya dapat dikatakan bahawa semiotik adalah sesuatu teori yang mempunyai kepentingan dalam kehidupan sosial dan fungsi teori ini terbentuk dalam tanda. Justeru itu, ada baiknya mengenali apa yang dimaksudkan dengan tanda sebelum menggunakan teori ini dalam kajian semasa.

2.8.2. Tanda (*sign*)

Tanda (*sign*) dalam semiotik dikatakan sebagai bukti yang terbentuk secara tidak langsung yang mewujudkan beberapa kesimpulan berasaskan makna yang diinterpretasikan. Tanda dikatakan boleh menyatakan adanya hal yang lain secara langsung atau tidak langsung (Sinha dan Chris, 1988, p.3). Semua perkara yang wujud dalam sosiologi dapatlah ditafsirkan sebagai tanda dengan syarat kesemua yang dirujuk sebagai tanda itu mesti menghasilkan makna-makna tertentu secara logik (Peirce, 1985, p.18).

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa makna memainkan peranan penting dalam kewujudan sesuatu tanda. Maksud ini boleh ditafsirkan berdasarkan imaginasi, ilmu, pengalaman dan kebolehan interpretasi seseorang individu. Kebolehan Interpretasi ini membuka ruang kepada pengkaji untuk menghasilkan mesej daripada makna yang terkandung dalam sesuatu tanda. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa makna yang terkandung dalam tanda itu akan mewakili sesuatu mesej (Bronwen Martin & Felizitas Ringham, 2006, pp.185-186).

Dalam kajian tentang tanda, fungsi tanda tersebut dirujuk sebagai perkara yang paling utama. Fungsi sesuatu tanda itu boleh membawa kepada tindakan sewajarnya dan juga akan membentuk makna (Albert Sebeok, 1994, p.3). Sebagai contohnya, lampu isyarat jalan raya adalah tanda yang berfungsi untuk memberikan arahan kepada pengguna jalan raya sama ada untuk berhenti ataupun bergerak. Dalam hal ini, makna yang terbentuk daripada fungsi lampu isyarat adalah mengelakkan kemalangan, menjaga keselamatan pengguna dan melancarkan perjalanan secara sistematik tanpa sebarang gangguan di jalan raya. Dengan ini fungsi dalam sesuatu tanda itu dilihat sebagai aspek yang penting dan juga membentuk makna. Walau bagaimanapun sesuatu tanda adalah tidak boleh berfungsi jika tanda itu tidak difahami sebagai tanda dalam kalangan pengguna (Parmentier, 1994, p.4).

Peirce (1985, p.5-7) pula mentafsirkan tanda sebagai segala sesuatu yang ada pada seseorang untuk menyatakan sesuatu perkara yang lain dalam beberapa hal. Beliau juga memberikan kepentingan terhadap makna yang terbentuk dalam sesuatu tanda. Menurut Peirce tanda menyatakan makna dalam tiga bentuk iaitu:-

- i) Tanda boleh memberikan maknanya berdasarkan keaslian tanda tersebut ataupun berdasarkan peraturan umum tanda tersebut.
- ii) Tanda memberikan makna berdasarkan perwatakan yang dimiliki oleh tanda itu atau berdasarkan objek yang menentukan kedudukannya.
- iii) Makna terhasil dalam sesuatu tanda berdasarkan interpretasi yang merujuk kepada sebab dan bukti.

Selain itu, bahasa juga dilihat sebagai sebuah tanda dalam teori semiotik (Albert Sebeok, 1994, p.10). Saussure (1988, p.5) mentafsirkan bahasa sebagai benda yang terlepas daripada penutur dan bukan ciptaan individu. Beliau turut menyatakan bahawa bahasa adalah fakta sosial kerana meliputi suatu golongan masyarakat dalam bentuk kelompok mahupun secara umum. Manakala sarjana Roland Barthes (1964, pp.14-16) pula menyatakan bahawa bahasa sebagai instrumen yang dapat melambangkan nilai sosial seseorang individu.

Setiap bahasa mempunyai bunyi yang dikemukakan melalui penutur sebagai tanda dan penerima. Hal ini adalah suatu proses perkongsian yang berlaku dalam fenomena tanda (Buhler, 1985, p.70). Bahasa adalah tanda identiti budaya dan memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial sesuatu golongan masyarakat (Kurniawan, 2001, p.51). Saussure (1985, pp.34-35) menegaskan bahasa sebagai suatu sistem tanda seperti mana tanda-tanda yang lain dan mempunyai makna-makna tersendiri.

Selain itu, Kod (*code*) juga merupakan tanda sosial yang memainkan peranan dalam aspek perhubungan. Kod sering kali dirujuk sebagai suatu sistem peraturan. Kod didapati menghubungkan pengirim (*Addresser*) dan penerima (*Addressee*) secara fizikal melalui maklumat yang harus difahami oleh kedua-dua belah pihak (Bronwen Martin & Felizitas Ringham, 2006, p.42).

Kod adalah tanda yang mempunyai sistem makna tersendiri (Kurniawan, 2001, p.20). Pada umumnya kod dapatlah dibahagikan kepada lima jeni seperti berikut:-

- i) Kod hermenutik – Kod ini dirujuk sebagai kod suara sebenar (*voice of truth*). Kod hermenutik juga dirujuk sebagai kod penceritaan atau naratif yang dapat mengkonkritkan permasalahan, melahirkan ketegangan sebelum memberikan jawapan benar (Stam, 2005, p.192).
- ii) Kod proairetik – Kod ini lebih merujuk kepada aksi dan kelakuan. Tindakan yang dilakukan oleh seseorang individu dapat dijadikan dalam beragam bentuk yang mungkin diindikasi. Kod ini boleh menentukan keputusan tindakan yang dilakukan yang merujuk kepada makna (Terence Hawkes, 1977, p.117).
- iii) Kod rujukkan – Kod rujukkan adalah berkaitan dengan pengetahuan untuk mengkonstruksi mitos-mitos yang tersebar dalam kehidupan sosial. Kod ini lebih merujuk kepada unsur-unsur yang berkaitan dengan budaya. Oleh yang demikian kod ini juga dirujuk sebagai kod budaya (Scott Simpkin, 2001, p.41).
- iv) Kod konotatif – Kod ini digunakan dalam membawa makna-makna tertentu kepada tanda isyarat, petunjuk dan sebagainya (Genosko, 1998, p.60).
- v) Kod simbolik – Kod ini adalah digunakan dalam teks kesusasteraan dan juga skrip filem untuk mengaturkan aspek-aspek budaya sosiologi berasaskan kepentingan dalam hasil karya (Kaja Silverman, 1983, p.270).

2.8.3. Teori Dan Sub Teori Dalam Semiotik

Teori semiotik mempunyai beberapa buah sub teori berdasarkan penggunaannya dalam bidang-bidang tertentu. Setiap bidang mempunyai sub teori yang sesuai untuk digunakan dalam kajian. Untuk kajian semasa, pengkaji hanya memilih tiga buah sub teori semiotik yang sesuai dengan kajian semasa. Ini termasuklah teori semiologi komunikasi, kod-kod budaya dan sosio semiotik.

2.8.4. Teori Semiologi Komunikasi Dan Penggunaannya Dalam Kajian Semasa

Teori semiologi komunikasi adalah sebuah pendekatan kumpulan semiotik yang hanya memberikan tumpuan kepada tanda-tanda yang disertai dengan maksud sama ada digunakan secara disedari atau tanpa disedari oleh pengirim dan penerima (Panuti sudjiman dan Aart van Zoest, 1996, p.33).

Teori ini didapati sesuai digunakan untuk penyelidikan ini kerana, kajian semasa meneliti tentang ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia seperti mana yang digambarkan dalam FFTM. Teori semiologi komunikasi melihat bagaimana segala aspek komunikasi menjadi tanda yang membawa maksud-maksud tertentu. Bentuk komunikasi ini dapat menunjukkan ketaksamaan sosial yang

wujud dalam kalangan masyarakat dari segi perkataan, nada, dialek dan juga reaksi yang ditonjolkan dalam sistem komunikasi mereka.

Bahasa adalah sebuah unsur yang penting dalam komunikasi. Semiotik merujuk bahasa sebagai sebuah tanda yang membawa kepada makna-makna tertentu dalam kehidupan sosial (Thibault, 1998, p.335). Makna itu adalah tercipta daripada perkataan. Melalui aspek tersebut, penggunaan perkataan oleh individu juga boleh dinilai dalam kajian semasa untuk mengetahui ketaksamaan sosial yang terhasil dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Bukan itu sahaja tetapi penggunaan gaya bahasa dan dialek bahasa juga dapat membentuk perbezaan dalam kalangan masyarakat dan boleh menentukan kedudukan sosial seseorang individu. Justeru itu, teori ini dapat membantu dalam kajian semasa untuk menilai kedudukan seseorang individu berdasarkan penggunaan bahasa yang terhasil dalam FFTM untuk mengenal pasti ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat.

Komunikasi ini adalah merujuk kepada komunikasi secara lisan dan tanpa lisan. (Bronwen Martin & Felizitas Ringham, 2006, p.113). Justeru itu, komunikasi tanpa lisan yang terbentuk dalam tulisan, ekspresi muka, pergerakan badan, isyarat, bunyi, muzik, imej, gambar dan sebagainya juga diguna pakai dalam kajian ini untuk kewujudan ketaksamaan sosial. Justeru itu, teori semiologi komunikasi didapati boleh memberikan satu panduan kepada pengkaji dalam usaha meneliti ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat dalam bentuk komunikasi secara lisan dan tanpa lisan.

2.8.5. Kod-Kod Budaya (*Cultural Code*) Dan Penggunaannya Dalam Kajian Semasa

Kod-kod budaya menggambarkan pembentukan dan penggunaan budaya dalam sesuatu kelompok masyarakat. Hal ini termasuklah penggunaan budaya normatif, ekspresif, kebendaan dan kepercayaan yang wujud dalam kehidupan sosial secara (Hodge, 1998, pp.132-134).

Dari sudut semiotik, budaya adalah dirujuk sebagai reaksi anggota masyarakat dalam sesuatu kelompok masyarakat yang mengenali lambang-lambang untuk diinterpretasikan dan untuk menghasilkan sesuatu makna (Shore, 1998, pp.165-166). Manakala kod-kod budaya adalah penentu kesatuan kelompok-kelompok. Kelompok masyarakat yang disatukan dari sudut unsur-unsur budaya yang mempunyai peraturan-peraturan tertentu boleh memberikan makna kepada hal-hal yang dilakukan oleh mereka. Kod-kod budaya juga mengenal pasti teman-teman kelompok kebudayaan sesuatu golongan masyarakat melalui beberapa cara seperti penggunaan bahasa ibunda, pakaian, makanan, tempat kediaman, peralatan yang digunakan dan sebagainya (Bronwen Martin & Felizitas Ringham, 2006, pp.42). Maka dalam hal ini, kod-kod budaya akan memainkan peranan sebagai penentu identiti seseorang atau sesuatu golongan masyarakat berasaskan budaya mereka.

Teori ini juga didapati sesuai digunakan dalam kajian semasa kerana budaya juga dipilih sebagai satu unsur yang mewujudkan ketaksamaan sosial sosial dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, teori kod-kod budaya sudah tentu dapat memberikan satu panduan dalam kajian semasa untuk menilai perbezaan dan ketaksamaan sosial yang mungkin dapat terhasil daripada amalan budaya. Budaya dikatakan sebagai merangkumi keseluruhan kehidupan manusia (Taylor, 1958, p.1). Kod-kod budaya mengkaji amalan budaya masyarakat dalam kehidupan harian (Shore, 1998, p.165). Maka dengan ini teori kod-kod budaya dapatlah dimanfaatkan pada kebanyakan senario dalam kajian semasa kerana kajian ini dilakukan terhadap ketaksamaan sosial masyarakat India Malaysia seperti mana yang digambarkan dalam FFTM.

2.8.6. Sosio Semiotik Dan Penggunaannya Dalam Kajian Semasa

Teori sosio semiotik ataupun semiotik sosiologi adalah sebuah teori yang lebih sesuai digunakan dalam kajian terhadap bidang sosiologi, budaya dan politik dalam usaha mengenali fungsi, kesan dan maksud sesuatu perkara atau tanda dalam pada pelbagai sudut pandangan (Mariana Valverde, 2006, p.17). Oleh itu, teori semiotik sosiologi dikatakan sebagai teori yang sesuai untuk mengkaji tentang bidang sosial (Preucel, 2010, p.8).

Teori ini membenarkan manusia untuk mengenali makna tersurat dan tersirat dalam sesuatu kejadian sosial dan juga terhadap tanda-tanda yang wujud dalam sosial. Semiotik

sosiologi juga memberikan panduan kepada pengguna teori ini untuk membuat andaian atau rancangan dalam melakukan sesuatu tindakan. Panduan awal ini terbentuk berdasarkan makna-makna yang akan diperoleh daripada sesuatu tindakan sosial tersebut (Albert Sebeok, 1994, p.3). Manakala makna yang dihasilkan daripada tindakan manusia itu pula terhasil dalam bentuk perkataan, gambar, pergerakan fizikal, perasaan dan sebagainya (Preucel, 2010, p.8).

Teori semiotik sosiologi juga mengkaji tentang peranan dan sifat yang wujud daripada tindakan manusia yang menghasilkan tanda-tanda (Brown Martin & Felizitas Ringham, 2006, p.189). Peranan dan sifat ini pula akan menentukan tindakan yang harus dilakukan oleh seseorang individu. Peranan seseorang individu itu bukan hanya ditentukan sekadar pekerjaan tetapi ianya adalah lebih luas merangkumi segala kegiatan aktiviti yang dilakukan oleh individu untuk diri sendiri dan juga kepada institusi-institusi sosial yang lain (Berry, 1974, p.12). Justeru itu, tindakan yang terbentuk daripada peranan dan sifat itu akan menggambarkan identiti, status, kedudukan dan kuasa seseorang individu. Maka dengan ini dapatlah dikatakan bahawa tanda dalam sosial juga dapat dianggap boleh membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat (Scott Simpkins, 2001, p.27).

Kebanyakan tanda yang sedia adalah tercipta menerusi perhubungan sosial. Melalui perhubungan sosial, sesuatu tanda itu akan membentuk makna dan fungsinya berdasarkan kelompok yang menggunakannya (Albert Sebeok, 1994, p.11). Sebagai contohnya, penggunaan warna merah dalam kalangan masyarakat Cina adalah membawa makna kesucian dan kemewahan. Tetapi warna yang sama dalam kehidupan sosial lain menjadi

tanda bahaya dan memerlukan perhatian. Hal ini kerana setiap kelompok mempunyai cara untuk membawa makna terhadap semiotik sosial masing-masing. Makna itu adalah terhasil daripada bentuk kehidupan sosial, warisan, budaya, tradisi, pencapaian ketamadunan, kepercayaan, pendidikan, status sosial dan sebagainya. Tetapi makna yang terhasil daripada interpretasi itu haruslah dilakukan berdasarkan logik. Logik adalah aspek utama dalam memberikan makna kepada sesuatu tanda dalam teori semiotik sosiologi (Preucel, 2010, p.8). Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa teori ini membentuk sesuatu interpretasi berdasarkan logik yang wujud terhadap tanda dalam sosiologi.

Selain itu, peranan dan sifat juga dikatakan memainkan fungsi utama dalam kajian terhadap ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana tindakan individu itulah yang menentukan kewujudan ketaksamaan sosial dalam sistem sosiologi. Tindakan individu pula terbentuk daripada peranan dan sifat (Weber, 1947, p.88). Manakala teori semiotik sosiologi pula menitik berat tentang peranan dan sifat yang membentuk tindakan seseorang individu. Berdasarkan kenyataan ini teori ini dapat memberikan satu panduan kepada pengkaji untuk menilai tindakan individu berdasarkan sifat dan peranan mereka untuk mengenali bagaimana wujudnya ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat.

Peranan juga dikatakan sebagai alat pengukur untuk menentukan status dan kedudukan individu dalam kajian sosiologi. Peranan menentukan tanggungjawab seseorang individu. Tanggungjawab pula membuatkan manusia untuk melakukan aktiviti. Aktiviti yang dilakukan akan menentukan kedudukan sosial seseorang individu. (Berry, 1974, p.75).

Kedudukan pula membentuk ketaksamaan sosial dalam kehidupan sosial. Dalam keadaan ini teori semiotik sosiologi yang memberikan penjelasan tentang tindakan yang membentuk tanda dan memberikan peluang kepada pengkaji untuk menilai tanda-tanda tersebut bagi menguji ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat daripada tindakan sosial mereka.

Walaupun ketaksamaan sosial adalah umum dan wujud dalam semua kalangan masyarakat tetapi ciri-ciri kewujudannya adalah ditentukan berdasarkan kelompok masyarakat itu (Preucel, 2010, p.8). Sebagai contohnya ketaksamaan sosial yang wujud berdasarkan unsur kasta adalah suatu stratifikasi khusus dan lebih menonjol dalam kalangan orang India (Srinivas, 1969, pp.265-267). Berdasarkan pandangan ini, teori semiotik sosiologi juga membuka ruang kepada pengkaji untuk menguji makna yang terhasil dalam sesuatu kelompok masyarakat berdasarkan daripada bentuk kehidupan sosial, warisan, budaya, tradisi, pencapaian ketamadunan, pendidikan, tahap ekonomi masyarakat itu sendiri. Justeru itu, teori semiotik sosial juga dapat dikatakan memberikan satu lagi panduan untuk menganalisis ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat.

Dengan ini secara keseluruhan dapat dikatakan bahawa ketiga-tiga sub teori yang digunakan dalam kajian semasa adalah sesuai dan juga boleh memberikan panduan yang mantap kepada pengkaji dalam melakukan analisis.

2.9. Kesimpulan

Secara keseluruhannya bab ini telah membincangkan tentang dua buah konsep iaitu filem dan ketaksamaan sosial. Penelitian terhadap filem, mengemukakan kepentingan filem sebagai kajian akademik yang memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial masyarakat. Manakala konsep tentang ketaksamaan sosial pula dibina berdasarkan tiga buah aspek utama iaitu status sosial, kelas sosial dan kuasa yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat. Selain itu, faktor-faktor yang mempengaruhi ketiga-tiga aspek ini iaitu politik/pentadbiran, ekonomi, budaya, agama, gender dan pendidikan juga turut dibincangkan.

Selain itu, teori struktural-fungsional, teori konflik dan teori semiotik, adalah dipilih berasaskan kesesuaian bahan dan topik penyelidikan. Pada dasarnya teori-teori tersebut dapat membantu dalam kajian semasa supaya tidak melepaskan fakta-fakta yang penting. Pada masa yang sama, hal ini juga membantu dalam kajian ini untuk mentafsirkan bahan kajian berdasarkan pemikiran dan tafsiran yang telah dikemukakan dalam teori-teori tersebut. Teori-teori yang dipilih dalam kajian ini juga dapat memberikan panduan asas dalam membuat analisis yang munasabah dan kritikan. Bukan itu sahaja, malah ia juga menjadi landasan dalam penyelidikan supaya analisis tidak lari daripada subjek perbincangan.